AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Hujung Minggu

PELITA BRUNEI

قليتا برونى

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

70 TAHUN 1956-2026

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"SESUNGGUHNYA (apa yang diturunkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam) itu ialah Al-Quran yang mulia. Di dalam kitab yang tersimpan dengan baik (Luh Mahfuz)".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al-Waqiah, ayat 77-78

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.36 | SUBUH 4.46 | SYURUK 6.05 | DUHA 6.28 | ZUHUR 12.05 | ASAR 3.25 | MAGHRIB 6.02 | ISYAK 7.13

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 130 | 31 OKTOBER 2026 / 1448 جمادي الأول 20 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

KEDAULATAN NEGARA BERTERASKAN KEKUATAN, KEBERKESANAN PENTADBIRAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BERAKAS, Khamis, 29 Oktober. - Dalam dunia yang semakin terbuka, kedaulatan sesebuah negara tidak lagi diukur berdasarkan pertahanan fizikal tetapi melalui kekuatan dan keberkesanan pentadbirannya.

Oleh itu, Perkhidmatan Awam diibaratkan sebagai benteng kedaulatan. Ini kerana, apabila seorang penjawat awam menjalankan tugas dengan jujur dan adil, maka bermakna dia mempertahankan kedaulatan negara dari ancaman rasuah, penyalahgunaan kuasa dan keruntuhan institusi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah sempena Majlis Kemuncak Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-33 Tahun 2026 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, hari ini.

Terdahulu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmat-Nya jua, dapatlah kita berhimpun di Majlis Kemuncak Sambutan HPA Ke-33, Tahun 2026 pada pagi ini.

>> Muka 2



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Majlis Kemuncak Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-33 Tahun 2026 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit.

Berkenan hantar titah perutusan tahniah





BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Turkiye, Tuan Yang Terutama Recep Tayyip Erdogan, kerajaan serta rakyat Republik Turkiye bersempena dengan Hari Republik negara tersebut.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Turkiye, Tuan Yang Terutama Recep Tayyip Erdogan.

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

Berita Utama



NBD sertai Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN Ke-20

Muka 9



RAWATAN segera meningkatkan peluang sembuh sepenuhnya

Muka 11



MENINGKATKAN kesedaran, mengurangkan stigma kesihatan mental

Muka 18



MENEROKAI bidang perkhidmatan penjagaan profesional

Muka 27

PELITA BRUNEI

Kedaulatan negara berteraskan kekuatan, keberkesanan pentadbiran

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd Noor / Morshidi, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada majlis berkenaan.

>> Muka 1

Tema baharu yang dipilih iaitu 'Menjulang Kepimpinan dan Kedaulatan Raja : Memacu Perkhidmatan Awam Yang Transformatif'. Titah baginda, tema ini bukan sekadar slogan, tetapi satu pengiktirafan tentang hubungan rapat di antara kepimpinan beraja dengan Perkhidmatan Awam di negara ini.

Ia, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, juga terjemahan kepada asas membentuk kestabilan dan kemajuan negara, berlandaskan falsafah Melayu Islam Beraja sebagai cara hidup, cara berfikir dan cara kita mentadbir dalam kehidupan seharian.

Titah baginda lagi, malah keamanan dan kestabilan yang kita nikmati hari ini adalah berasaskan keyakinan bahawa setiap penjawat awam memahami jawatan mereka bukan semata-mata pekerjaan tetapi amalan yang dipertanggungjawabkan oleh raja dan negara.

"Alhamdulillah, penghayatan prinsip-prinsip tadbir urus yang baik telah terbukti menerusi pencapaian terbaik negara setakat ini dalam Corruption Perceptions Index (CPI) tahun 2025 terbitan Transparency International yang meletakkan negara pada kedudukan ke-31 daripada 182 buah negara di dunia dan kedua tertinggi di ASEAN selepas Singapura.

"Dari sudut mendukung kepimpinan pula, penjawat awam hendaklah menjadikan setiap arahan, hasrat dan wawasan pemimpin sebagai pedoman yang perlu diterjemahkan ke dalam dasar, program dan tindakan yang bersepadu," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Sokongan terhadap kepimpinan bukan sekadar retorik atau simbolik, titah baginda, sebaliknya mesti terpancar melalui kesungguhan kerja dan ketepatan pelaksanaan di setiap peringkat perkhidmatan.

Baginda seterusnya bertitah, jangan hanya setakat mendengar tetapi perlu melaksanakannya, dan jangan juga sekadar setuju tetapi perlu menyempurnakannya. Kita semua, titah baginda lagi, perlu menyedari bahawa ketika zaman berubah, cabaran orang ramai juga turut berubah dan malah cara kita berkhidmat juga perlu berubah. Perubahan ini bukan bermakna kelemahan sistem yang sedia ada, sebaliknya bukti kematangan sesebuah negara.

"Di sinilah Perkhidmatan Awam selaku Peneraju Transformasi perlu berubah bentuk dan karakter tanpa mengkompromi objektif terasnya, untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan mantap serta bermakna kepada masyarakat," titah Kebawah DYMM lagi.

"Namun, dalam menerajui transformasi ini, sama ada digitalisasi, penambahbaikan penyampaian perkhidmatan, mahupun pembangunan modal insan, kita adalah perlu sentiasa kembali kepada persoalan asas iaitu adakah perkhidmatan kita telah benar-benar memudahkan kehidupan rakyat dan menzahirkan kesetiaan terhadap raja dan negara?

"Jika ya, teruskanlah dengan penuh keyakinan dan jika masih ada jurang, maka perbaikilah dengan tindakan dan bukan keluhan," titah Kebawah DYMM.

Oleh yang demikian, baginda ingin berpesan, jadilah penjawat awam yang taat kepada arahan, bijaksana dalam pelaksanaan, pantas menerima perubahan dan teguh berpegang kepada nilai.

Dengan cara inilah titah baginda lagi, kita dapat memastikan kedaulatan negara terus terpelihara, kepimpinan raja terus didukung sepenuh hati dan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam terus relevan untuk semua peringkat zaman. Akhirnya, baginda mengucapkan setinggi - tinggi tahniah kepada semua penerima anugerah pada tahun ini.

"Semoga pengiktirafan ini menjadi sumber inspirasi dan dorongan kepada seluruh penjawat awam, untuk terus meningkatkan mutu perkhidmatan dengan penuh keikhlasan, dedikasi dan amanah.

"Setinggi penghargaan juga turut ditujukan kepada seluruh warga Perkhidmatan Awam, sama ada yang masih berkhidmat mahupun yang telah bersara serta kepada semua pihak yang telah menjayakan Sambutan HPA pada tahun ini," titah baginda lagi.

WAKTU SEMBAHYANG

OKTOBER MASIHI	HARI	JAMADILAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
31	SABTU	20	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.02	7.13
1 NOVEMBER	AHAD	21	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.02	7.13
2	ISNIN	22	4.36	4.46	6.06	6.28	12.05	3.25	6.02	7.13
3	SELASA	23	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.25	6.02	7.13
4	RABU	24	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.25	6.02	7.13
5	KHAMIS	25	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.26	6.02	7.13
6	JUMAAT	26	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.26	6.02	7.13

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

	SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan	30 24 °C	31 25 °C	33 25 °C
Pekan Bangar	30 24 °C	31 25 °C	33 25 °C
Pekan Tutong	30 25 °C	31 25 °C	32 25 °C
Kuala Belait	30 25 °C	31 25 °C	33 26 °C

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 31 OKTOBER 2026

Meneroka Kerjaya di Luar Kebiasaan

PADA era globalisasi ini, golongan belia memainkan peranan penting dalam pembangunan negara. Kebanyakan belia beranggapan bahawa pekerjaan yang menjamin masa depan ialah pekerjaan tradisional seperti guru, doktor, pegawai kerajaan dan pekerja pejabat. Walau bagaimanapun, perkembangan teknologi dan perubahan ekonomi telah membuka pelbagai peluang pekerjaan baharu. Oleh itu, belia perlu digalakkan untuk menceburi bidang di luar pejabat seperti pertanian moden, keusahawanan, ekonomi digital, pelancongan dan industri kreatif.

Antara langkah untuk menggalakkan belia menceburi bidang bukan tradisional ialah memberikan pendedahan dan pendidikan sejak di bangku sekolah. Pihak sekolah boleh menganjurkan ceramah kerjaya, bengkel kemahiran dan lawatan ke tempat kerja yang berkaitan. Melalui aktiviti tersebut, belia dapat mengetahui bahawa bidang seperti pertanian moden dan perniagaan dalam talian juga mampu memberikan pendapatan yang lumayan. Selain itu, mereka dapat mengenal pasti minat dan bakat masing-masing sebelum membuat keputusan tentang kerjaya pada masa hadapan.

Seterusnya, pihak kerajaan dan institusi kewangan perlu menyediakan bantuan kewangan serta latihan kemahiran kepada golongan belia. Sebagai contoh, belia yang berminat untuk membuka perniagaan sendiri boleh diberikan modal permulaan, bimbingan perniagaan dan kursus pemasaran digital. Bantuan seperti ini dapat mengurangkan beban kewangan serta meningkatkan keyakinan mereka untuk memulakan kerjaya sendiri. Di samping itu, latihan dalam bidang teknologi maklumat, reka bentuk grafik dan penghasilan kandungan digital boleh membantu belia memperoleh pendapatan tanpa perlu bekerja di pejabat.

Selain itu, peranan ibu bapa dan masyarakat juga amat penting. Ibu bapa hendaklah memberikan sokongan kepada anak-anak untuk memilih kerjaya berdasarkan minat, kebolehan dan peluang yang tersedia. Mereka tidak seharusnya menganggap pekerjaan di luar pejabat sebagai pekerjaan yang kurang berprestij. Masyarakat juga perlu menghargai golongan yang bekerja sebagai petani, nelayan, peniaga kecil dan pengusaha industri kreatif kerana mereka turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Kesimpulannya, usaha menggalakkan belia menceburi bidang di luar pejabat memerlukan kerjasama semua pihak. Pendidikan, bantuan kewangan, latihan kemahiran serta sokongan keluarga merupakan faktor penting dalam mencapai matlamat ini. Belia pula perlu berani mencuba perkara baharu, rajin menimba ilmu dan tidak mudah berputus asa apabila menghadapi cabaran. Dengan meneroka pelbagai peluang kerjaya, belia bukan sahaja dapat membina masa depan yang lebih cerah, malah mampu mewujudkan peluang pekerjaan kepada orang lain dan menyumbang kepada kemajuan negara. **- Ketua Penyuntingan (Nr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن فنراغن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سندیرين برحد، نكارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERANGKAT KE MAJLIS KEMUNCAK SAMBUTAN HPA KE-33





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja berkenan berangkat menghadiri Majlis Kemuncak Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-33, Tahun 2026 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas (atas dan kiri).

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Khamis, 29 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Kemuncak Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-33, Tahun 2026 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di JPM; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja dijunjung oleh Menteri di JPM (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad; dan Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HPA Kali Ke-33, Tahun 2026.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran daripada Surah Al-Anbiya' ayat 72 hingga 75 yang dibacakan oleh Johan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 2025, Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili.

Sementara kesimpulan ayat pula dibacakan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi.

Majlis diteruskan dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM (Urustadbir Perkhidmatan Awam).

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kemudian berkenan mengurniakan titah.

Seterusnya, majlis diserikan dengan Ceramah Khas Perkhidmatan Awam bertajuk 'Perkhidmatan Awam Yang Transformatif: Menjulang Kepimpinan dan Kedaulatan Raja' disampaikan oleh Penolong Kanan Profesor dan Dekan, Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Hambali bin Haji Jaili.

>> Muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan anugerah kepada para penerima (kanan, bawah dan bawah kanan).









BACAAN ayat-ayat suci Al-Quran daripada Surah Al-Anbiya' ayat 72 hingga 75 yang dibacakan oleh Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili (bawah). Sementara gambar kiri dan kiri sekali, sekitar majlis tersebut.







KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja menadah tangan ketika doa dibacakan (atas kiri). Sementara gambar atas kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menandatangani lembaran kenangan.

>> Muka 3

Dalam ceramah tersebut, beliau antara lain menekankan, transformasi Perkhidmatan Awam bukan sekadar perubahan sistem dan teknologi, malah perlu disertai dengan pengukuhan nilai amanah, integriti, kompetensi dan akhlak dalam kalangan penjawat awam.

Turut diketengahkan ialah kepentingan kepimpinan yang berteraskan kepercayaan, tanggungjawab dan keteladanan, serta budaya kerja yang mengutamakan kepentingan rakyat dan negara.

Penghayatan nilai-nilai tersebut menjadi asas dalam membentuk Perkhidmatan Awam yang lebih berkesan dan berwibawa, selaras dengan semangat menjunjung kepimpinan dan kedaulatan raja.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudian berkenan mengurniakan anugerah-anugerah Perkhidmatan Awam sebagai pengiktirafan kepada agensi, kumpulan dan individu yang telah menunjukkan pencapaian, inovasi serta kecemerlangan dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

Pengurniaan tersebut merangkumi tiga bentuk anugerah dan pengiktirafan utama iaitu Program Penggredan Prestasi Sektor Awam (3PSA) melalui Penarafan Bintang, Anugerah Inovasi Perdana (AIP) dan Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA).

Bagi pengiktirafan 3PSA melalui Penarafan Bintang, sebanyak lima jabatan kerajaan telah menerima pengiktirafan pada tahun ini.

Jabatan Pengajian Islam, KHEU dan Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi telah diiktiraf mencapai empat bintang pada tahap 'Sangat Baik'.

Manakala tiga agensi telah diiktiraf mencapai tiga bintang pada tahap 'Baik' iaitu Jabatan Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK), Kementerian Pendidikan; Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Program tersebut merupakan penilaian terhadap prestasi pengurusan agensi kerajaan dari segi kecekapan, keberkesanan, produktiviti dan kualiti penyampaian perkhidmatan.

Pengiktirafan diberikan kepada agensi yang mencapai penarafan tiga bintang dan ke atas sebagai dorongan untuk terus meningkatkan prestasi dan membudayakan penambahbaikan berterusan.

Sementara itu, bagi AIP, Kumpulan 'Integr8' dari Bahagian Teknologi Maklumat, Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menerima Anugerah Emas menerusi projek 'Bantuan Kecerdasan Buatan (A.I) Pemangkin Transformasi Digital'.

Manakala Anugerah Perak dianugerahkan kepada Kumpulan 'TIMS Titans' dari Unit Statistik, Bahagian Dasar, Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri bagi projek 'TIMS: Tourism Information Management Systems'.

Anugerah Gangsa pula dianugerahkan kepada 'AEU TEMD TEAM' bagi projek 'APLIKASI HR Pulse (Human Resource Management System)'.

AIP memberikan pengiktirafan kepada individu atau kumpulan dalam Perkhidmatan Awam yang berjaya melaksanakan projek inovatif yang membawa hasil dan manfaat nyata kepada penambahbaikan penyampaian perkhidmatan.

Pada tahun ini, AIP mencatatkan jumlah penyertaan tertinggi sejak diperkenalkan pada 2019, dengan menerima sebanyak 33 projek.

Selain itu, seramai 48 pegawai dan kakitangan kerajaan dari 12 kementerian telah menerima APCPA.

>> Muka 5



KEBAWAH DYMM berkenan menerima pesambah.





KEBAWAH DYMM berkenan menerima junjung ziarah (atas dan atas kanan). Manakala gambar-gambar di bawah, sebahagian yang hadir pada Majlis Kemuncak Sambutan HPA Kali Ke-33, Tahun 2026 yang berlangsung di ICC, Berakas.







BACAAN Doa Selamat oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta paduka-paduka anakanda dan adinda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

>> Muka 4

Anugerah ini merupakan pengiktirafan kepada pegawai dan kakitangan kerajaan dalam Bahagian II hingga Bahagian V yang telah menunjukkan prestasi kerja cemerlang serta komitmen dan dedikasi yang tinggi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Kebawah DYMM kemudian berkenan dijunjung menyaksikan Pameran Mini Kepimpinan dan Inovasi Perkhidmatan Awam yang mengetengahkan pelbagai projek, inisiatif dan pencapaian dalam bidang pembangunan kepimpinan serta inovasi Perkhidmatan Awam.

Pameran berkenaan mengetengahkan hasil projek daripada program pembangunan kepimpinan dan AIP, yang mencerminkan usaha berterusan agensi-agensi kerajaan dalam memperkukuh keupayaan, meningkatkan kecekapan serta menambah baik mutu penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai.

Kebawah DYMM seterusnya dijunjung bagi menghadiri Majlis Santap.

Sambutan HPA merupakan acara tahunan bagi menghargai dan mengiktiraf jasa serta sumbangan warga Perkhidmatan Awam dalam pembangunan negara.

Sambutan kali ini memperkenalkan tema baharu bagi tempoh tiga tahun bermula 2026 hingga 2028.

Tema tersebut 'Menjulang Kepimpinan dan Kedaulatan Raja: Memacu Perkhidmatan Awam Yang Transformatif' mengetengahkan peranan penting perkhidmatan awam ke arah menjulang kepimpinan dalam pemerintahan Kebawah DYMM khususnya menjelang Sambutan Jubli Intan Kebawah DYMM pada tahun 2027 sempena 60 tahun baginda menaiki takhta.

Tema ini menekankan keistimewaan sistem pemerintahan Negara Brunei Darussalam melalui tiga tonggak utama iaitu Raja Berdaulat Berteraskan Islam, Kebawah DYMM selaku Perdana Menteri dan Ketua Kerajaan, serta penyatuan peranan raja dan Ketua Kerajaan yang menjamin kesinambungan kepimpinan, kestabilan pentadbiran dan keberkesanan tadbir urus negara.

Dalam pada itu, kepimpinan dan kedaulatan raja juga menjadi pemangkin dalam memacu transformasi Perkhidmatan Awam ke arah sebuah institusi yang lebih progresif, responsif dan berdaya tahan, seiring dengan hala tuju dan aspirasi pembangunan negara.

Tema sambutan berkenaan turut diketengahkan menerusi tayangan klip video yang menggambarkan peranan Perkhidmatan Awam dalam menterjemahkan hala tuju dan aspirasi tersebut melalui pelaksanaan dasar dan inisiatif kerajaan yang memberi manfaat kepada rakyat.

Sehubungan itu, warga Perkhidmatan Awam akan terus menanai amanah, memelihara integriti dan memikul tanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik ke arah menjulang kepimpinan dan kedaulatan raja demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara, selain mendukung pencapaian matlamat Wawasan Brunei 2035.

Acara-acara Sambutan HPA pada tahun ini akan diteruskan dengan Forum Khas Perkhidmatan Awam bertemakan 'Transformasi Perkhidmatan Awam, Inspirasi Raja Dijulang' pada hari Sabtu, 31 Oktober 2026, bertempat di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa.

Forum tersebut akan menghimpunkan penceramah dan ahli panel dari dalam dan luar negara bagi berkongsi pandangan, pengalaman serta pendekatan terbaik dalam memperkukuh transformasi Perkhidmatan Awam khususnya dalam bidang tadbir urus, kepimpinan, pendigitalan, inovasi dan pembangunan keupayaan.

MEMACU TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Khamis, 29 Oktober. - Usaha memperkukuh kepimpinan, kompetensi, pembelajaran sepanjang hayat serta kesiapsiagaan warga Perkhidmatan Awam dalam menghadapi perubahan, termasuk penerokaan Kecerdasan Buatan (AI) dan teknologi digital, terus dipertingkatkan.

Ini bertujuan untuk melengkapkan mereka dengan pengetahuan, kemahiran, perubahan minda serta tatacara berfikir yang diperlukan bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dan negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad menyembahkan perkara itu dalam sembah alu-aluan semasa Majlis Kemuncak Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-33, Tahun 2026 yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Dalam konteks pembangunan kepimpinan, sembah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Civil Service Leadership Pipeline (CSLP) yang diperkenalkan pada tahun 2016 terus berperanan mengenalpasti, membangun dan mempersiapkan pegawai yang berpotensi untuk memegang tanggungjawab kepimpinan.

"Sehingga kini, seramai 1,181 orang pegawai telah dikenal pasti dalam Leadership Pool CSLP. Usaha ini diperkukuh melalui program pembangunan, penempatan dan kerjasama dengan rakan strategik seperti Singapura dan Malaysia, serta pelaksanaan projek penambahbaikan di kementerian dan jabatan bagi melahirkan pemimpin berkaliber dan memperkukuh perancangan penggantian kepimpinan dalam Perkhidmatan Awam," sembah Yang Berhormat.

Sementara itu, sembah Yang Berhormat, usaha ke arah pengukuhan keupayaan digital warga Perkhidmatan Awam turut dapat dilihat melalui perkembangan penyertaan program - program latihan berteraskan teknologi masa kini.

"Berdasarkan statistik Institut Perkhidmatan Awam, penyertaan warga Perkhidmatan Awam dalam kursus-kursus berkaitan ICT, digital dan AI telah meningkat sebanyak 96 peratus dalam tempoh tiga tahun kebelakangan.

"Peningkatan ini mencerminkan usaha berterusan memperkukuh kompetensi digital, selaras dengan inisiatif Penyediaan dan Pengendalian Kursus - Kursus Digital / ICT di bawah Manpower Blueprint," sembah Yang Berhormat.

Yang Berhormat menyembahkan, transformasi juga menuntut proses kerja yang sentiasa dinilai dan diperbaiki.

Dalam hubungan ini, pelaksanaan Transformasi Sistem Kerja bersama agensi-agensi berkaitan diteruskan bagi memperkemas proses kerja dan meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kerajaan.

"Usaha ini turut memberikan penekanan kepada penambahbaikan *pro-business*, bagi mewujudkan persekitaran perniagaan dan pelaburan yang lebih kondusif serta berdaya saing," tambah Yang Berhormat.

Dalam pada itu, sembah Yang Berhormat, budaya inovasi terus berkembang melalui Anugerah Inovasi Perdana (AIP) pada tahun ini, dengan peningkatan penyertaan kepada 33 kertas projek dari lapan kementerian, berbanding 12 kertas projek dari enam kementerian pada tahun sebelumnya.

"Peningkatan ini mencerminkan komitmen agensi-agensi kerajaan untuk terus membudayakan inovasi dalam meningkatkan produktiviti, memperkemas proses kerja serta menghasilkan penyelesaian bagi memenuhi keperluan organisasi, rakyat dan negara.

"Selaras dengan semangat tersebut, Sambutan HPA pada tahun ini turut menampilkan Ceramah Khas dan Forum Khas Perkhidmatan Awam sebagai wadah untuk membincangkan hala tuju masa hadapan, bertukar pandangan, berkongsi pengalaman dan meneroka idea baharu bagi memperkukuh budaya pembelajaran, inovasi dan penambahbaikan dalam Perkhidmatan Awam," sembah Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat dalam sembah alu-aluan, tahun 2026 mempunyai makna yang istimewa kerana menjadi permulaan kepada penghayatan tema baharu, dan dalam masa yang sama membawa kita menuju ke tahun 2027 yang akan menyaksikan Sambutan Jubli Intan 60 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.

"Dalam tempoh hampir enam dekad pemerintahan Kebawah Duli Tuan Patik, Perkhidmatan Awam telah melalui pelbagai fasa pembangunan dan pemodenan, dan akan terus memikul amanah untuk mendukung kemajuan negara serta kesejahteraan rakyat.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) ketika menyampaikan sembah alu-aluannya.

"Sehubungan itu, hamba Kebawah Duli Tuan Patik penuh percaya bahawa sambutan pada tahun ini akan terus memperbaharui tekad serta semangat seluruh warga Perkhidmatan Awam untuk terus memberikan khidmat yang cemerlang, meningkatkan keupayaan, membudayakan penambahbaikan dan sentiasa bersedia menghadapi perubahan.

"Disembahkan juga bahawa pada majlis pagi ini, Kebawah Duli Tuan Patik akan berkenan menyempurnakan pengurniaan AIP; Anugerah bagi Program Penggredan Prestasi Sektor Awam (3PSA), dan Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA), sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian, inovasi, prestasi serta khidmat bakti warga dan institusi Perkhidmatan Awam.

>> Muka 7

PELITA BRUNEI

PAMERAN KETENGAHKAN INISIATIF PEMBANGUNAN KEPIMPINAN, PROJEK INOVASI





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan Pameran Mini sempena Majlis Kemuncak Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-33, Tahun 2026.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Khamis, 29 Oktober. - Selaras dengan tumpuan kepada kepimpinan dan inovasi, Pameran Mini sempena Majlis Kemuncak Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-33, Tahun 2026, mengetengahkan pelbagai inisiatif pembangunan kepimpinan dan projek inovasi dalam usaha memperkukuh kecemerlangan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan pameran tersebut yang diadakan di Ruang Legar, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di JPM; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Pada pameran tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mula-mula dijunjung menyaksikan persembahan teknologi Holobox, iaitu paparan avatar hologram digital yang menyampaikan ucapan alu-aluan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

>> Muka 7









KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja berkenan mendengarkan sembah penerangan daripada para peserta pameran berkenaan (atas kiri, atas, kiri dan bawah).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan pameran tersebut yang diadakan di Ruang Legar, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

>> Muka 6

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudian berkenan menyaksikan enam ruang pameran interaktif (*mixel*) yang memaparkan inisiatif pembangunan kepimpinan melalui Civil Service Leadership Pipeline (CSLP), merangkumi Young Executive Programme (YEP), Program Pembangunan Kepimpinan bagi Pegawai Peringkat Pertengahan (MMO) serta Pegawai Kanan (EDPSGO).

Program-program berkenaan merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam melahirkan pemimpin Perkhidmatan Awam yang berwibawa dan berdaya saing.

Baginda seterusnya dijunjung menyaksikan ruang pameran yang mengetengahkan program kerjasama pembangunan kepimpinan tiga hala antara Negara Brunei Darussalam (NBD), Malaysia dan Republik Singapura melalui satu ruang pameran khusus yang memaparkan pengalaman pembelajaran serta usaha memperkukuh jaringan kerjasama serantau.

Sementara itu, enam ruang pameran berikutnya memaparkan projek - projek inovasi di bawah Anugerah Inovasi Perdana (AIP) yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Pengurusan.

Inisiatif berkenaan bertujuan menggalakkan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan, meningkatkan kecekapan organisasi serta menghasilkan penyelesaian inovatif dalam sektor kerajaan.

Secara keseluruhannya, penganjuran pameran ini mencerminkan komitmen berterusan Perkhidmatan Awam NBD dalam membangunkan modal insan berkualiti, meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan serta memperkukuh budaya inovasi ke arah mewujudkan Perkhidmatan Awam yang lebih progresif, responsif dan berorientasikan masa hadapan.

Pameran bertujuan meningkatkan produktiviti, memperkukuh pembangunan kepimpinan serta memupuk budaya inovasi dalam Perkhidmatan Awam, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda dijunjung sesi bergambar ramai.

Memacu transformasi Perkhidmatan Awam demi kesejahteraan rakyat

>> Muka 5

"Semoga pengiktirafan tersebut akan terus menjadi sumber inspirasi dan dorongan kepada seluruh warga Perkhidmatan Awam untuk meningkatkan prestasi, memperkukuhkan budaya kecemerlangan serta memberikan perkhidmatan yang semakin bermutu kepada rakyat dan negara," sembah Yang Berhormat.

Terdahulu, Yang Berhormat menyembahkan, sambutan HPA pada tahun ini menandakan bermulanya tema baharu bagi tempoh tiga tahun iaitu 'Menjulang Kepimpinan Dan Kedaulatan Raja: Memacu Perkhidmatan Awam Yang Transformatif'.

Tema ini menyanjung kepimpinan dan kedaulatan raja yang sekian lama menjadi teras kekuatan negara serta asas kepada pengukuhan nilai-nilai Perkhidmatan Awam, sebagaimana juga yang diterapkan menerusi tema-tema Hari Perkhidmatan Awam terdahulu.

Setentunya, ia akan menjadi pendorong utama kepada perubahan, pembaharuan dan penambahbaikan berterusan ke arah penyampaian perkhidmatan yang memberi tumpuan khusus kepada rakyat, yang manfaatnya dapat dirasai oleh seluruh lapisan masyarakat dan orang ramai amnya.

Sepanjang tahun yang lalu, sembah Yang Berhormat, landskap Perkhidmatan Awam negara terus memperlihatkan pelbagai perkembangan.

Ia merangkumi usaha memperkukuh tadbir urus dan kaedah bekerja, memperluas jalinan kerjasama strategik merentas kementerian, jabatan, institusi pengajian, sektor swasta serta rakan serantau dan antarabangsa, di samping mempertingkatkan keupayaan penyampaian perkhidmatan dalam pelbagai bidang.

"Pada masa yang sama, pendigitalan sektor awam turut menjadi pemangkin Perkhidmatan Awam yang lebih cekap dan responsif, selaras dengan hala tuju Digital Brunei 2030.

"Di samping itu, perkembangan Kecerdasan Buatan atau Artificial Intelligence (AI) pula membuka peluang meningkatkan produktiviti dan mendukung penghasilan keputusan atau 'Decision-Making', dengan memastikan penggunaannya terus dilaksanakan secara bertanggungjawab dan berlandaskan tadbir urus yang baik.

"Kejayaan transformasi ini sudah pastinya bergantung kepada warga Perkhidmatan Awam itu sendiri," sembah Yang Berhormat.

Dalam sembah alu-aluan itu juga, Yang Berhormat, mewakili Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Eksekutif Sambutan HPA Ke-33 serta seluruh warga Perkhidmatan Awam, merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli ke Majlis Kemuncak Sambutan HPA.

"Keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik serta perkenan untuk mengurniakan titah dan seterusnya menyempurnakan pengurniaan anugerah-anugerah pada pagi ini amat bermakna kepada seluruh warga Perkhidmatan Awam.

"Ia menjadi kesempatan untuk menyembahkan penghargaan dan menjunjung kasih di atas kepimpinan bijaksana, keprihatinan serta pemedulian Kebawah Duli Tuan Patik yang berterusan dalam membimbing perkembangan dan kemajuan Perkhidmatan Awam di negara ini," sembah Yang Berhormat lagi.

PELITA BRUNEI



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menyaksikan perlawanan di antara DPMM FC menentang Negeri Sembilan FC.



DPMM FC KUTIP 3 MATA PENUH

Oleh : Pg.Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Muhammad Asri Awang Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 30 Oktober. - DPMM FC berjaya menafikan hasrat Negeri Sembilan FC (NSFC) untuk meraih kemenangan apabila menewaskan pasukan itu 3 - 1 dalam aksi Liga Super Malaysia yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Berangkat menyaksikan perlawanan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

DPMM FC hampir membuka jaringan seawal minit kedua menerusi percubaan Miguel Oliveira, namun bola hanya terkena tiang gol.

Bagaimanapun, Jordan Murray berjaya meletakkan DPMM FC di hadapan pada minit ke-12 menerusi tandukan yang melepasi penjaga gol NSFC, Syahmi Adib Haikal.

Pada minit ke-34, serangan NSFC membuahkan hasil apabila berjaya menyamakan kedudukan menerusi Luqman Hakim.

Jaringan berkenaan pada awalnya dibatalkan kerana ofsaid, namun selepas semakan Video Bantuan Pengadil (VAR), gol tersebut disahkan sekali gus menjadi jaringan pertama Luqman Hakim pada musim ini.

Kedua-dua pasukan terus berusaha untuk menambah jaringan, namun kedudukan 1 - 1 kekal sehingga tamat separuh masa pertama.

Memasuki babak kedua, NSFC terus memberi tekanan ke arah barisan pertahanan DPMM FC dalam usaha memburu jaringan.

Pada minit ke-88, DPMM FC berjaya menggandakan jaringan menerusi Dalberto Luan menjadikan pasukan DPMM FC berada dalam kedudukan selesa.

Oscar Santis kemudian memastikan kemenangan berpihak kepada DPMM FC menerusi jaringan ketiga untuk mengesahkan kemenangan 3 - 1.

Keputusan tersebut menyaksikan DPMM FC kekal di tangga keempat liga dengan mengumpul 12 mata, manakala NSFC berada di tangga kelapan dengan lima mata.

DPMM FC seterusnya akan berdepan JDT dalam aksi separuh akhir kedua Piala FA pada 8 November ini.



AKSI para pemain pada Liga Super Malaysia yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah (atas). Sementara gambar bawah kiri, para penyokong hadir memeriahkan perlawanan tersebut.

Amanah, integriti teras transformasi Perkhidmatan Awam

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit

BERAKAS, Khamis, 29 Oktober. - Apabila kita menyebut transformasi Perkhidmatan Awam, kita mungkin terus membayangkan kemajuan teknologi digital, Kecerdasan Buatan (AI), inovasi, sistem terkini, proses kerja yang lebih pantas dan organisasi yang lebih cekap. Tidak dinafikan semua itu sememangnya penting.

Tetapi dalam perspektif Islam, transformasi yang paling besar bukan bermula daripada kecanggihan teknologi semata - mata. Transformasi sebenar bermula daripada manusia itu sendiri.

Perkara tersebut antara yang ditekankan oleh Penolong Kanan Profesor dan Dekan, Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Hambali bin Haji Jaili dalam Ceramah Khas Perkhidmatan Awam bertajuk 'Perkhidmatan Awam Yang Transformatif: Menjulang Kepimpinan dan Kedaulatan Raja' pada Majlis Kemuncak Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-33, Tahun 2026 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



CERAMAH khas disampaikan oleh Penolong Kanan Profesor dan Dekan, Fakulti Bahasa Arab, UNISSA, Dr. Haji Hambali bin Haji Jaili.

Dr. Haji Hambali menjelaskan, Perkhidmatan Awam bukan sekadar transformasi sistem, tetapi transformasi jiwa dan nawaitu kita. Terdapat tujuh transformasi utama yang perlu dimiliki oleh setiap penjawat awam dalam melaksanakan tugas serta amanah yang dipertanggungjawabkan.

Pertama, Perkhidmatan Awam adalah amanah. Dalam Surah An-Nisa ayat 58 bermaksud, "*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala amanah kepada yang berhak menerimanya dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia, hendaklah kamu menghukum dengan adil*".

Ayat ini, jelas beliau, memberikan asas yang sangat kukuh kepada Perkhidmatan Awam bahawa jawatan adalah amanah, kuasa adalah amanah, masa bekerja adalah amanah, dana kerajaan adalah amanah, maklumat kerajaan adalah amanah. Setiap keputusan yang kita buat yang memberi kesan kepada kehidupan rakyat dan masyarakat juga merupakan amanah.

Dr. Haji Hambali kemudian mengongsikan yang kedua adalah menjunjung kepimpinan raja dengan ketaatan dan kesungguhan.

"Islam mengajar umatnya supaya menghormati dan mentaati kepimpinan dalam perkara yang makruf. Kerana itulah, mendoakan raja dan pemimpin agar dikurniakan keadilan, kebijaksanaan serta petunjuk Allah adalahmerupakan satu kewajipan setiap lapisan rakyat," jelas beliau.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, kepimpinan raja bukan sekadar ketua pentadbiran negara. Ia merupakan satu institusi yang mempunyai kedudukan yang sangat penting dalam ristaan sejarah, budaya dan kehidupan bernegara.

Seterusnya yang ketiga, Perkhidmatan Awam adalah kepercayaan, bukan keistimewaan. Perlu kita fahami jawatan Perkhidmatan Awam yang kita pikul bukanlah satu tashrif (kemuliaan) tetapi ia adalah taklif (khidmat dan beban). Ini jelas sebagaimana kita melihat dalam contoh para sahabat melihat jawatan dalam Perkhidmatan Awam sebagai amanah yang harus dipikul dengan rasa takut kepada Allah.

Mereka tidak melihat jawatan sebagai peluang untuk menikmati kemewahan. Sebaliknya, mereka melihatnya sebagai beban yang akan dipersoalkan di hadapan Allah.

"Yang keempat adalah amanah mesti disertai kompetensi. Perlu difahami bahawa Islam tidak hanya menuntut kita menjadi penjawat awam yang baik. Tetapi Islam juga menuntut kita menjadi penjawat awam yang berkebolehan," tambah Dr. Haji Hambali.

Justeru itu, amanah tanpa kompetensi adalah tidak memadai. Begitu juga kompetensi tanpa amanah juga adalah sia-sia. Kita memerlukan kedua-duanya.

Yang kelima pula, transformasi teknologi digital seiring transformasi akhlak. Jelas beliau, hari ini kita bercakap tentang digitalisasi, AI, dan perkhidmatan kerajaan yang lebih pintar. Semua ini adalah perlu dan sesuai dengan perkembangan zaman. Namun kita perlu ingat, teknologi boleh mempercepatkan kerja, tetapi manusialah yang menentukan arah kerja. Sistem boleh menjadi canggih, tetapi jika manusia tidak amanah, sistem itu boleh disalahgunakan.

"Data boleh menjadi hebat, Tetapi jika tiada integriti, data boleh dimanipulasi. Sebab itu transformasi yang sebenar mempunyai dua dimensi iaitu transformasi sistem dan transformasi akhlak.

"Oleh itu, akhlak menjadi nadi panduan utama dalam penggunaan teknologi digital agar kemajuan tidak disalahgunakan atau menghakis nilai kemanusiaan. Teknologi mempercepat urusan dan penyampaian maklumat, tetapi akhlak pula menentukan sama ada ia digunakan sebaiknya ataupun tidak," tambah beliau.

Kemudian yang keenam, berlaku adil dan ihsan dalam setiap tindakan.

Dr. Haji Hambali menjelaskan, keadilan iaitu memberikan hak yang sewajarnya, manakala ihsan ialah memberikan yang terbaik. Sepertimana dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nahl ayat 90 yang bermaksud, "*Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat ihsan*".

Akhir sekali, yang ketujuh, integriti menjaga maruah kerajaan dan negara. Integriti bukan sekadar nilai peribadi, tetapi cerminan maruah kerajaan dan negara. Menjaga integriti bererti memelihara amanah, membina kepercayaan masyarakat serta mempertahankan nama baik raja dan negara.

"Cuba kita renungkan akan integriti Umar bin Abdul Aziz (Rahimahullah) di mana beliau sangat berhati-hati membezakan antara kepentingan negara dan kepentingan peribadi. Diriwayatkan beliau menggunakan lampu yang dibiayai oleh Baitulmal untuk urusan kerajaan dan urusan rasmi. Namun apabila urusan peribadi bermula, beliau serta-merta tidak mahu menggunakan kemudahan lampu tersebut," jelas beliau.

Soal integriti, jelas beliau, ditekankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah sempena Sambutan HPA 2023 antara lain baginda menegaskan bahawa integriti Perkhidmatan Awam
mesti sentiasa teguh dan tidak boleh roboh, kerana keruntuhan integriti akan membawa kepada pelbagai gejala negatif seperti penyelewengan bagi kepentingan peribadi dan rasuah.

Dalam mengakhiri ceramah khas tersebut, beliau menyeru untuk terus beriltizam dan sentiasa menghayati 11 rukun dan etika kerja Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam, bersama lakukan transformasi. Daripada bekerja untuk jawatan, kepada bekerja demi amanah.

Daripada bekerja untuk mengejar kedudukan, kepada bekerja demi memperoleh keberkatan. Daripada melihat rakyat dan masyarakat sebagai pelanggan, kepada melihat mereka sebagai amanah. Daripada hanya melaksanakan arahan, kepada menterjemahkan melalui perkhidmatan menjadi hasil yang berkesan. Dan daripada sekadar menyebut kesetiaan kepada raja, kepada membuktikannya melalui kerja yang cemerlang untuk negara.

ADMM-PLUS KE-13 PERKUKUH KERJASAMA PERTAHANAN SERANTAU



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir di Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN-Plus Ke-13 di Pusat Ekspo Mactan, Cebu, Republik Filipina, baru-baru ini.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

CEBU, REPUBLIK FILIPINA, Jumaat, 30 Oktober. - Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN-Plus (ADMM-Plus) Ke-13 telah diadakan baru-baru ini di Pusat Ekspo Mactan, Cebu, Republik Filipina.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Setiausaha Pertahanan Nasional, Republik Filipina Yang Berhormat Gilberto C. Teodoro Jr., selaku Pengerusi ADMM-Plus Ke-13, dan dihadiri oleh Menteri-Menteri Pertahanan dan wakil-wakil ADMM-Plus serta Setiausaha Agung ASEAN.

Delegasi Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut serta dalam rombongan ialah Setiausaha Tetap (Dasar dan Pentadbiran), Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Mohammad Sharif bin Dato Paduka Haji Ibrahim, dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pertahanan.

Juga menghadiri mesyuarat tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Filipina, Puan Yang Terutama Megawati binti Dato Paduka Haji Manan.

Dengan tema 'Navigating Our Future, Together', mesyuarat tersebut mencapai kesepakatan dalam menerima-pakai kenyataan Joint Statement by the ADMM-Plus on Youth, Peace and Security, yang menekankan peranan belia sebagai rakan kongsi penting dalam mencapai keamanan dan keselamatan.

Di bawah agenda 'Exchange of Views', mesyuarat turut membincangkan dinamika keselamatan serantau dan antarabangsa, serta komitmen bersama untuk memelihara keamanan dan kestabilan melalui semangat ASEAN Centrality dan Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara (Treaty of Amity and Cooperation in Southeast Asia).

Majlis penyerahan kepengerusian telah diadakan yang menandakan berakhirnya peranan Republik Filipina sebagai Pengerusi ADMM dan ADMM-Plus bagi tahun 2026.

Republik Singapura akan memegang peranan sebagai Pengerusi ADMM dan ADMM-Plus bagi tahun 2027 dengan membawa tema 'Future-ready, Adaptive and Resilient'.

Di samping ADMM-Plus Ke-13, Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II turut berkesempatan mengadakan pertemuan dua hala dengan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Australia, Yang Berhormat Richard Marles MP, yang mana kedua-dua belah pihak mengesahkan hubungan pertahanan yang rapat di antara kedua-dua buah negara dan akan bekerjasama untuk memperkukuhkannya lagi.



TURUT serta, Setiausaha Tetap (Dasar dan Pentadbiran), Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Mohammad Sharif bin Dato Paduka Haji Ibrahim; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Filipina, Puan Yang Terutama Megawati binti Dato Paduka Haji Manan; dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pertahanan.

NBD sertai Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN Ke-20



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam pada Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN Ke-20 di Pusat Ekspo Mactan, Cebu, Republik Filipina.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

CEBU, REPUBLIK FILIPINA, Rabu, 28 Oktober. - Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN (ADMM) Ke-20 telah berlangsung di Pusat Ekspo Mactan, Cebu, Republik Filipina.

Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Setiausaha Pertahanan Nasional, Republik Filipina, Yang Berhormat Gilberto C. Teodoro Jr. selaku Pengerusi ADMM bagi Tahun 2026, dan dihadiri oleh para Menteri Pertahanan Negara-negara ASEAN dan wakil serta Setiausaha Agung ASEAN. Tahun ini menandakan detik penting apabila ADMM memperingati dua dekad kerjasama pertahanan serantau sejak mesyuarat sulungnya pada 9 Mei 2006.

Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) diketuai oleh Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut serta dalam rombongan, Setiausaha Tetap (Dasar dan Pentadbiran) Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Mohammad Sharif bin Dato Paduka Haji Ibrahim dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pertahanan.

Juga menghadiri mesyuarat tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Filipina, Puan Yang Terutama Megawati binti Dato Paduka Haji Manan.

Mesyuarat tahun ini telah mencapai kesepakatan dalam meluluskan lima inisiatif ADMM baharu, termasuk Kertas Konsep mengenai Program Pertukaran Pemimpin Muda ADMM, dan Kerta Konsep mengenai Pengukuhan Hubungan antara ADMM-Plus dan Dialog Pertahanan ASEAN Regional Forum (ARF).

Mesyuarat juga berjaya dalam menerima-pakai kenyataan Joint Statement by the ASEAN Defence Ministers Commemorating the 50th Anniversary of the Signing of the Treaty of Amity and Cooperation in Southeast Asia, dan deklarasi Manila Joint Declaration on the 20th Anniversary of the ASEAN Defence Ministers' Meeting : Navigating Our Future, Together.

Di samping mesyuarat tersebut, dua mesyuarat menteri-menteri pertahanan tidak rasmi turut diadakan. Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-menteri Pertahanan ASEAN - Amerika Syarikat telah dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Gilberto C. Teodoro Jr. selaku Pengerusi ADMM, dan Setiausaha Perang, Amerika Syarikat, Yang Berhormat Pete Hegseth.

Ia diikuti dengan pelaksanaan Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-menteri Pertahanan ASEAN - Jepun yang dipengerusikan bersama oleh The Honourable Gilberto C. Teodoro Jr. dan Menteri Pertahanan, Jepun, Tuan Yang Terutama Shinjiro Koizumi.

Bersempena ADMM Ke-20, Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II turut berkesempatan mengadakan pertemuan dua hala dengan Setiausaha Pertahanan Nasional Republik Filipina, di mana kedua-dua pihak menegaskan semula hubungan pertahanan yang kukuh antara kedua-dua negara.

Republik Filipina akan menjadi tuan rumah kepada ADMM-Plus Ke-13 pada Khamis, 29 Oktober 2026.

PELITA BRUNEI

PERTANDINGAN SENI KHAT KETENGAHKAN BAKAT, KREATIVITI TEMPATAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Adzraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 30 Oktober. - Usaha memartabatkan tulisan Jawi melalui seni kaligrafi Islam terus diperkasa oleh Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) menerusi pelbagai program dan aktiviti seni khat yang dianjurkan sepanjang tahun, termasuk Pertandingan Seni Khat yang bertujuan untuk memupuk minat, mengasah bakat serta meningkatkan kemahiran masyarakat dalam bidang berkenaan.

Sehubungan itu, PPKKI-YSHHB mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Seni Khat 1448 Hijrah / 2026 Masihi sempena Ulang Tahun Penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) Ke-34 Tahun yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Tingkat 4, Kompleks YSHHB.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB dan juga Pengerusi Lembaga Tadbir PPKKI-YSHHB, yang seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Pertandingan Seni Khat 1448H/2026M kali ini dibahagikan kepada dua konsep, iaitu Karya Siap dan Karya Spontan.

Karya Siap merangkumi dua kategori, iaitu Terbuka (Tradisional) dan Kontemporari; manakala Karya Spontan mempertandingkan empat kategori, iaitu Saudara Baru, Institut Pengajian Tinggi (IPT), Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah.

Pertandingan Karya Spontan telah diadakan pada 12 Oktober 2026, sementara penyertaan bagi Karya Siap mula dibukakan mulai 3 Ogos 2026 dengan tarikh tutup penghantaran karya pada 16 Oktober 2026.

Pertandingan berkenaan bertujuan untuk mengetengahkan bakat tempatan, di samping menggalakkan penghasilan karya seni khat yang bermutu dan kreatif, sama ada dalam bentuk tradisional mahupun kontemporari.

Inisiatif berkenaan turut dihasratkan dapat memperkukuh penghayatan serta penghargaan masyarakat terhadap keindahan seni khat sebagai salah warisan kesenian Islam.

Melalui penyertaan pelbagai lapisan masyarakat, termasuk pelajar sekolah, penuntut IPT dan Saudara Baru, pertandingan berkenaan juga bertujuan untuk menggalakkan penglibatan berterusan dalam bidang seni khat serta mengenal pasti bakat baharu yang berpotensi menjadi generasi pelapis.

Usaha berkenaan diharap dapat menyumbang kepada pemeliharaan dan pengembangan seni khat di negara ini, selaras dengan hasrat penubuhan PPKKI-YSHHB untuk memartabatkan tulisan Jawi melalui kaligrafi Islam.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Khattat PPKKI-YSHHB, Awang Muhammad Asyraaf bin Haji Mohd. Rambli, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Penolong Pengarah Urusan (Perkhidmatan Projek Khas) YSHHB, Mejar (B) Sopian bin Haji Mohammad Yassin, selaku Pengerusi Majlis.

Majlis turut diisi dengan ulasan hakim pertandingan yang disampaikan oleh Penolong Pegawai PPKKI-YSHHB, Awang Hamdy bin Emran, selaku wakil hakim pertandingan.

Bagi pertandingan Karya Siap dalam Kategori Terbuka (Tradisional), Awang Haji Muhammad Nazir bin Haji Othman muncul sebagai juara dengan markah 89 peratus dan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak BND2,000.

Manakala naib juara disandang oleh Awang Muhammad Azizi bin Haji Jamil dengan kutipan markah 85.1 peratus, sekali gus menerima hadiah wang tunai BND1,500; sementara Pengiran Yusdi bin Pengiran Rumbli menduduki tempat ketiga dengan markah 81.5 peratus dan menerima hadiah wang tunai BND1,000.

Sementara itu, bagi pertandingan Karya Siap dalam Kategori Kontemporari pula, Awang Muhammad Nadzrul Al-Hapeez bin Haji Awang Mohidi meraih tempat pertama dengan markah 82.5 peratus dan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND1,500.

Manakala Pengiran Khamarulzaman bin Pengiran Haji Tajuddin menduduki tempat kedua dengan markah 79.2 peratus dan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND1,200, sementara Awang Khairol Helmy bin Abdullah pula berada di tempat ketiga dengan markah 78.7 peratus dan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND1,000.

Bagi pertandingan Karya Spontan dalam Kategori Saudara Baru, Awang Khairol Helmy bin Abdullah muncul sebagai juara dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND700, diikuti naib juara dimenangi oleh Awang Nor Hashim bin Abdullah dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND500, manakala Dayang Nurhaziqah Insyirah binti Abdullah Musim @ Melny Nony pula berada di tempat ketiga dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND300.

Sementara itu, bagi Pertandingan Karya Spontan dalam Kategori IPT menyaksikan Awang Mohammad Rohaidi bin Johadi dari BICPA Academy meraih tempat pertama dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND350, diikuti pemenang kedua dimenangi oleh Awang Muhammad Azizi bin Haji Mohd. Jamil dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND250, manakala Awang Hadif Hadwan bin Mawardi, juga dari KUPU SB, menduduki tempat ketiga dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND150.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB dan juga Pengerusi Lembaga Tadbir PPKKI-YSHHB hadir selaku tetamu kehormat serta menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang.

Bagi Pertandingan Karya Spontan dalam Kategori Sekolah Menengah, Dayang Siti Nurin Alya Bazilah @ Siti Athirah binti Mohd. Fakhrul Zulfitri dari Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS) muncul sebagai juara dan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND300, diikuti naib juara diraih oleh Awang Muhammad Aqwa Rizqi Wahyuddin bin Eddy Waheyu Sofian dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND200, manakala Dayang Nur Soffiyya Khalisah binti Haji Nuurmatiin dari SUAMPRIPAHS pula menduduki tempat ketiga dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND100.

Sementara itu, bagi Pertandingan Karya Spontan dalam Kategori Sekolah Rendah pula, Dayangku Nur Rania Qaisara binti Pengiran Md. Nurshereful Feisel dari Sekolah Rendah Dato Othman meraih tempat pertama dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND200, diikuti Dayang Ain Nabihah binti Haji Elmy Esmady dari Sekolah Ugama Amar Pahlawan menduduki tempat kedua dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND150, manakala Awang Mohd. Nur Aniq Syahmi bin Mohd. Yusri dari Sekolah Ugama Pengiran Anak Hajah Masna berada di tempat ketiga dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND100.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Tadbir PPKKI-YSHHB; Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB; dan Ahli Lembaga Tadbir PPKKI-YSHHB, Ahli-ahli Lembaga Tadbir PPKKI-YSHHB, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan, Dr. Eddy Fadzlin bin Haji Amdan; Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama; serta pegawai-pegawai kanan YSHHB.

IBTE-JPMC meterai MoU bidang penjagaan kesihatan, sains gunaan

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



YANG Berhormat Menteri Kesihatan, yang juga merupakan Pengerusi dan Pengarah Eksekutif JPMC hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penandatanganan MoU tersebut.

JERUDONG, Jumaat, 30 Oktober. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) telah memeterai kerjasama strategik melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) bagi memperkukuh Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam bidang penjagaan kesihatan dan sains gunaan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, yang juga merupakan Pengerusi dan Pengarah Eksekutif JPMC.

Kerjasama berkenaan bertujuan untuk memperkukuh hubungan antara pendidikan teknikal dan vokasional dengan amalan industri melalui penyediaan peluang pembelajaran praktikal kepada para pelajar, pembangunan kurikulum serta perkongsian ilmu dan kepakaran antara tenaga pendidik dengan para profesional penjagaan kesihatan.

Di bawah MoU berkenaan, JPMC akan menyokong pembelajaran para pelajar IBTE melalui penempatan klinikal, latihan industri, pembelajaran berasaskan tempat kerja, pemerhatian klinikal serta pembangunan kemahiran praktikal.

Kerjasama berkenaan turut merangkumi semakan kurikulum, kuliah jemputan, demonstrasi klinikal, bengkel profesional serta peluang bagi tenaga pengajar IBTE untuk memperoleh pengalaman industri dan meningkatkan kompetensi profesional mereka.

Selain itu, kerjasama ini akan memberi manfaat kepada para pelajar yang mengikuti program sedia ada di IBTE, termasuk HNTec in Laboratory Science, HNTec in Pharmacy Technician, NTec in Assistant Nurse (General Nursing) dan NTec in Assistant Nurse (Dental).

Melalui pendedahan kepada persekitaran penjagaan kesihatan sebenar serta bimbingan daripada para profesional kesihatan yang berpengalaman, para pelajar berpeluang memperkukuh kemahiran teknikal, etika profesional dan pemahaman mengenai amalan penjagaan kesihatan secara berpasukan.

IBTE memainkan peranan penting dalam menyediakan pelajar untuk memasuki alam pekerjaan melalui penawaran program TVET yang bersesuaian dengan keperluan industri, dengan memberikan penekanan kepada latihan amali dan pembelajaran secara praktikal.

Melalui kerjasama dengan institusi penjagaan kesihatan seperti JPMC, IBTE dapat membantu mempertingkatkan kemahiran teknikal dan kompetensi profesional pelajar bagi memenuhi keperluan industri serta menyumbang kepada pembangunan tenaga kerja yang berkemahiran dalam sektor kesihatan di NBD.

MoU berkenaan turut menyediakan kerangka bagi menyokong perancangan IBTE untuk memperkenalkan program baharu dalam bidang penjagaan kesihatan dan sains gunaan mulai 2028. Antara bentuk sokongan yang berpotensi diberikan oleh JPMC termasuk perundingan dan pengesahan program, pemetaan kompetensi klinikal, penyediaan tempat latihan serta bimbingan klinikal, tertakluk kepada perancangan dan persetujuan lanjut antara kedua-dua belah pihak.

Selain latihan pelajar, kerjasama berkenaan turut membuka peluang dalam bidang penyelidikan gunaan, inovasi penjagaan kesihatan, pembangunan profesional berterusan dan laluan kerjaya graduan.

Aktiviti bersama yang berpotensi dilaksanakan termasuk bengkel kemahiran klinikal dan teknologi makmal, seminar amalan farmasi, simposium kejururawatan dan kesihatan bersekutu, ceramah kerjaya serta sesi pengambilan pekerja.

Sementara itu, Ketua Pegawai Sumber Manusia JPMC, Awang Mohammad Salehin bin Haji Basir menyatakan bahawa melalui MoU berkenaan, JPMC memperkukuh hubungan antara industri dan institusi pendidikan dengan menyediakan platform bagi para profesional JPMC yang berpengalaman untuk berkongsi kepakaran sebagai pendidik, pembimbing dan contoh teladan.

Melalui pengukuhan hubungan antara pendidikan dengan industri, IBTE dan JPMC berhasrat untuk menyokong pembangunan bakat tempatan, meningkatkan kompetensi profesional serta menyumbang kepada pembangunan tenaga kerja penjagaan kesihatan yang berkemahiran di NBD.

Kerjasama berkenaan turut menyokong aspirasi JPMC untuk memperkukuh keupayaannya sebagai pusat latihan penjagaan kesihatan serta menyumbang kepada pembangunan sektor penjagaan kesihatan negara dalam jangka panjang, termasuk aspirasi NBD dalam membangunkan pelancongan perubatan.

RAWATAN SEGERA MENINGKATKAN PELUANG SEMBUH SEPENUHNYA

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 Oktober. - Strok boleh mengubah kehidupan seseorang dalam sekelip mata. Kesannya bukan sahaja mengancam nyawa, malah boleh menyebabkan ketidakupayaan yang berpanjangan. Impaknya turut dirasai oleh keluarga, masyarakat dan negara.

Justeru itu, mengenali tanda-tanda strok dan bertindak segera amat penting untuk menyelamatkan nyawa dan masa depan mereka yang terjejas.

Menurut statistik Pertubuhan Strok Sedunia (World Stroke Organisation - WSO) pula, secara global, satu daripada empat orang dewasa berumur 25 tahun ke atas dijangka akan mengalami penyakit strok sepanjang hayat mereka.

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan sempena Hari Strok Sedunia 2026 pada 29 Oktober 2026, dengan tema 'Setiap Minit Amat Berharga' (Every Minute Counts).

Menurut Yang Berhormat lagi, jika statistik berkenaan dilihat dari segi masa, seramai 30 orang akan mengalami strok setiap satu minit dan lebih 12 juta orang akan menghidap penyakit strok setiap tahun. Dan jika dilihat dengan lebih mendalam, bagi setiap minit seseorang itu mengalami strok, sebanyak 1.9 juta sel-sel otak dijangka akan rosak dan mati.

Oleh itu tambah Yang Berhormat, memendekkan tempoh masa untuk mendapatkan rawatan setelah bermulanya gejala strok adalah amat penting. Rawatan segera boleh menyelamatkan nyawa dan meningkatkan peluang bagi pesakit untuk sembuh sepenuhnya.

"Selaras dengan ini, Sambutan Hari Strok Sedunia yang diraikan pada 29 Oktober setiap tahun mempunyai objektif utama, iaitu untuk meningkatkan kesedaran tentang penyakit strok, tanda-tanda penyakit strok serta rawatan dan pencegahan penyakit strok.

"Pada tahun ini, penekanan khas diberikan kepada kepentingan masa dalam mendapatkan rawatan bagi pesakit-pesakit yang diserang penyakit strok dengan tema kempen, 'Setiap Minit Amat Berharga', iaitu 'Every Minute Counts'," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa penyakit strok di Negara Brunei Darussalam (NBD) merupakan punca kematian kedua tertinggi selepas penyakit jantung, dan ini adalah berdasarkan kepada statistik Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organisation - WHO) pada 2023.

Menurut pendaftaran strok di Pusat Neurosains Strok dan Rehabilitasi Brunei (BNSRC), Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) tambah Yang Berhormat lagi, menunjukkan terdapat lebih daripada 400 kes strok baharu yang dilaporkan setiap tahun di negara ini.

Majoriti pesakit kata Yang Berhormat adalah lelaki dan kebanyakan pesakit mempunyai faktor-faktor risiko seperti penyakit tekanan darah tinggi, penyakit kencing manis dan kolesterol tinggi. Majoriti pesakit yang direkodkan pula mengalami strok iskemia (strok jenis pembuluh darah tersumbat dalam otak) dan selebihnya mengalami strok hemoragik (strok jenis pendarahan dalam otak).

Sehubungan itu, Yang Berhormat menyeru orang ramai agar perlu mengetahui tanda-tanda awal strok dan bertindak dengan segera apabila mengesyaki seseorang sedang mengalami strok. Prinsip #PANTAS atau dalam bahasa Inggeris #BEFAST, boleh digunakan sebagai panduan untuk mengenal pasti tanda-tanda berkenaan.

Seterusnya Yang Berhormat mengongsikan akronim berkenaan merangkumi perkara-perkara berikut, iaitu akronim 'PANTAS' ialah 'P' - Pergerakan : Kehilangan keseimbangan atau koordinasi secara tiba-tiba; 'A' – Ada Kesulitan Melihat : Perubahan penglihatan secara tiba-tiba, termasuk penglihatan kabur, berganda atau kehilangan penglihatan; 'N' - Nampak Wajah Menjebek : Sebelah bahagian muka menjadi lemah atau kebas, atau senyuman kelihatan tidak sekata; 'T' - Tangan Kebas : Sebelah lengan menjadi lemah atau jatuh apabila kedua-dua lengan diangkat; 'A' - Amat Sukar Bercakap : Pertuturan menjadi tidak jelas, tergagap atau sukar difahami secara tiba-tiba; dan 'S' - Segera Mendapatkan Bantuan : Bertindak segera dengan menghubungi perkhidmatan ambulans melalui Talian 991 dan mencatat waktu bermulanya tanda-tanda strok.

Sementara bagi akronim 'BEFAST' tambah Yang Berhormat lagi ialah 'B' – *Balance* : Kehilangan keseimbangan atau koordinasi secara tiba-tiba; 'E' – *Eyes* : Perubahan penglihatan secara tiba-tiba, termasuk penglihatan kabur, berganda atau kehilangan penglihatan; 'F' – *Face* : Sebelah bahagian muka menjadi lemah atau kebas, atau senyuman kelihatan tidak sekata; 'A' – *Arms* : Sebelah lengan menjadi lemah atau jatuh apabila kedua-dua lengan diangkat; 'S' – *Speech* : Pertuturan menjadi tidak jelas, tergagap atau sukar difahami secara tiba-tiba; dan 'T' – *Time* : Bertindak segera dengan menghubungi perkhidmatan ambulans melalui Talian 991 dan mencatat waktu bermulanya tanda-tanda strok.

"Rawatan awal dapat meningkatkan peluang pesakit untuk pulih dengan lebih baik serta mengurangkan risiko ketidakupayaan. Bagi pesakit yang mengalami strok iskemia, rawatan tertentu seperti *thrombolysis*, iaitu rawatan untuk melarutkan darah beku, atau *mechanical thrombectomy*, iaitu prosedur untuk mengeluarkan darah beku daripada saluran darah, boleh dipertimbangkan mengikut keadaan pesakit dan kesesuaian klinikal.

"Rawatan ini mempunyai tempoh masa tertentu untuk diberikan, justeru pengesanan awal dan tindakan segera amatlah penting.

"Faktor risiko utama terjadinya strok adalah penyakit tekanan darah tinggi di mana penghidap penyakit darah tinggi mempunyai risiko tiga kali ganda untuk mengalami strok berbanding individu yang tidak menghidapi penyakit hipertensi (menurut WHO)," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat selanjutnya mengongsikan antara faktor risiko yang lainnya termasuk merokok, kolesterol tinggi, kencing manis, berat badan berlebihan dan obesiti, kurang aktiviti fizikal, pemakanan yang tidak seimbang dan tinggi zat sodium dan kurang sayur-sayuran dan buah-buahan, pengambilan alkohol berlebihan, penyalahgunaan dadah, pencemaran udara, dan masalah buah pinggang.

Dalam perutusan berkenaan, Yang Berhormat juga menjelaskan sebanyak 90 peratus kes strok boleh dicegah sekiranya faktor-faktor risiko tersebut dikawal dan dipantau. Saringan awal serta pemeriksaan berkala membantu untuk memantau dan merawat faktor-faktor risiko di peringkat awal dan rawatan yang diberikan hendaklah diteruskan mengikut nasihat profesional kesihatan.

Selain daripada itu kata Yang Berhormat lagi, mengambil langkah-langkah ke arah mengamalkan kehidupan yang sihat juga amat penting. Antaranya ialah seperti mengamalkan senaman fizikal, pemakanan yang sihat dan seimbang, berhenti merokok dan mengawal kadar berat badan adalah langkah-langkah yang terbukti untuk mengurangkan risiko mengalami strok.

"Dalam era teknologi digital, aplikasi mudah alih serta peranti boleh pakai atau *wearables* dapat membantu kita memainkan peranan yang lebih aktif dalam menjaga kesihatan. Teknologi ini membolehkan kita memantau aktiviti harian dan parameter kesihatan masing-masing, sekali gus membantu kita membuat pilihan yang baik ke arah mengamalkan gaya hidup yang sihat.

"Sempena Hari Strok Sedunia 2026, marilah kita bersama-sama mengenali tanda-tanda strok melalui prinsip PANTAS dan BEFAST dan bertindak dengan segera apabila mengesyaki seseorang mengalami strok.

"Ingatlah, 'Setiap Minit Amat Berharga' – 'Every Minute Counts'. Tindakan pantas boleh menyelamatkan nyawa dan mengurangkan risiko ketidakupayaan. Pada masa yang sama, marilah terus mengamalkan gaya hidup yang sihat, menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala dan mengawal faktor-faktor risiko bagi melindungi diri sendiri serta keluarga daripada penyakit strok," ujar Yang Berhormat mengakhiri perutusannya.







قليتا بروني PELITA BRUNEI

PERSAHABATAN NBD, REPUBLIK TÜRKIYE DIPERKUKUH DALAM PELBAGAI BIDANG

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

GADONG, Khamis, 29 Oktober. - Kedutaan Republik Türkiye di Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menganjurkan satu Majlis Resepsi bagi Memperingati Ulang Tahun Ke-103 Penubuhan Republik Türkiye yang berlangsung di Rizqun International Hotel, malam tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dan isteri, Datin Dr. Dayang Hajah Noraslinah binti Haji Ramlee.

Dalam ucapan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Türkiye ke NBD, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy menyatakan bahawa majlis tersebut bukan sahaja memperingati Ulang Tahun Ke-103 Republik Türkiye, malah turut menandakan Ulang Tahun Ke-503 Perkhidmatan Luar Negeri Republik Türkiye serta tahun ke-42 terjalinnya hubungan diplomatik antara Republik Türkiye dengan NBD.

Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy seterusnya menegaskan komitmen Republik Türkiye terhadap keamanan, kerjasama antarabangsa, kemajuan teknologi dan pembangunan mampan.

Menurut TYT Profesor Dr. Hamit Ersoy, persahabatan sekian lama antara Republik Türkiye dengan NBD, diperkukuh melalui Lawatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Republik Türkiye pada Mac 2023, serta rundingan dua hala yang diadakan pada Disember 2024 dan Oktober 2026, telah membuka ruang bagi memperluas kerjasama dalam bidang pertahanan, perdagangan, pelaburan, teknologi, pendidikan, pelancongan dan infrastruktur.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan dan isteri hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut yang diadakan di Rizqun International Hotel.

Pencapaian Republik Türkiye memperoleh status Rakan Dialog Penuh ASEAN pada Julai 2026 turut diketengahkan sebagai satu pencapaian penting dalam memperkukuh penglibatan Republik Türkiye di Asia Tenggara.

Menurut TYT lagi, penglibatan terkini syarikat teknologi pertahanan Republik Türkiye, termasuk ASELSAN dan HAVELSAN, turut memperlihatkan potensi kerjasama praktikal serta perkongsian teknologi dengan NBD.

Manakala Kursus Bahasa Türkiye, bengkel kebudayaan, seni tradisional, tayangan filem dan program pendidikan terus memainkan peranan dalam memupuk persefahaman serta persahabatan antara rakyat NBD dengan Republik Türkiye. Dalam hal ini, TYT turut menekankan peranan penting Pusat Kebudayaan Turki Yunus Emre di NBD dalam memperkukuh diplomasi kebudayaan.

Mengimbas kembali tempoh perkhidmatannya selama lebih lima tahun di NBD, TYT merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia, kerajaan baginda dan rakyat NBD, anggota kor diplomatik serta semua rakan kerjasama yang telah menyumbang kepada pengukuhan hubungan dua hala.

Lawatan kerja memperkukuh kerjasama Negara Anggota SEAMEO

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan





YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa lawatan kerja ke Bandar Ho Chi Minh dan Hanoi, Republik Sosialis Viet Nam, yang diadakan pada 26 hingga 27 Oktober 2026 (atas dan kiri).

HANOI, REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM, Rabu, 28 Oktober. - Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam (NBD), Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, selaku Presiden Majlis Pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO) bagi tahun 2025-2027, telah menamatkan lawatan kerja ke Bandar Ho Chi Minh dan Hanoi, Republik Sosialis Viet Nam, yang diadakan pada 26 hingga 27 Oktober 2026.

Sebagai Presiden Majlis SEAMEO, Yang Berhormat Menteri Pendidikan NBD memegang peranan penting dalam memperkukuh kerjasama antara Negara-Negara Anggota SEAMEO melalui kunjungan hormat kepada Ahli-ahli Majlis SEAMEO serta lawatan rasmi ke Pusat-pusat Serantau dan Rangkaian SEAMEO.

Program lawatan di Bandar Ho Chi Minh dimulakan dengan lawatan kerja ke Pusat Latihan Serantau SEAMEO (RETRAC). Dalam lawatan kerja berkenaan, Yang Berhormat mendengarkan taklimat berhubung fungsi utama dan inisiatif Pusat Serantau berkenaan dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan, pembangunan profesional guru, penyelidikan dan latihan, yang bertujuan untuk memperkukuh kapasiti pendidikan di seluruh Asia Tenggara.

Program lawatan diteruskan dengan taklimat oleh Pusat Serantau SEAMEO bagi Pembelajaran Sepanjang Hayat (CELLL), yang mengetengahkan usaha Pusat Serantau berkenaan dalam mempromosi pembelajaran sepanjang hayat melalui penyelidikan, latihan, pembangunan dasar dan kerjasama serantau, dengan penekanan terhadap peluasan peluang pembelajaran inklusif bagi individu pada setiap peringkat kehidupan.

Yang Berhormat turut mengadakan lawatan ke Binh Chanh Inclusive Education Development Support Center, di mana Yang Berhormat menerima penerangan mengenai latar belakang, pencapaian dan program pendidikan pusat berkenaan, termasuk amalan pengajaran dan pembelajarannya.

Lawatan kerja diteruskan di Hanoi, dan Yang Berhormat mengadakan kunjungan hormat kepada Menteri Pendidikan dan Latihan Viet Nam, Tuan Yang Terutama Profesor Madya Dr. Hoang Minh Son, bagi membincangkan kerjasama dua hala dan memperkukuh lagi hubungan pendidikan antara NBD dan Republik Sosialis Viet Nam.

Tuan Yang Terutama Profesor Madya Dr. Hoang Minh Son turut mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan, NBD, atas keputusan PISA yang cemerlang, dengan peningkatan dalam ketiga-tiga domain, yang meletakkan NBD antara tiga teratas dalam kalangan negara Asia Tenggara yang mengambil bahagian dalam PISA.

Tuan Yang Terutama seterusnya menyatakan hasrat untuk meningkatkan kerjasama dengan NBD, khususnya dengan mengaktifkan semula Kumpulan Kerja Bersama antara kedua-dua kementerian, bagi mewujudkan inisiatif bersama, berkongsi pengetahuan dan amalan terbaik serta belajar daripada pengalaman masing-masing.

Sepanjang lawatan kerja berkenaan, Yang Berhormat Menteri Pendidikan diiringi oleh Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin, selaku Pengerusi Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan SEAMEO bagi penggal 2024-2026, pegawai-pegawai dari Kedutaan NBD ke Republik Sosialis Viet Nam, serta pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan, NBD.

EDUTALK 2026 PERKUKUH IDENTITI PROFESIONAL PENDIDIK

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohammad Hasif Matzin



PEMANGKU Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal hadir selaku tetamu kehormat bagi sesi pagi pada hari pertama EduTALK 2026 sempena Sambutan Hari Guru Ke-36, Tahun 2026.

TUNGKU LINK, Rabu, 28 Oktober. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Pendidik pagi tadi mengadakan EduTALK 2026 sempena Sambutan Hari Guru Ke-36, Tahun 2026 bertempat di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Hadir selaku tetamu kehormat bagi sesi pagi pada hari pertama, Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

EduTALK 2026 berlangsung selama dua hari, bermula 28 hingga 29 Oktober 2026, merangkumi empat sesi yang diadakan pada sebelah pagi dan petang.

Program yang dilaksanakan dengan pengisian dan format yang serupa bagi setiap sesi berkenaan menghimpunkan seramai 6,600 pendidik, terdiri daripada guru dan pemimpin sekolah dari seluruh negara.

Bertemakan 'Hati dan Minda Guru : Meneguhkan Semula Mengapa Kita Mendidik', EduTALK 2026 bertujuan untuk memperkukuh tujuan dan identiti profesional pendidik serta memperteguh komitmen mereka terhadap profesion keguruan.

Program berkenaan turut menekankan kepentingan kesejahteraan dan daya tahan pendidik, pengukuhan amalan pendidikan yang berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), serta kesiapsiagaan guru dalam menghadapi perubahan dan cabaran landskap pendidikan masa kini.

Sesi pagi dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina 'Othman, Tutong, Awang Haji Ismail bin Haji Brahim, kemudian diikuti dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pengarah Pengurusan Pendidik, Kementerian Pendidikan, Dayang Masdiah binti Awang Haji Tuah, selaku Pengerusi EduTALK 2026.

Sejurus itu, sesi diteruskan dengan penyampaian ucaptama yang disampaikan oleh Dekan Projek Khas dan Pengarah Pusat, Singapore Centre for Character and Citizenship Education (SCCCE), National Institute of Education (NIE), Nanyang Technological University (NTU), Republik Singapura, Profesor Tan Oon Seng.

Beliau merupakan tokoh pendidikan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam bidang pendidikan guru dan pembangunan sahsiah serta pencetus Model V³SK yang menekankan nilai sebagai teras utama pengajaran dan pembelajaran.

Ucaptama berkenaan mengupas empat tema utama, iaitu 'Mengapa Kita Mendidik', 'Apa yang Menguatkan Kita', 'Nilai dan Keprihatinan' serta 'Minda yang Terbuka kepada Dunia'.

Perbincangan turut menyentuh masa depan pendidikan dalam era Kecerdasan Buatan (AI), dengan memberi penekanan terhadap kepentingan pertimbangan profesional, empati, kepimpinan beretika serta hubungan kemanusiaan yang bermakna dalam profesion keguruan.

Setiap sesi merangkumi penyampaian ucaptama dan sesi Learning Circle yang dikendalikan oleh Fasilitator Akademi Kepimpinan dan Guru Brunei Darussalam (BDLTA), bagi menggalakkan refleksi profesional, dialog bermakna, serta pembelajaran kolaboratif.





PENGARAH Pengurusan Pendidik, Kementerian Pendidikan, Dayang Masdiah binti Awang Haji Tuah, selaku Pengerusi EduTALK 2026 semasa menyampaikan ucapan alu-aluan (kiri). Dekan Projek Khas dan Pengarah SCCCE, NIE, NTU, Republik Singapura, Profesor Tan Oon Seng ketika menyampaikan ucaptama (kanan).

Dapatan dan hasil refleksi yang dihimpunkan sepanjang program berkenaan akan dimanfaatkan dalam perancangan program pembelajaran profesional dan pembangunan kepimpinan BDLTA bagi 2027.

Selain itu, EduTalk 2026 turut mendukung usaha ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035, khususnya Matlamat 1 : Rakyat yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya, serta menyumbang kepada pelaksanaan keutamaan strategik yang digariskan dalam Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2023-2027.

Melalui inisiatif berkenaan, Kementerian Pendidikan terus memperkukuh komitmennya dalam memperkasa profesion keguruan serta menyokong pembangunan profesional warga pendidik sebagai pemangkin kecemerlangan pendidikan dan pembangunan negara.

Turut hadir, Pemangku Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan; ketua-ketua jabatan, dan para pegawai dari Kementerian Pendidikan.

Perkukuh persediaan perniagaan tempatan rebut peluang kontrak

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



YANG Mulia Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri merangkap Timbalan Pengerusi BEDB hadir merasmikan hari pertama program tersebut di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei.

JERUDONG, Rabu, 28 Oktober. – Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di Negara Brunei Darussalam (NBD) berpeluang mendapatkan maklumat awal mengenai projek-projek akan datang, peluang perolehan serta keperluan pembekal daripada pemain industri utama menerusi Enterprise Growth Connect (EGC) 2026.

Inisiatif berkenaan bertujuan untuk membantu perniagaan tempatan membuat persediaan yang lebih rapi bagi bersaing mendapatkan kontrak dan menyertai rantaian bekalan industri tempatan.

Dianjurkan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), EGC merupakan sebahagian daripada usaha lebih luas melalui In-Country Value (ICV) bagi meningkatkan penyertaan perniagaan tempatan dalam rantaian bekalan industri utama dan pelaburan.

Inisiatif berkenaan turut memberi tumpuan kepada pembangunan keupayaan pembekal tempatan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi dapat mewujudkan lebih banyak peluang perniagaan, memperkukuh kepakaran tempatan dan menyokong peluang pekerjaan di negara ini.

Meneruskan kejayaan penganjuran sulung pada 2025 yang menampilkan lebih 140 peluang perniagaan dengan penyertaan 25 rakan industri, EGC terus menjadi platform bagi memperkukuh hubungan antara perniagaan tempatan dengan pemain industri.

Penganjuran tahun lalu turut menyaksikan pemeteraian kontrak antara rakan industri dengan penyedia perkhidmatan tempatan, sekali gus memperlihatkan potensi peluang yang boleh dimanfaatkan oleh pembekal tempatan yang berkeupayaan.

Tahun ini, EGC diperluaskan kepada program selama dua hari dengan penyertaan lebih 40 organisasi sebagai rakan kerjasama, lebih 1,000 pendaftar dan 20 sesi Opportunity Outlook.

Bertemakan 'Advancing Capabilities. Unlocking Opportunities', program berkenaan memberi tumpuan kepada usaha membantu para peniaga memahami permintaan industri pada masa hadapan, meningkatkan daya saing serta membina kerjasama bagi meneroka peluang perniagaan yang mempunyai nilai tambah lebih tinggi.

Hari pertama program berlangsung di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei dan dirasmikan oleh Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab merangkap Timbalan Pengerusi BEDB.

Dalam ucaptamanya, Yang Mulia Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri menegaskan bahawa ICV bukan sekadar bertujuan untuk meningkatkan bilangan pembekal tempatan, tetapi juga membangunkan syarikat Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berdaya saing, berupaya memenuhi piawaian industri dan melaksanakan kerja-kerja yang mempunyai nilai tambah lebih tinggi.

"Seiring dengan perkembangan industri-industri ini, kita perlu memastikan perusahaan NBD bukan sekadar menjadi pemerhati kepada kepelbagaian ekonomi, tetapi turut menjadi peserta aktif dalam rantaian bekalan serta merebut peluang yang diwujudkannya," ujar Yang Mulia Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri lagi.

Sementara itu, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif BEDB, Daniel Leong Nyuk Ming pula menjelaskan bahawa mengetahui kewujudan sesuatu peluang hanyalah langkah permulaan.

Katanya lagi, para peniaga juga perlu mempunyai keupayaan untuk bersaing dan melaksanakan kerja dengan berkesan bagi membolehkan lebih banyak perniagaan tempatan merebut peluang yang mempunyai nilai tambah lebih tinggi.

Para peserta berpeluang mendapatkan maklumat mengenai peluang perniagaan dalam sektor makanan, perkhidmatan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), pelancongan, maritim dan pembinaan, di samping mengikuti sesi padanan perniagaan, Klinik Khidmat Nasihat serta perbincangan mengenai kesediaan pembekal.

Program EGC akan diteruskan pada 29 Oktober 2026 di Pusat Insani, Seria, dengan tumpuan khusus kepada peluang dalam sektor huluan dan hiliran minyak dan gas.



YANG Mulia Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri ketika menyampaikan ucaptama.

Program berkenaan dianjurkan dengan kerjasama Autoriti Pertroleum Negara Brunei Darussalam sebagai Rakan Program.

Selain penganjuran EGC, BEDB akan bekerjasama dengan rakan industri untuk mengenal pasti jurang keupayaan pembekal, memudah cara hubungan perniagaan serta melaksanakan inisiatif pembangunan vendor yang bersasar.

Melalui platform DARe LINKS, perniagaan tempatan juga boleh mendapatkan akses kepada peluang perolehan yang tersedia dan berhubung dengan bakal pelanggan, sekali gus menyokong penyertaan tempatan yang lebih meluas dalam rantaian bekalan industri serta usaha mempelbagaikan ekonomi NBD.

PELITA BRUNEI

Ke arah memperkasa pendidikan Al-Quran secara inklusif



SETIAUSAHA Tetap, KHEU, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Awang Haji Ahmad ketika menyempurnakan penyampaian sijil kepada salah seorang penerima.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 Oktober. - Kursus Kompetensi Pengajaran Quran Isyarat Tahap 1 yang dianjurkan oleh Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), selama tiga hari, bermula 27 Oktober lalu berakhir hari ini dengan penyampaian sijil kepada para peserta kursus.

Kursus yang berlangsung di Room 5, Multipurpose Room, Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah itu bertujuan melahirkan tenaga pengajar yang berpengetahuan, berkemahiran dan berkeupayaan mengendalikan pengajaran Al-Quran kepada golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) Pendengaran.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap, KHEU, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Awang Haji Ahmad.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Imam Tingkat II, Masjid Kampung Labu Estate, Awang Khairulamirin Fitri bin Haji Samsuddin, diikuti dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pegawai Pelajaran Kanan, Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Awang Haji Mohammad Romeezy @ Abdul Qayyum bin Haji Metusin selaku Timbalan Pengerusi Kursus.

Dalam ucapannya, beliau menjelaskan bahawa penganjuran kursus berkenaan merupakan inisiatif untuk memperkasa pendidikan Al-Quran secara inklusif, khususnya bagi golongan OKU Pendengaran.

Kursus itu juga katanya, bertujuan memberikan pendedahan asas kepada tenaga pengajar mengenai kaedah penyampaian dan komunikasi Quran Isyarat secara sistematik, berkesan dan bersesuaian dengan keperluan golongan berkenaan.

Menurutnya, selain meningkatkan kompetensi tenaga pengajar, kursus itu diharap dapat memperluas akses kepada pembelajaran Al-Quran bagi semua lapisan masyarakat tanpa kecicaran, di samping menyokong usaha memperkukuh syiar Islam dan pembangunan modal insan.

Seramai 30 peserta menyertai kursus berkenaan, terdiri daripada pegawai-pegawai KHEU, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, serta Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Peserta turut melibatkan pegawai daripada Jabatan Pengajian Islam, Pusat Da'wah Islamiah, Jabatan Pendakwaan Syarie, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Jabatan Urusan Haji dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Bagi tahun ini, pelaksanaan kursus ditumpukan kepada Tahap 1, iaitu penguasaan kemahiran asas Quran Isyarat.

Sementara itu, Tahap 2 yang memfokuskan kemahiran pedagogi pengajaran Quran Isyarat dan Tahap 3 yang melibatkan kemahiran lanjutan, termasuk penulisan mushaf Al-Quran dan kaedah terjemahan Bahasa Isyarat, dirancang untuk dilaksanakan pada tahun hadapan, tertakluk kepada perancangan dan penyelarasan yang bersesuaian.

Kursus berkenaan dikendalikan oleh enam orang tenaga pengajar yang terdiri daripada dua fasilitator dan empat penceramah dari Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Rombongan berkenaan diketuai oleh Felo Kanan UMMI, Profesor Madya Dr. Noornajihan binti Jaafar, dan turut disertai Profesor Madya Dr. Nurul Asiah Fasehah binti Muhamad juga merupakan Felo Kanan UMMI; Felo Budi UMMI, Siti Ramna binti Khamaruddin; Nurul Afifah binti Osman juga merupakan Felo Budi UMMI; Penolong Pendaftar UMMI, Siti Rahmah binti Ahmad Razuan; dan Felo Budi UMMI, Mohammad Azami bin Mohammad Nawawi.

Kursus itu turut menggunakan pendekatan 'Train-the-Trainer' bagi melahirkan tenaga pengajar Quran Isyarat yang kompeten dan mampu menyebarluaskan ilmu pengetahuan serta kemahiran yang diperoleh kepada tenaga pengajar lain, rakan sekerja, ahli keluarga, komuniti dan pihak berkepentingan.

Pendekatan berkenaan diharap dapat memastikan perkongsian ilmu dan kemahiran Quran Isyarat dilaksanakan secara berterusan, sekali gus memperluas peluang pembelajaran Al-Quran yang inklusif.

Antara matlamat utama kursus ialah melahirkan tenaga pengajar Quran Isyarat yang berkualiti, berkemahiran dan berkeyakinan; memperkasa pendidikan Al-Quran secara inklusif di Negara Brunei Darussalam; meningkatkan penglibatan golongan OKU Pendengaran dalam pembelajaran dan pengajaran Al-Quran; serta menyumbang kepada pembangunan masyarakat yang prihatin, inklusif dan berteraskan nilai-nilai Islam.

Majlis diakhiri dengan persembahan oleh para peserta kursus, diikuti dengan penyampaian sijil kepada fasilitator, moderator dan peserta yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Melalui penganjuran kursus berkenaan, usaha memperluas pendidikan Al-Quran kepada golongan OKU Pendengaran diharap akan terus diperkasa melalui penyediaan tenaga pengajar yang terlatih dan kompeten, selaras dengan aspirasi untuk memastikan setiap lapisan masyarakat berpeluang mendekati dan mempelajari Al-Quran.

UNISSA PERKASA BAKAT MAHASISWA MENERUSI MINGGU TEKNOUSAHAWAN 2026

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 Oktober. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Teknologi Islam (FIT) mengadakan Minggu Teknousahawan (Technoprenuership Week) 2026 yang berlangsung dari 26 hingga 28 Oktober 2026 di UNISSA, Kampus Gadong.

Bertemakan 'Ideas Today, a Better Tomorrow', program ini bertujuan memupuk minat keusahawanan dalam kalangan pelajar serta menggalakkan mereka mengembangkan pengetahuan dan kemahiran teknikal menjadi idea perniagaan yang berdaya tahan dan mampan.

Hari pertama program diisikan dengan sesi perkongsian daripada pihak industri yang dijemput iaitu Grominda Sdn. Bhd., Arc Enterprise, Brunei Innovation Lab. Program turut diserikan dengan perkongsian pengalaman alumni serta pembentangan idea perniagaan rintisan oleh pelajar Tahun Satu.

Pada hari kedua dan ketiga, para peserta mengikuti bengkel pemikiran reka bentuk, pembangunan prototaip produk digital, pemasaran digital dan strategi penjenamaan. Antara fasilitator yang menyampaikan bengkel tersebut ialah Pengarah Pengurusan ThreeG Sdn. Bhd., Ang Thian Cheok.

Program ini turut menampilkan pameran projek pelajar dan pertandingan akhir 'Clash of the Titans: Technopreneurship Challenge'.

Majlis penyampaian anugerah dan hadiah kepada para pemenang diadakan pada hari terakhir program yang disampaikan oleh Rektor UNISSA, Profesor Madya Dr. Awang Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani selaku tetamu kehormat majlis.

REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Profesor Madya Dr. Awang Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani hadir selaku tetamu kehormat majlis serta menyempurnakan majlis penyampaian anugerah dan hadiah kepada para pemenang pada hari terakhir program tersebut.



Majlis dimulakan dengan ucapan daripada tetamu kehormat yang antara lain menekankan bahawa kepentingan melahirkan graduan yang bukan sahaja memiliki kelayakan akademik, malah mampu mencipta inovasi dan peluang pekerjaan melalui keusahawanan berasaskan teknologi.

Beliau turut menegaskan bahawa pembangunan teknologi dan keusahawanan hendaklah berpandukan nilai Islam, etika, integriti serta Maqasid al-Syariah demi kesejahteraan masyarakat.

Sehubungan itu, beliau menyeru agar kerjasama strategik bersama industri dan antara fakulti diperkukuh bagi mengembangkan idea serta hasil penyelidikan mahasiswa kepada produk dan perkhidmatan yang berpotensi dikomersialkan, sekali gus melahirkan teknousahawan Muslim yang berdaya saing dan menyumbang kepada kepelbagaian ekonomi negara.

Pada majlis penyampaian tersebut, Dekan FIT, Profesor Dr. Awang Haji Abdul Hafidz bin Haji Omar, juga menyampaikan ucaptama yang antara lain menjelaskan bahawa Technopreneurship Week menyediakan platform kepada mahasiswa dan mahasiswi untuk mengembangkan hasil penyelidikan dan idea inovatif kepada produk serta perkhidmatan yang berpotensi dikomersialkan, di samping mengasah kemahiran perniagaan, komunikasi, kreativiti dan penyelesaian masalah.

Melalui perkongsian pengalaman alumni usahawan, pertandingan serta penglibatan bersama industri, program ini diharap dapat membina keyakinan dan daya tahan mahasiswa untuk menyumbang kepada kepelbagaian ekonomi negara serta merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Antara aktiviti yang turut diadakan ialah projek penjanaan pendapatan, pameran projek pelajar, pameran industri daripada Datastream Digital Sdn. Bhd. serta pertandingan 'Highest Income Generator', 'Technopreneur Pitching' dan video korporat.

Aktiviti berkenaan memberi pendedahan praktikal kepada mahasiswa dalam aspek interaksi dengan pelanggan, pengurusan jualan dan operasi perniagaan, di samping mengasah kemahiran komunikasi serta kreativiti.

Zaid's Kitchen X Kaffeine Express dinobatkan sebagai johan pertandingan 'Clash of the Titans: Technopreneurship Challenge' menerusi projek pameran perniagaan makanan dan minuman (F&B), selain turut meraih johan kategori 'Highest Income Generator' dengan mencatatkan penjanaan pendapatan tertinggi.

Bagi kategori 'Technopreneur Pitching', gelaran johan disandang oleh Thoriq Rizky Maulana, (Mahasiswa Tahun 4) diikuti oleh Muhammad Firdaus bin Sait (Mahasiswa Doktor Falsafah) sebagai naib johan. Tempat ketiga pula diraih oleh Arifah binti Mohammad Aliwaridi (Mahasiswi Tahun 3).

Sementara itu, pertandingan video korporat dimenangi oleh kumpulan mahasiswa Fakulti Teknologi Islam yang diketuai oleh Awang Muhammad Zakwan bin Mohammad Muzainah.

Menerusi program ini, FIT berharap dapat memperkukuh kemahiran komunikasi, kerja berpasukan dan penyelesaian masalah para pelajar, di samping membina keyakinan mereka untuk menceburi bidang keusahawanan serta menyumbang kepada usaha mempelbagaikan ekonomi Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir, Timbalan Naib Presiden Bahagian Korporat Datastream Digital Sdn. Bhd., Dayangku Rimawaty binti Pengiran DPS Haji Abidin. Juga hadir ialah delegasi daripada The World University Rankings for Innovation (WURI) yang diketuai oleh Profesor Dr. Dong-Sung Cho.

MENINGKATKAN KEFAHAMAN MENGENAI APLIKASI PRAKTIKAL AI

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pembangunan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 Oktober. - Seramai lebih kurang 80 profesional menghadiri Sesi Muzakarah bersama Premium Profesional yang anjuran Lembaga Arkitek, Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan (BAPEQS) di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan, bagi meneroka impak Kecerdasan Buatan atau Artificial Intelligence (AI) terhadap amalan profesional dalam sektor persekitaran binaan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dr. Chin Wei Keh, selaku Pengerusi Lembaga BAPEQS.

Sesi muzakarah bertajuk 'Exploring the Impact of Artificial Intelligence (AI) on Architectural, Engineering and Quantity Surveying Practices in Brunei Darussalam' ini menyediakan ruang perkongsian pengalaman dan pertukaran pandangan antara Ahli Lembaga BAPEQS, pengamal profesional industri serta wakil jabatan kerajaan yang berkaitan.

Penganjuran sesi ini bertujuan meningkatkan kefahaman mengenai aplikasi praktikal AI, termasuk AI generatif, automasi dan analitik data, kecekapan reka bentuk, operasi dan penyelenggaraan bangunan dalam penyampaian perkhidmatan.

Sesi ini juga memberi tumpuan kepada pemindahan ilmu antara sektor awam dan swasta bagi menyokong penyesuaian terhadap perkembangan teknologi serta memperkukuh amalan profesional.

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pembangunan, Dr. Chin Wei Keh, selaku Pengerusi Lembaga Arkitek, Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan hadir selaku tetamu kehormat di sesi berkenaan yang telah mengambil tempat di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan.



Dalam ucapan alu-aluan, Ir. Dayangku Roselawati binti Pengiran Haji Halus selaku Pengerusi Jawatankuasa Socialization and Publicity, BAPEQS, menekankan bahawa AI merupakan alat untuk membantu para profesional, dan bukannya menggantikan pertimbangan serta tanggungjawab profesional mereka.

Turut ditekankan ialah keperluan untuk memastikan maklumat yang dijana oleh AI adalah tepat, boleh dipercayai dan digunakan secara bertanggungjawab.

Ir. Dayangku Roselawati turut menyeru para profesional untuk terus meningkatkan pengetahuan, mengembangkan kemahiran baharu dan menyesuaikan diri dengan perubahan dalam industri, di samping sentiasa menjunjung standard profesional, integriti dan akauntabiliti.

Tiga penyampai ucap utama dijemput untuk berkongsi perspektif daripada bidang masing masing iaitu Partner and Principal Architect, Eco Bumi and Partners Sdn. Bhd., Ar. Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abd. Rahman; Director, Jurutera OMC, Ir. Chin Lee Tuck dan Managing Director, Utamacon (B) Sdn. Bhd., Sr. Awang Haji Mohammad Shafie bin Haji Mohd. Yusof.

Pengisian turut merangkumi sesi perkongsian oleh arkitek-arkitek dan jurutera-jurutera daripada Jabatan Perkhidmatan Teknikal; dan Jabatan Saliran dan Pembetungan, Jabatan Kerja Raya (JKR) mengenai integrasi AI dan infrastruktur awam.

Sesi soal jawab pula memberi peluang kepada para profesional untuk bertukar pandangan mengenai potensi penggunaan AI serta keperluan penyesuaiannya dalam konteks amalan profesional di negara ini.

Sesi tersebut diakhiri dengan penyampaian cenderahati dan sijil penghargaan oleh tetamu kehormat kepada ketiga-tiga penyampai ucap utama serta wakil dan penyampai-penyampai daripada JKR.

Melalui sesi muzakarah ini, BAPEQS berhasrat memperkukuh hubungan dan perkongsian pengetahuan antara pihak kerajaan dengan pengamal industri, di samping menggalakkan penerokaan teknologi yang dapat menyokong peningkatan mutu perkhidmatan dan profesionalisme dalam bidang arkitek, kejuruteraan dan ukur bahan. Walau bagaimanapun, tanggungjawab profesional dan undang-undang kekal di bawah pihak profesional yang berkaitan.

Turut hadir di sesi muzakarah tersebut ialah Ahli-ahli Lembaga BAPEQS, pengarah-pengarah jabatan di bawah JKR, Pengerusi dan Ahli-ahli Majlis Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA) Brunei, Penjalan Amalan Arkitek, Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan.

Pembukaan Sambutan Hari Keluarga PKWE DBM



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Noridah binti Abdul Hamid hadir selaku tetamu kehormat serta menyampaikan ucapan.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman



SEBAHAGIAN daripada yang hadir di majlis berkenaan.

LAMBAK KANAN, Rabu, 28 Oktober. - Dalam usaha mengeratkan silaturahim serta memperkukuh hubungan antara warga emas, Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Brunei dan Muara (DBM) mengadakan Majlis Pembukaan Sambutan Hari Keluarga PKWE DBM Kali Ke-5 di Dewan Kemasyarakatan 2, Jalan 77, Lambak Kanan.

Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Noridah binti Abdul Hamid, selaku tetamu kehormat dalam ucapan alu-aluannya menekankan kepentingan memastikan golongan warga emas sentiasa dihargai, diberikan ruang untuk melibatkan diri secara aktif serta terus memainkan peranan penting dalam masyarakat.

Menurut beliau, PKWE berperanan sebagai wadah yang menyediakan ruang kepada warga emas untuk bertemu, berinteraksi dan menyertai pelbagai aktiviti yang bermanfaat, di samping membina persahabatan serta hubungan sosial yang bermakna.

"Melalui aktiviti seumpama ini, para warga emas berpeluang untuk terus aktif, berkongsi minat dan pengalaman serta mengeratkan hubungan bersama ahli. Lebih daripada itu, PKWE juga menjadi wadah yang menghubungkan warga emas dengan keluarga dan masyarakat.



"Inilah antara usaha penting dalam memastikan para warga emas tidak berasa tersisih, sebaliknya terus menjadi sebahagian daripada kehidupan bermasyarakat," jelas beliau.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Dayang Hajah Aminah binti Mohd. Yusop, diikuti dengan bacaan tafsiran oleh Dayang Hajah Alimah binti Metasan. Acara kemudiannya diteruskan dengan perasmian Sambutan Hari Keluarga PKWE DBM Kali Ke-5, diikuti persembahan syair dan sajak.

Penganjuran sambutan berkenaan bukan sahaja bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim dan ukhuwah dalam kalangan ahli, malah turut memupuk semangat kerjasama antara generasi tua dengan generasi muda.

Selain menjadi ruang untuk memperkukuh hubungan kekeluargaan dan kemasyarakatan, sambutan tersebut juga berfungsi sebagai platform untuk meredakan tekanan daripada tugas harian, sekali gus menggalakkan hubungan yang lebih erat dalam kalangan ahli.

PELITA BRUNEI

PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN KUNCI PENINGKATAN PRESTASI PERKHIDMATAN AWAM

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Muhammad Asri Awang Haji Abas



PEMANGKU Pengarah Kajicuaca, BDMD, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Dayang Rokiah binti Haji Angas semasa sesi bergambar ramai.

BERAKAS, Khamis, 29 Oktober. - Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam atau BDMD (Brunei Darussalam Meteorological Department) akan terus memperkukuh pemantauan prestasi organisasi dan memastikan tindakan penambahbaikan hasil penilaian 3PSA dilaksanakan secara konsisten dan berkesan.

Keutamaan turut diberikan kepada pembangunan kompetensi warga kerja, serta peningkatan kecekapan dan kualiti penyampaian perkhidmatan.

Pemangku Pengarah Kajicuaca, BDMD, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Dayang Rokiah binti Haji Angas menekankan demikian semasa ditemu bual bagi pengiktirafan 3PSA melalui Penarafan Bintang yang dianugerahkan kepada BDMD pada Majlis Kemuncak Sambutan Hari Perkhidmatan Awam 2026 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Beliau menyatakan, pencapaian 3PSA berkenaan merupakan hasil komitmen kepimpinan, kerjasama erat seluruh warga BDMD serta usaha penambahbaikan yang dilaksanakan secara berterusan selain, hala tuju jabatan yang jelas, disokong dengan pemantauan prestasi yang sistematik, turut membantu setiap seksyen dan unit BDMD dalam memperkukuh kecekapan dan mutu penyampaian perkhidmatan.



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar.

Antara usaha utama sepanjang proses penilaian 3PSA katanya, adalah menambah baik proses kerja, memperkukuh pengurusan rekod dan dokumentasi serta meningkatkan keberkesanan pemantauan prestasi jabatan. Penekanan turut diberikan kepada usaha mengenal pasti ruang penambahbaikan dan melaksanakan tindakan susulan bagi memastikan pengurusan dan penyampaian perkhidmatan sentiasa ditambah baik.

Bahkan, cabaran utama dalam memastikan usaha penambahbaikan tegasnya, dilaksanakan secara menyeluruh dan konsisten di setiap seksyen dan unit, di samping mengekalkan mutu penyampaian perkhidmatan. Cabaran ini ditangani melalui penetapan keutamaan kerja, penyelarasan yang lebih sistematik serta pengukuhan kerjasama antara seksyen dan unit.

Dari itu, amalan terbaik ujar beliau, dikongsi dengan penerapan budaya penambahbaikan berterusan, pengukuhan tadbir urus serta penglibatan aktif seluruh warga jabatan dalam meningkatkan prestasi dan mutu perkhidmatan.

Selain itu, pemantauan prestasi secara berkala dan penggunaan maklum balas pelanggan sebagai asas penambahbaikan tambahnya, turut memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan dan kualiti penyampaian perkhidmatan.

"BDMD menggunakan data prestasi, hasil kaji selidik kepuasan pelanggan serta aduan dan maklum balas orang ramai sebagai asas untuk menilai keberkesanan perkhidmatan yang disampaikan. Maklumat ini dianalisis bagi mengenal pasti aspek yang memerlukan perhatian dan seterusnya merancang tindakan penambahbaikan yang bersesuaian. Pendekatan ini membantu memastikan setiap penambahbaikan dibuat berdasarkan keperluan sebenar pelanggan dan menyumbang kepada peningkatan kualiti perkhidmatan secara berterusan".

Dayang Rokiah seterusnya menyeru bahawa penambahbaikan berterusan perlu dijadikan sebahagian daripada budaya kerja setiap organisasi, dengan sokongan kepimpinan dan penglibatan seluruh warga kerja. Setiap usaha penambahbaikan hendaklah berasaskan objektif yang jelas, dirancang secara sistematik dan dipantau secara konsisten. Yang paling penting, setiap penambahbaikan hendaklah memberi impak yang bermakna terhadap mutu penyampaian perkhidmatan dan manfaat kepada masyarakat.

Sementara itu, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Jabatan Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Hassan Baha bin Haji Umar berkata faktor utama Jabatan Daerah Temburong adalah kepimpinan, komunikasi dan kerjasama berpasukan (*teamwork*) yang mana penglibatan aktif serta komitmen padu telah diberikan daripada seluruh warga jabatan itu daripada setiap bahagian dan unit.

Justeru itu, sepanjang proses penilaian 3PSA, usaha yang paling penting katanya lagi, adalah dengan melakukan pembaikan dengan segera dan membuat pemantauan berterusan bagi memenuhi kehendak setiap skop 3PSA.

"Cabaran terbesar jabatan adalah menguruskan serta mengumpulkan dokumen sebagai bukti (*evidences*) yang banyak yang mana pembahagian tugas telah dilaksanakan mengikut skop 3PSA tugas tidak hanya bertumpu kepada individu tertentu sahaja," ujarnya semasa ditemu bual di majlis yang sama bagi agensi yang diiktiraf mencapai tiga bintang pada tahap 'Baik' iatu Jabatan Daerah Temburong.

Menurut beliau, amalan terbaik jabatannya adalah dengan pembahagian tugas yang teratur bagi memudahkan dan mengurangkan beban setiap individu. Pemantauan dan perbincangan yang berterusan juga sangat penting dengan mengadakan mesyuarat secara *ad hoc* sekiranya kesukaran dalam membuat keputusan.

Bukan itu sahaja, pihak jabatan ujarnya, tidak membiarkan setiap aduan tanpa mengambil tindakan yang bersesuaian. Jabatan akan mengenal pasti punca masalah dan menyiasat terlebih dahulu dan membincangkan di dalam mesyuarat jika diperlukan serta memastikan adanya maklum balas kembali kepada pelanggan.

Oleh itu, Pemangku Pegawai Daerah Temburong menjelaskan pihak jabatannya akan terus berusaha menjadikan penambahbaikan sebagai rutin harian dan bukan secara berkala. Pihak jabatan juga sedang berusaha menyahut penggunaan pendigitalan tanpa banyak kebergantungan kepada proses manual.

Beliau turut menyarankan untuk mengubah persepsi. Jangan menjadikan 3PSA sebagai beban semata-mata untuk mengejar bintang atau mencari kesalahan serta kelemahan, akan tetapi untuk memantapkan serta meningkatkan kualiti perkhidmatan awam di setiap jabatan / kementerian masing-masing.

Misi khidmat masyarakat UNISSA semai nilai kepedulian

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



KOTA KINABALU, SABAH, Rabu, 28 Oktober. - Seramai 27 pelajar dan alumni Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menyertai misi khidmat masyarakat UNISSA International Outreach : Peduli Ummah 2.0 di Sabah dari 18 hingga 22 Oktober 2026.

Rombongan yang diketuai oleh Penasihat Kumpulan Al-Qudwah UNISSA, Dr. Dayang Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman melaksanakan misi dengan kerjasama YOSH Club Universiti Malaysia Sabah, MyFundAction, Hidayah Centre dan MyCARE Sabah.

Sepanjang misi, antara aktiviti utama rombongan dalam tempoh tiga hari ialah menyantuni kanak-kanak dan golongan yang memerlukan di Pusat Alternatif An-Nur, Kampung Abab dan Kampung Suang Parai.

Aktiviti yang dijalankan merangkumi pengukuhan solat dan akhlak, pendidikan mengenai kepentingan menjaga kebersihan dan kesihatan, mengajar mengaji, pengindahan bilik darjah serta penanaman sebanyak 100 tanaman sayur.

Di samping itu, rombongan turut mengeratkan silaturahim dan menyantuni dengan golongan mualaf dan asnaf di Kampung Terunggis, Tuaran.

Sumbangan kewangan, pek makanan dan barangan keperluan asas diserahkan kepada 70 keluarga yang terdiri daripada golongan fakir miskin dan mualaf.

Rombongan turut menyampaikan pek makanan kepada '*unsung heroes*' di sekitar bandar Kota Kinabalu sebagai penghargaan atas khidmat mereka kepada masyarakat.

Dana bagi menyokong pelaksanaan misi berkenaan dikumpulkan melalui Fundraising Event : Souq Al-Khair – UNISSA International Outreach Peduli Ummah 2.0, yang dianjurkan oleh Kumpulan Al-Qudwah Sesi 2025/2026 di Gimnasium UNISSA dari 28 September hingga 1 Oktober 2026.

Dana diperoleh melalui sewaan tapak vendor, jualan amal, jualan barangan terpakai hasil sumbangan orang ramai serta tabung sumbangan warga UNISSA. Sebanyak RM12,650 berjaya dikumpulkan hasil usaha berkenaan.

Maklum balas peserta turut memperlihatkan kesan bermakna misi berkenaan terhadap pembentukan diri mereka. Pengalaman menyantuni masyarakat menimbulkan rasa syukur dan tanggungjawab sosial, di samping mendorong kesediaan untuk menyumbangkan masa serta tenaga dalam aktiviti kebajikan pada masa akan datang.

Cabaran sepanjang program juga mengasah kemahiran penyelesaian masalah dan pemikiran kritis peserta. Kesungguhan kanak-kanak yang disantuni mengikuti pembelajaran pula memberi pengajaran bahawa kekurangan bukanlah penghalang untuk terus bersemangat menuntut ilmu.

Misi berkenaan turut menyumbang kepada usaha pengantarabangsaan UNISSA melalui pengukuhan jaringan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi dan pertubuhan masyarakat di luar negara.

Penglibatan secara langsung dalam komuniti rentas sempadan memberi pendedahan kepada peserta untuk memahami kepelbagaian latar kehidupan, mengasah kemahiran komunikasi dan kepimpinan serta membawa nilai ilmu, akhlak dan khidmat bakti UNISSA ke peringkat antarabangsa.



ROMBONGAN seramai 27 pelajar dan alumni UNISSA yang diketuai oleh Penasihat Kumpulan Al-Qudwah UNISSA telah menyertai misi khidmat masyarakat UNISSA International Outreach : Peduli Ummah 2.0 di Sabah, baru-baru ini (atas dan kiri).

Pengalaman berkenaan juga mendukung aspirasi Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam membentuk rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Melalui pembelajaran berasaskan pengalaman, peserta berpeluang membina daya tahan, kebolehan bekerjasama dan kepekaan terhadap keperluan masyarakat sebagai bekalan untuk menyumbang kepada pembangunan negara.

Dari sudut Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), aktiviti misi berkenaan berkait rapat dengan SDG 1 : Tiada Kemiskinan dan SDG 2 : Kelaparan Sifar melalui penyaluran bantuan serta penanaman sayur; SDG 3 : Kesihatan baik dan kesejahteraan melalui pendidikan kebersihan dan kesihatan; serta SDG 4: Pendidikan berkualiti melalui aktiviti pendidikan dan pengindahan ruang pembelajaran. Kerjasama antara UNISSA dengan rakan pelaksana turut mencerminkan semangat SDG 17 : Perkongsian demi matlamat.

Penganjuran Souq Al-Khair dan misi khidmat masyarakat di Sabah mencerminkan komitmen UNISSA dalam menyemai nilai kepedulian, kebersamaan dan tanggungjawab sosial.

Usaha berkenaan diharap dapat melahirkan generasi berilmu dan berakhlak yang mampu memimpin, memberi manfaat serta menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat di dalam dan luar negara.

BMC perkukuh komitmen terhadap pemuliharaan alam sekitar



ANTARA yang hadir, Pengarah Bahagian Keselamatan Proses, SHENA, Awang Hairol Nizam bin Mokti; dan Ketua Pegawai Eksekutif BMC, Jesús Enrique Mora Marín (atas kanan). Sementara gambar atas, sesi bergambar ramai di akhir acara berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Methanol Company Sdn. Bhd.



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 Oktober. - Brunei Methanol Company Sdn. Bhd. (BMC) telah menganjurkan inisiatif penanaman pokok bakau di Pantai Serasa pada hari ini, menerusi Projek Pemulihan Bakau Carbon Akar (Carbon Akar Mangrove Restoration Project), sebagai sebahagian daripada Minggu Kesihatan, Keselamatan, Sekuriti dan Alam Sekitar (HSSE) 2026 syarikat berkenaan.

Inisiatif berkenaan mencerminkan komitmen berterusan BMC terhadap pemuliharaan alam sekitar dan kelestarian.

Hadir pada acara berkenaan, Pengarah Bahagian Keselamatan Proses, Pihak Berkuasa Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA), Awang Hairol Nizam bin Mokti; Pemangku Timbalan Pengarah Bahagian Taman dan Rekreasi, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Awang Muhammad Akmal Fikri Yusra; serta wakil-wakil dari JASTRe, Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam (PA) dan Pejabat Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (Brunei Climate Change Office - BCCO), di samping pihak pengurusan eksekutif dan para pekerja BMC.

Memasuki tahun ketiga penganjurannya secara berturut-turut, Minggu HSSE BMC terus memainkan peranan penting dalam memperkukuh kesedaran dan budaya HSSE di tempat kerja, yang merangkumi empat aspek utama, iaitu kesihatan, keselamatan, sekuriti dan alam sekitar.

Meneruskan usaha penanaman pokok yang dilaksanakan sejak tiga tahun kebelakangan ini, BMC buat julung kalinya menganjurkan inisiatif penanaman pokok bakau di bawah projek berkenaan, dengan sebanyak 52 anak pokok bakau ditanam di Pantai Serasa.

Acara berkenaan turut disertai dengan aktiviti pembersihan pantai yang menyaksikan para peserta berganding bahu mengutip sebanyak 198 kilogram sampah, sekali gus membantu mewujudkan persekitaran pesisir pantai yang lebih bersih.

Kedua-dua aktiviti berkenaan mencerminkan komitmen berterusan syarikat terhadap pemuliharaan alam sekitar, pemulihan ekosistem pesisir pantai serta perlindungan biodiversiti.

Dalam ucapan pembukaannya, Ketua Pegawai Eksekutif BMC, Jesús Enrique Mora Marín, menekankan bahawa tanggungjawab terhadap alam sekitar bukan sahaja terhad kepada operasi teras syarikat, malah turut merangkumi usaha meminimumkan kesan terhadap alam sekitar sambil menyumbang kepada masa depan yang lebih lestari.

Inisiatif berkenaan mencerminkan komitmen BMC terhadap pemeliharaan alam sekitar sebagai sebahagian daripada usaha Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) syarikat, berpandukan strategi #RESPECT, di samping menyokong aspirasi negara dalam pemuliharaan alam sekitar, perlindungan biodiversiti dan pembangunan mampan, selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Melalui komitmen berterusan terhadap pemuliharaan alam sekitar, BMC berharap dapat meningkatkan kesedaran, menggalakkan tanggungjawab bersama serta menyumbang kepada pemeliharaan ekosistem semula jadi demi kesejahteraan generasi akan datang.

MEMPERKUKUH BACAAN AL-QURAN, MINAT FAHAMI BAHASA ARAB

Siaran Akhbar dan Foto : Syarikat Al-Muflihun Learning



BIMBINGAN telah disampaikan oleh Pengasas Al-Muflihun Learning, Awangku Abdul Qayum bin Pengiran Bakar dan Pengasas PQT | Private Quran Teacher, Dayang Nur Darwismah binti Dahari (kiri). Manakala gambar kanan, semasa penyampaian sijil berlangsung.



BELAIT, Rabu, 28 Oktober. - Syarikat Al-Muflihun Learning & PQT | Private Quran Teacher dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Balai Ibadat Kampung Merangking dan Majlis Perundingan Kampung Merangking telah mengadakan Program Bimbingan Muallaf Siri Ke-2 : Pengukuhan Al-Quran bertempat di Balai Ibadat Kampung Merangking, baru-baru ini.

Menerusi sambutan yang amat menggalakkan daripada siri pertama yang telah diadakan di Bangunan Persatuan Sinar Islam, Al-Muflihun Learning & PQT | Private Quran Teacher meneruskan usaha untuk memperkembangkan lagi perjalanan siri bimbingan mualaf dengan memberikan fokus kepada masyarakat mualaf di kawasan Ulu Pedalaman Belait iaitu Kampung Merangking.

Seramai 50 peserta yang terdiri daripada masyarakat mualaf menyertai program pada kali ini yang memfokuskan kepada pengukuhan Surah Al-Ikhlas, Surah Al-Falaq dan Surah An-Nas.

Bimbingan yang disampaikan oleh Pengasas Al-Muflihun Learning, Awangku Abdul Qayum bin Pengiran Bakar dan Pengasas PQT | Private Quran Teacher, Dayang Nur Darwismah binti Dahari, memberikan peluang kepada masyarakat mualaf untuk mengukuhkan lagi pembacaan surah dari sudut pemantapan makhraj huruf, hukum tajwid dan kelancaran bacaan.

Selain daripada itu juga, turut dikongsikan kelebihan setiap surah dan sekali gus menerokai sudut pemahaman peserta melalui kaedah penerapan bahasa Arab interaktif.

Melalui program ini juga, turut dijalankan sesi kaji selidik yang telah disediakan oleh kumpulan penyelidik kajian dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) sebagai keperluan bagi memenuhi tajuk penyelidikan 'Penerapan Bahasa Arab Interaktif Sebagai Jambatan Pemahaman Awal Al-Quran Dalam Kalangan Mualaf di Brunei Darussalam' yang diketuai oleh Dr. Dayang Hajah Norhayati binti Haji Abdul Karim daripada Fakulti Bahasa Arab.

Kajian yang dijalankan setelah program dilaksanakan itu bertujuan untuk menilai tahap kefahaman mualaf melalui pengajaran yang telah disampaikan sepanjang program.

Bersama-sama memberikan khidmat dalam memastikan kelancaran program bimbingan ini adalah penyertaan mahasiswa-mahasiswa daripada Fakulti Bahasa Arab sebagai salah satu usaha pihak penganjur dalam menyokong-sama keperluan pelajar dalam memenuhi syarat wajib kokurikulum bagi kod kursus Tanggungjawab Sosial dan Khidmat Masyarakat.

Program Bimbingan Muallaf ini juga diteruskan dengan Majlis Penutup dan Penghargaan kepada peserta-peserta selepas sesi pengajaran dilaksanakan.

Menerusi ucapan alu-aluan daripada pengerusi program, Awangku Abdul Qayum bin Pengiran Bakar yang juga selaku Pengasas Al-Muflihun Learning, mengharapkan agar program bimbingan yang dijalankan dapat memberikan semangat dan keyakinan kepada peserta dalam mengukuhkan lagi pembacaan Al-Quran serta menambahkan minat peserta dalam memahami bahasa Arab bukan sekadar daripada terjemahannya bahkan dari sudut penerapan bahasa Arab.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Dekan Fakulti Bahasa Arab, UNISSA, Dr. Dayang Hajah Rafidah binti Haji Abdullah.

Turut hadir dalam majlis penutup dan penghargaan bagi program tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat; Ketua Kampung Merangking, Awang Nurulizam bin Haji Abdul Rahman dan Penyelidik Bersama Kajian daripada Fakulti Bahasa Arab, UNISSA, Dr. Awang Zulamali@Abdul Aziz bin Begawan Mudim Pehin Khatib Dato Paduka Haji Matassan.

PELITA BRUNEI

AITI memperkukuh saluran pembangunan bakat ICT tempatan

Siaran Akhbar dan Foto : Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 Oktober. - Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI) telah mengadakan Majlis Penyampaian Anugerah bagi Program Perantisan Digital TechXPLORE Kohort 3, hari ini.

Majlis ini menandakan satu lagi pencapaian penting dalam usaha berterusan AITI untuk melahirkan tenaga kerja Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) tempatan yang berkemahiran, berdaya menyesuaikan diri dan bersedia untuk memenuhi keperluan industri, sekali gus menyumbang kepada masa depan digital Negara Brunei Darussalam (NBD).

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ketua Eksekutif AITI, Awang Haji Jailani bin Haji Buntar, merangkap Ketua Bersama Kumpulan Kerja Jawatankuasa Pemandu Industri Tenaga Kerja bagi ICT (MISC-WG ICT).

Turut hadir, ahli-ahli dan wakil MISC-WG ICT, Pasukan Kepimpinan Kanan AITI, wakil daripada Mindtrex Academy Sdn. Bhd., para peserta TechXPLORE Kohort 3 serta ibu bapa dan penjaga mereka.

Program Perantisan Digital TechXPLORE, yang merupakan singkatan bagi Tech Experience Learning Overseas in a Real-Working Environment ialah inisiatif AITI yang bertujuan merapatkan jurang antara pembelajaran akademik dengan keperluan industri melalui pemberian pengalaman praktikal kepada graduan ICT tempatan dalam persekitaran kerja di luar negara.

Lima peserta yang terpilih mempunyai latar belakang akademik yang pelbagai dalam bidang keselamatan siber, keselamatan maklumat, kecerdasan buatan dan analitik data. Bidang-bidang ini mencerminkan kepakaran digital yang semakin penting seiring dengan perkembangan landskap ICT masa kini.

Mereka adalah Awangku Abdul Afif Johnis bin Pengiran Abd. Aziz, Ijazah Sarjana Muda Sains Digital dalam bidang Keselamatan Siber dan Forensik, Universiti Brunei Darussalam (UBD); Muhammad Noor Akma bin Abdullah Alinoor, Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam bidang Keselamatan Maklumat, Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Muhammad Syahmi bin Aladin, Ijazah Sarjana Muda Sains Digital dalam bidang Kecerdasan Buatan Gunaan, UBD.

Seterusnya, Zulfa 'Alyaa binti Haji Muhammad Aiman, Ijazah Sarjana Muda Sains Digital dalam bidang Keselamatan Siber dan Forensik, UBD dan Siti Raudhah binti Haji Mohd. Salleh, Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam bidang Pengkomputeran, pengkhususan Analitik Data, serta Ijazah Sarjana Sains dalam bidang Keselamatan Siber, UTB.

Program TechXPLORE dirangka untuk mempersiapkan para peserta menghadapi tuntutan pasaran pekerjaan ICT melalui program pembangunan berstruktur selama tujuh bulan. Program ini merangkumi satu bulan latihan persediaan di NBD, diikuti dengan enam bulan penempatan industri di Republik Indonesia.

Sepanjang program ini, setiap peserta akan ditempatkan dalam salah satu daripada peranan berikut iaitu Pembangun Web Bahagian Belakang (Back-end Web Developer), Pembangun Bahagian Hadapan (Front-end Developer), Pereka UI/UX (*UI/UX Designer*) dan Penganalisis Data (*Data Analyst*). Penempatan ini mencerminkan kepelbagaian peranan profesional dan kemahiran yang diperlukan dalam industri ICT.

Para peserta akan berpeluang mengaplikasikan pengetahuan akademik melalui tugasan praktikal dan projek ICT sebenar, meningkatkan keupayaan teknikal serta memperoleh pendedahan kepada persekitaran kerja profesional.



KETUA Eksekutif AITI, Awang Haji Jailani bin Haji Buntar, merangkap Ketua Bersama Kumpulan Kerja Jawatankuasa Pemandu Industri Tenaga Kerja bagi ICT hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penyampaian anugerah berkenaan.

Di samping itu, mereka juga akan membangunkan kompetensi penting di tempat kerja, termasuk kemahiran menyelesaikan masalah, komunikasi, kerja berpasukan, kebolehsuaian dan disiplin profesional.

Hasil pekerjaan para peserta TechXPLORE terdahulu memberikan petunjuk awal terhadap sumbangan positif program ini dalam pembangunan kerjaya mereka. Ini terbukti apabila separuh daripada peserta bagi dua kohort terdahulu telah memperoleh pekerjaan selepas menamatkan program tersebut.

AITI mengiktiraf kepentingan kerjasama antara pihak kerajaan, institusi pendidikan dan rakan industri bagi memastikan inisiatif pembangunan kemahiran sentiasa memenuhi keperluan tenaga kerja yang berubah-ubah serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi digital NBD.

Sehubungan itu, AITI akan terus menyokong pembangunan graduan tempatan melalui inisiatif seperti Program Perantisan Digital TechXPLORE.

AITI merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Mindtrex Academy Sdn. Bhd. atas kerjasama dan sokongan berterusan dalam menjayakan Program Perantisan Digital TechXPLORE. AITI juga mengucapkan tahniah kepada kelima-lima peserta Kohort 3 yang akan memulakan perjalanan mereka dalam program TechXPLORE.

MENINGKATKAN KESEDARAN, MENGURANGKAN STIGMA KESIHATAN MENTAL



PEMANGKU Ketua Pegawai Eksekutif Tingkat I, Hospital PMMPMHAMB, Tutong, Dayang Hajah Siti Hasrainah binti Haji Mohd. Hassan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan pameran berkenaan (atas, atas kanan dan bawah).

TUTONG, Khamis, 29 Oktober. - Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB) pagi tadi mengadakan Majlis Mini Pameran Bersempena Hari Kesihatan Mental Sedunia 2026.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan pameran berkenaan ialah Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Tingkat I, Hospital PMMPMHAMB, Tutong, Dayang Hajah Siti Hasrainah binti Haji Mohd. Hassan. Majlis dimulakan dengan perasmian pameran oleh tetamu kehormat dan seterusnya menyaksikan pameran-pameran yang disediakan oleh Unit Psikiatri, Hospital PMMPMHAMB Tutong.

Penganjuran mini pameran ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kesihatan mental, mengurangkan stigma dalam komuniti dan membina persekitaran hospital yang menyokong kesejateraan emosi.



ANTARA pegawai-pegawai dan kakitangan Hospital PMMPMHAMB yang hadir memeriahkan majlis tersebut (kanan).

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



Mesej utama yang ingin disampaikan kepada orang ramai melalui pameran ini ialah untuk memaksimumkan penglibatan (*engagement*) orang ramai melalui tiga pendekatan iaitu Pendidikan Edukatif - Menyebarkan maklumat sahih berkenaan kesihatan mental; Interaktif digital dan fizikal - Menggalakkan penyertaan aktif berbanding paparan pasif; dan Advokasi visual - Memberi ruang kepada pelawat untuk menunjukkan sokongan moral secara terbuka.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah pegawai-pegawai dan kakitangan Hospital PMMPMHAMB, Tutong.



MENINGKATKAN KESIAPSIAGAAN MENGHADAPI KEPERLUAN PASARAN

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad



FORUM berkenaan menghimpunkan para pengendali, kontraktor, penyedia perkhidmatan dan perniagaan tempatan.

BELAIT, Khamis, 29 Oktober. - Enterprise Growth Connect (EGC) 2026 diteruskan hari ini dengan penganjuran Oil and Gas Opportunities Forum yang diketuai oleh Autoriti Petroleum Brunei Darussalam (PA) selaku Rakan Program, dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB).

Program ini merupakan hari kedua EGC 2026 yang bertemakan 'Advancing Capabilities. Unlocking Opportunities' yang diadakan di Pusat Insani, Seria, di sini.

Forum berkenaan menghimpunkan para pengendali, kontraktor, penyedia perkhidmatan dan perniagaan tempatan bagi memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai peluang-peluang yang bakal tersedia dalam sektor huluan dan hiliran minyak dan gas di seluruh Negara Brunei Darussalam (NBD).

Ia juga menyediakan platform yang diterajui oleh pihak industri bagi membolehkan para pengendali berkongsi prospek industri, projek dan aktiviti yang bakal dilaksanakan, bidang permintaan yang dijangka meningkat serta keupayaan yang diperlukan daripada bakal pembekal.

Forum tersebut turut membantu perniagaan tempatan memahami keperluan pasaran dengan lebih baik serta membuat persediaan bagi merebut peluang pada masa hadapan melalui pembangunan keupayaan dan perkongsian strategik.

Dalam ucapan Pengarah Urusan PA, Awang Shamir bin Salahudin menekankan peranan penting sektor minyak dan gas dalam menyokong Wawasan Brunei 2035 dengan mengekalkan sumbangannya kepada negara, memacu perkembangan industri hiliran, mewujudkan peluang berkualiti untuk rakyat NBD serta membangunkan perusahaan tempatan yang berdaya saing.

Pada program sebelah pagi memberikan tumpuan kepada sektor huluan, yang merangkumi pembentangan mengenai prospek peluang serta sesi perbincangan panel bersama para pengendali sektor huluan, manakala pada sebelah petang, program diteruskan dengan pembentangan dan perbincangan mengenai peluang dalam sektor hiliran oleh pelbagai pengendali sedia ada dan yang bakal beroperasi.

Sesi perbincangan panel turut mengupas pertimbangan utama serta kaedah yang boleh diambil oleh para pengendali dan kontraktor yang menyokong pelbagai aktiviti industri untuk meningkatkan daya saing dari segi kos. Pendekatan ini bertujuan membolehkan lebih banyak projek dilaksanakan dan seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan.

Sementara itu dalam sesi padanan perniagaan turut membuka ruang kepada perniagaan yang mengambil bahagian untuk berinteraksi secara langsung dengan wakil industri, membina rangkaian hubungan serta meneroka potensi kerjasama merentasi keseluruhan rantaian nilai minyak dan gas.

Melalui forum ini, PA berhasrat untuk memperkukuh penglibatan yang bermakna antara para pengendali dengan perniagaan tempatan, meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi keperluan pasaran serta menyokong pembangunan rantaian bekalan tempatan yang lebih berdaya saing dan berdaya tahan.

Usaha ini menyumbang kepada peningkatan Nilai Dalam Negara (In-Country Value) serta menyokong pembangunan jangka panjang sektor tenaga dan ekonomi NBD.

EGC 2026 telah bermula pada 28 Oktober 2026 di The Empire Brunei, dengan penyertaan sepuluh buah organisasi yang berkongsi maklumat mengenai projek-projek akan datang, perancangan perolehan serta keperluan pembekal dalam pelbagai sektor, termasuk makanan, perkhidmatan, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), pelancongan, maritim dan infrastruktur.



PENGARAH Urusan Autoriti Petroleum Brunei Darussalam, Awang Shamir bin Salahudin semasa menyampaikan ucapan.

Tingkatkan pengetahuan, kefahaman ugama dalam kalangan kanak-kanak



PEMANGKU Pengarah Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri semasa menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Masjid

TUTONG, Jumaat, 30 Oktober. - Sebanyak enam pasukan yang terdiri daripada pelajar Kelas Al-Quran dan Muqaddam berumur antara 6 hingga 12 tahun dari masjid-masjid di Daerah Tutong menyertai Pertandingan Kuiz Ugama Kanak-kanak Kelas Al-Quran dan Muqaddam bertempat di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.



PARA johan ketika sesi bergambar ramai pada pertandingan tersebut.

Pertandingan anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong dan Bahagian Imarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid itu merupakan antara pengisian sempena Sambutan Jubli Intan Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.

Pertandingan ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman ugama dalam kalangan kanak-kanak melalui pendekatan pembelajaran yang menarik dan bersesuaian dengan peringkat umur mereka.

Soalan pertandingan merangkumi tiga bidang utama, iaitu Fiqh, Tauhid dan Sejarah Islam.

Melalui pertandingan ini, para peserta berpeluang menguji pengetahuan ugama, mengasah kemahiran berfikir, meningkatkan keyakinan diri serta memupuk semangat kerjasama dan persaingan yang sihat.

Pertandingan ini juga dihasratkan untuk menggalakkan minat kanak-kanak mempelajari ilmu ugama secara berterusan, di samping mengeratkan hubungan silaturahim antara peserta, guru pembimbing dan pihak masjid.

Hadir selaku tetamu kehormat pada pertandingan tersebut dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang ialah Pemangku Pengarah Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Pada pertandingan tersebut, Masjid Kampung Penabai muncul johan, diikuti Masjid Kampung Bukit Udal sebagai naib johan, manakala tempat ketiga disandang oleh Masjid Kampung Bukit.

Penganjuran pertandingan seumpama ini diharap akan dapat menjadi wadah pendidikan yang bermanfaat kepada generasi muda serta memeriahkan lagi Sambutan Jubli Intan Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong melalui kegiatan keilmuan yang berteraskan ugama Islam.



PELITA BRUNEI

MANFAATKAN PENGGUNAAN AI, PENDIGITALAN DENGAN BERTANGGUNGJAWAB

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Muhammad Asri Awang Haji Abas

BERAKAS, Khamis, 29 Oktober. - Inovasi membantu meningkatkan kecekapan operasi, mengurangkan proses manual, menjimatkan masa serta mengoptimumkan penggunaan sumber.

Apa yang lebih penting, ia membuktikan bahawa penggunaan AI secara betul dan strategik mampu merapatkan jurang digital serta menghasilkan penyelesaian yang memberi manfaat berpanjangan kepada organisasi.

Perkara itu dijelaskan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I, Awang Muhammad Arif Firdaus Az-Zakirin bin Dato Paduka Awang Othman selaku Ketua Kumpulan 'Integr8' dari Bahagian Teknologi Maklumat, Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang menerima anugerah emas bagi Anugerah Inovasi Perdana (AIP).

Menerusi projek bertajuk 'Bantuan Kecerdasan Buatan (AI) Pemangkin Transformasi Digital', beliau menjelaskan bahawa idea tersebut tercetus daripada keperluan untuk menambah baik kecekapan kerja dan mereka melihat AI sebagai satu peluang untuk menutup jurang keupayaan teknologi dan sumber, seterusnya menghasilkan solusi digital yang lebih cekap, kos efektif dan mampan.



KUMPULAN 'Integr8' dari Bahagian Teknologi Maklumat, Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



KUMPULAN 'TIMS Titans' dari Unit Statistik, Bahagian Dasar, Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri.



KUMPULAN 'AEU TEMD TEAM' dari Unit Kejuruteraan Udara, Bahagian Pemeliharaan Kelengkapan Teknikal, Jabatan Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan.

Walaupun begitu, mereka juga menghadapi cabaran terbesar untuk menghasilkan solusi digital yang berkesan dengan memanfaatkan sumber dan kepakaran sedia ada. Namun, melalui semangat kerjasama, kesediaan untuk belajar serta keberanian meneroka teknologi baharu seperti AI, mereka katanya, berjaya menjadikan cabaran tersebut sebagai peluang untuk berinovasi.

"Alhamdulillah, sudah tentu kumpulan kami amat bersyukur dan berbesar hati. Kemenangan kali kedua ini bukan sekadar satu pengiktirafan tetapi membuktikan bahawa inovasi bukanlah usaha sekali sahaja, sebaliknya satu budaya penambahbaikan yang berterusan. Kejayaan ini merupakan hasil usaha dan komitmen seluruh pasukan serta dokongan dari pihak pengurusan Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

"Kami berhasrat untuk terus memperluaskan penggunaan AI dengan betul dan bertanggungjawab serta meningkatkan integrasi antara sistem serta meneroka lebih banyak peluang automasi pintar. Matlamat kami bukan sekadar membangunkan sistem digital, tetapi menjadikan AI sebagai pemangkin kepada transformasi digital organisasi yang lebih cekap, mampan dan lestari," ujarnya semasa ditemu bual pada Majlis Kemuncak Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-33, Tahun 2026 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, hari ini.

Begitu juga dengan Kumpulan 'TIMS Titans' dari Unit Statistik, Bahagian Dasar, Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri yang menerima anugerah perak, Dayangku Hajah Amanina Syazwani binti Pengiran Haji Aliudin selaku Ketua Kumpulan berkata, idea projek 'TIMS: Tourism Information Management Systems' tercetus apabila beliau mula menyertai Jabatan Kemajuan Pelancongan dan mendapati banyak masa pegawai dan kakitangan digunakan untuk mengumpul, membersihkan dan menyelaraskan data daripada pelbagai sumber.

"Saya mula berfikir, bagaimana kita boleh memudahkan proses ini supaya masa yang ada dapat digunakan dengan lebih produktif, bukan sekadar mengumpul data, tetapi untuk memahami, menganalisis dan menggunakan data tersebut bagi membantu membuat keputusan yang lebih tepat. Alhamdulillah, idea ini mendapat sokongan daripada pihak pengurusan, rakan sepasukan dan pelbagai agensi yang turut melihat manfaat inovasi ini. Daripada idea yang sederhana, ia akhirnya berkembang menjadi sistem TIMS yang dapat kita gunakan pada hari ini," katanya.

Beliau mengongsikan, antara cabaran terbesar mereka ialah mendapatkan kerjasama dan persetujuan daripada pelbagai agensi kerana data pelancongan bukan hanya berada di bawah satu jabatan. Setiap agensi mempunyai sistem, prosedur dan keutamaan masing - masing. Oleh itu, mereka perlu sentiasa berkomunikasi, mengadakan perbincangan dan menjelaskan bagaimana integrasi data ini dapat memberi manfaat bersama. Apa yang penting, mereka tidak melihatnya sebagai projek satu jabatan sahaja, tetapi sebagai usaha bersama untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan kerajaan. Alhamdulillah, melalui kerjasama dan sokongan semua pihak, cabaran tersebut dapat ditangani secara berperingkat.

Seterusnya, kesan terbesar TIMS pula terangnya, iaitu dengan perubahan cara mereka bekerja, daripada proses pengumpulan data secara manual kepada sistem yang lebih bersepadu dan efisien. Dengan TIMS, mereka dapat mengurangkan kerja berulang, menjimatkan masa dan mengoptimumkan penggunaan tenaga kerja. Yang lebih penting, data dapat digunakan untuk memahami trend pelancongan, merancang strategi dengan lebih berkesan serta membantu memastikan sumber dan peruntukan disalurkan kepada keutamaan yang tepat. Secara tidak langsung, ini juga membantu jabatan memberikan perkhidmatan yang lebih responsif kepada keperluan industri pelancongan.

"InsyaaAllah, bagi fasa kedua, kami merancang untuk memperluaskan penggunaan TIMS dengan melibatkan agensi pelancongan serta lebih banyak premis penginapan pelancong. Dengan adanya geran inovasi ini, kami juga berharap dapat meneroka penggunaan teknologi Kecerdasan Buatan atau AI, contohnya AI *chatbot*, bagi memudahkan pengguna mendapatkan maklumat dan memahami data dengan lebih cepat. Matlamat kami adalah supaya TIMS terus berkembang, bukan sekadar menjadi tempat penyimpanan data, tetapi sebagai satu sistem yang benar-benar membantu dalam analisis, perancangan dan pembuatan keputusan berasaskan data," tambahnya lagi.

Menurut Ketua Jurutera, Unit Kejuruteraan Udara, Bahagian Pemeliharaan Kelengkapan Teknikal, Jabatan Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan, Awang Haji Kamaludin bin Haji Apong yang mengetuai Ketua Kumpulan 'AEU TEMD TEAM' yang dianugerahkan gangsa menjelaskan, HRPulse membantu menjadikan pengurusan sumber manusia lebih teratur melalui penyelarasan maklumat dan pemantauan urusan kakitangan secara digital.

Menurutnya, ia juga membantu mengurangkan kebergantungan pada dokumen bercetak serta memudahkan penyediaan maklumat bagi menyokong perancangan dan pertimbangan pihak pengurusan.

Selain itu, HRPulse tambah beliau, dibangunkan menggunakan kepakaran dalaman tanpa memerlukan kos pembangunan aplikasi daripada pihak luar. Ini menunjukkan bahawa sumber dan kepakaran sedia ada boleh dimanfaatkan untuk menghasilkan penyelesaian digital yang praktikal, berkesan dan bersesuaian dengan keperluan organisasi.

Oleh itu, projek 'Aplikasi HRPulse (Human Resource Management System)' katanya, tercetus daripada keperluan untuk memperkemas pengurusan sumber manusia yang sebelum ini banyak bergantung pada proses manual dan dokumen bercetak, khususnya bagi urusan penilaian prestasi, pembaharuan kontrak, kenaikan pangkat serta kursus dan latihan.

Katanya, cabaran utama mereka adalah dalam memastikan sistem memenuhi keperluan sebenar pengurusan sumber manusia, di samping membantu kakitangan menyesuaikan diri dengan peralihan daripada kaedah manual kepada kaedah digital.

"Bagi mengatasinya, kami melaksanakan pengujian sistem, membuat penambahbaikan berdasarkan maklum balas pengguna serta menggalakkan kerjasama antara pembangun, pihak pengurusan dan pengguna.

"Pengalaman ini membuktikan bahawa kejayaan inovasi bukan hanya bergantung pada teknologi, tetapi juga pada penerimaan pengguna dan kesediaan warga kerja untuk berubah," ujarnya.

Dalam pada itu, kumpulan mereka katanya, merancang untuk memperluas penggunaan HRPulse kepada unit-unit lain di bawah Bahagian Pemeliharaan Kelengkapan Teknikal (BPKT), tertakluk kepada kesesuaian keperluan dan proses kerja masing-masing.

Selain, mereka juga berhasrat untuk menambah baik fungsi statistik dan analitik melalui papan pemuka (*dashboard*), di samping memperkukuh aspek keselamatan maklumat dan penyelenggaraan sistem.

Dalam masa yang sama, pembangunan modal insan ujarnya, akan terus diberikan keutamaan melalui latihan, peningkatan kemahiran digital dan pemindahan pengetahuan bagi memperkukuh kepakaran dalaman. Dengan usaha ini, HRPulse diharapkan dapat berkembang secara mampan dan menjadi salah satu pemangkin transformasi digital Kementerian Pertahanan.

Tegasnya, HRPulse bukan sekadar aplikasi pengurusan sumber manusia, tetapi merupakan satu usaha ke arah pembudayaan kerja digital, peningkatan kecekapan perkhidmatan dan pembangunan modal insan.

Mereka turut berharap inovasi tersebut dapat terus dikembangkan bagi menyokong aspirasi Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran dan berjaya, serta memperkukuh penyampaian perkhidmatan melalui inovasi dan transformasi digital.

JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
RTB / 18 / 2026
The Supply, Delivery, Installation, Configuration, Testing, Commissioning And Training Of Main Network & Broadcast Firewall Systems And Network Switches For RTB Broadcasting Complex Sungai Akar

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
10 November 2026,
Selasa,
Jam 2.00 Petang

JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
TCP / 21 / 2026 / 2027
"The Demolition, Removal & Dismantling Of Buildings And Structures For Department Of Town And Country Planning, Ministry Of Development, Negara Brunei Darussalam"

Yuran Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup dan Tempat Penghantaran:
Sabtu,
28 November 2026,
sebelum jam 2.00 Petang

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

Sijil ROCBN 16 / 17 Pembekal / Ejen Kenderaan Komersial Berdaftar di Negara Brunei Darussalam

Kenyataan Tawaran

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
TCP / 22 / 2026 / 2027
"Supply And Delivery One (01) Unit Of Nine (09) Seater High Roof Van"

Tarikh Tutup dan Tempat Penghantaran:
Selasa,
10 November 2026,
sebelum jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Membekal, Menghantar Dan Menghidangkan Makanan Sempena Sambutan Jubli Intan 2027 Sempena Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta

DA / JKSH / 144 / 2026 / 2027 [BPPA-OKT-2026]
Sebut Harga Membekal, Menghantar Dan Menghidangkan Makanan Secara Berhidang Bagi
1. Sarapan Pagi
2. Makan Tengah Hari
sempena Sambutan Jubli Intan 2027 Sempena Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta Oktober 2027

Sebut Harga Membekal, Menghantar Dan Menghidangkan Jamuan Bagi Sesi Muzakarah Kementerian Pendidikan Bersama Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis

Mesyuarat Negara 2026

DA / JKSH / 145 / 2026 / 2027 [BPPA-OKT-2026]
Sebut Harga Membekal, Menghantar Dan Menghidangkan Jamuan Bagi Sesi Muzakarah Kementerian Pendidikan Bersama Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara 2026 :
1. VIP - Sarapan Pagi (Hidangan Individu)
2. VIP - Hidangan Tengah Hari (Silver Service dan Dome Service / Bufet)
3. Ahli Jawatankuasa Kerja – Sarapan Pagi (Bufet)
4. Ahli Jawatankuasa Kerja – Hidangan Tengah Hari (Tapau)

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu,
14 November 2026
Jam 9.00 Pagi

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Kementerian Pembangunan

Notis Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
Q01 / KPN / DHRM / 2026-2027

Kursus:
Microsoft Words
(Basic & Intermediate)

Bilangan Sebut Harga:
Q02 / KPN / DHRM / 2026-2027

Kursus:
Effective Project Management Course

Bilangan Sebut Harga:
Q03 / KPN / DHRM / 2026-2027

Kursus:
Technical Report Writing Course

Bilangan Sebut Harga:
Q04 / KPN / DHRM / 2026-2027

Kursus:
Interviewing Skills Course for Technical Officers

Bilangan Sebut Harga:
Q05 / KPN / DHRM / 2026-2027

Kursus:
Microsoft Excel
(Basic & Intermediate)

Bilangan Sebut Harga:
Q06 / KPN / DHRM / 2026-2027

Kursus:
Generative AI:
Enhancing Productivity, Project Delivery, Analysis and Service Excellence Course

Bayaran Bagi Setiap e-Dokumen Sebut Harga:
BND9.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka:
Isnin,
19 Oktober 2026

Tarikh Akhir Pembelian dan Pembayaran:
Khamis,
29 Oktober 2026

Tarikh Tutup:
Isnin,
2 November 2026
sebelum jam 9.00 Pagi

KEMENTERIAN KEWANGAN

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KKW / BTM / PROC / 2026 / 1
Pajak Sewa Mesin Mencetak Selama Tiga (3) Tahun Bagi Kegunaan Kementerian Kewangan Serta Bahagian-Bahagian Di Bawahnya

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
3 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JKP / SH / 2026-2027 / 28
Supply And Delivery Of Card Printers For The Production Of Identification (ID) Profile Cards

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
5 November 2026,
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 247 / 2026 / JPK (TC)
The Provision Of Comprehensive Maintenance Services For "Niche" Dumbwaiter For Three (3) Years At Pusat Kesihatan Sungai Liang, Kuala Belait

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 248 / 2026 / JPK
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of 14 (Fourteen) Units Of Smoke Analyzer (Smokerlyzer) Department Of Health Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 249 / 2026 / TUT (TC)
The Provision Of Catering Services For The Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB) Hospital Tutong, National Isolation Centre, National Isolation Centre Extension (NICE) And Tutong Dialysis Centre For A Period Of Five (5) Years

Yuran Tawaran:
BND1,000.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 250 / 2026 / HTD
Provision Of Endoscopy System For Gastroenterology Department, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 251 / 2026 / HTD (TC)
Development Of Pharmacy Integrated Automated System (PINTAS) Inclusive Of Maintenance & Support For Five (5) Years For The Department Of Pharmaceutical Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 November 2026
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / GCAU / GSU / TA / 6020
Purchase Combat Boot Black For Gurkha Security Unit

Yuran Tawaran:
BND 10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 17 November 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
24 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN MUZIUM-MUZIUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
29 / JMM / S / 12 / 91 (2026 / 2027)
Sebut Harga Bagi Pembelian Alat Pembersih Di Unit Stor Untuk Kegunaan Semua Bahagian Di Bawah Jabatan Muzium-Muzium

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
30 / JMM / S / 12 / 91 (2026 / 2027) – R
Sebut Harga Bagi Pembelian Alat Tulis Di Unit Stor Untuk Kegunaan Semua Bahagian Di Bawah Jabatan Muzium-Muzium

Tarikh Tutup Sebut HargaS:
Khamis
5 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN BELIA DAN SUKAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan dan Keterangan Tawaran:
JBS / ADM / TDR / 08 / 2026
Perkhidmatan Penyediaan, Pembekalan dan Penghantaran Makan / Minum Malam Berkonsepkan Individually Packed Meals and Drinks Bagi 35 Orang Atlet Dibawah Program Elit Kecemerlangan Kendalian Jabatan Belia dan Sukan

Yuran Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup:
Selasa,
10 November 2026

JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Pemberitahuan Sebut Harga

JPt / SH / 93 / 2026-2027
Quotation For Maintenance, Service And Repair Of Incinerator (Comes With Building) In The Pathology Laboratory, Animal Diagnostic Unit, KKP Terunjing

JPt / SH / 94 / 2026-2027
Term Contract For Air-Conditioning System Maintenance And Other Required Works At Zone 'A' Brunei Muara District Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan For A Period Of Two (2) Years

JPt / SH / 95 / 2026-2027
Inspection Of Socket, Isolator And Earthing At Veterinary Lab KKP Terunjing, Department Of Agriculture And Agrifood

Borang Sebut Harga:
BND7.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
26 November 2026
Jam 2.00 Petang

INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
ITQ / E / 01 / 2106 / 26-27
Cleaning Roof At Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
ITQ / T / 2106 / 02 / 26-27
Water Tank For Hostel At Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
4 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN JABATAN PERDANA MENTERI

Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Jabatan Perdana Menteri

Tajuk Sebut Harga:
JPP / 1 / 3 / 16 / 3 / 26 - 27
Supply and Delivery of Printer Catridges for Management Services Department, Prime Minister's Office, Bangunan Bahirah, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan

Yuran Sebut Harga (E-dokumen):
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
4 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0055 / 2026
Supply And Delivery Of Reagents And Consumables For Environmental PCR Laboratory And Microbiology Laboratory

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0056 / 2026
Technical Service For Calibration Of Laboratory Equipment In Compliance To ISO / IEC 17025 Standard

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
12 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN ADAT ISTIADAT NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI

Notis Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
JAIN / 8 / 2001-01 - (2026)
Pembekalan Monitor Jabatan Adat Istiadat Negara

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
JAIN / 8 / 2001-02 (2026)
Pembekalan Google TV / Smart TV Jabatan Adat Istiadat Negara

Tarikh Tutup / Jam:
3 November 2026 –Selasa
(9.00 Pagi)

Tempat Menghantar Sebut Harga:
Peti Sebut Harga,
Jabatan Adat Istiadat Negara,
Bandar Seri Begawan BA8610,
Negara Brunei Darussalam.

JABATAN AUDIT JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
AUD / BPK / UE / Q&T / 2026-2027 / 23.
Pembelian Lima Belas (15) Portable Duplex Scanner Di Jabatan Audit Bangunan Bahirah, Jabatan Perdana Menteri Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

Deskripsi:
Portable Scanner
Desktop Sheet-Fed Scanner
Scan Size: A4
Scan Speed: B & W 15 BPPM (Simplex) / 30 IPM (Duplex), Colour 10 PPM (Simplex) / 20 IPM (Duplex)
Scan Resolution: Up to 600 dpi
Standard Feesing Capacity:
up to 20 sheets
Connectivity: Hi-speed USB 2.0 (USB 3.0 bus power supported)
Recommended Daily Scan Volume: Up to 500 scans per day

Kuantiti:
15 Unit

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa,
3 November 2026
Jam 2.00 Petang

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
26 / DBP / SH / 2026-2027
Pembelian Televisyen Bagi Kegunaan Aktiviti Dewan Bahasa Dan Pustaka

Harga Borang Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
5 November 2026

JABATAN PENGANGKUTAN DARAT KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Bilangan Tawaran dan Tajuk Projek:
34 / JPD / JKSH / 2026-2027
Sebut Harga Insurans Bagi Pegawai Dan Kakitangan Jabatan Pengangkutan Darat Secara Berkelompok

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
11 November 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dalam Kategori Dan Kelas Terbuka

Tarikh Buka Sebut Harga:
Isnin, 26 Oktober 2026

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran pada:
Isnin, 9 November 2026

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa, 10 November 2026
Jam, 2.00 Petang

Bilangan Tawaran dan Tajuk Projek :
[KHEDN / LTK / 2026 - 11]
Kontrak Penggal Bagi Penyewaan Dan Pemasangan Khemah Serta Kelengkapan Bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat Di Keempat Daerah Sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (03) Tahun.

Bilangan Projek:
KHEDN / UPE / 004001 / 2113 / 01

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)

KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

Makluman Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
11 / ASSET.MFA / 2026
Supply, Delivery And Installation Of Floor Finishes And Window Blinds

Bayaran Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
11 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Bilangan Sebut Harga:
ATELS / 2026 / SH - 20

Tajuk Tawaran:
Supply, Delivery And Functional Testing Of Control And Status Board (CSB) And Front Panel Display (FPD) For Distance Measuring Equipment (DME 500), Department Of Civil Aviation

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
28 Oktober 2026, Rabu

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
10 November 2026, Selasa

Tarikh Tutup Sebut Harga:
11 November 2026, Rabu
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
(III & IV) Sahaja

Kategori:
[KA01 sahaja]
(Kod Baharu)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
20 Oktober 2026
Selasa

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
3 November 2026
Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 007 / 2026 – (CDE).T.IV

Nama Projek:
Kontrak Berpenggal Lima (5) Tahun Bagi Pemantauan Kualiti Air Loji Rawatan Kumbahan & Sungai Di Kawasan Tadahan Brunei Muara, Tutong & Temburong

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Kenyataan Tawaran

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
T02 / KKBS / UP / INK Pembekalan Catridge Toner, Ink Dan Drum Printer Komputer Bagi Kegunaan Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan Bagi Tempoh 3 Tahun

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 November 2026
Jam 2.00 Petang



	JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1.	**PEGAWAI JURURAWAT** KEMENTERIAN KESIHATAN M.13-14 EB.15 (BAHAGIAN II) 2026/OCT/03/KKS/JKK	KEMENTERIAN KESIHATAN	12	7(A)	04 NOVEMBER 2026
2.	**PEMBANTU PERIKANAN** JABATAN PERIKANAN D.3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2026/OCT/03/KEPI	KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI	02	7(A)	04 NOVEMBER 2026
3.	**SETIAUSAHA SULIT** JABATAN-JABATAN KERAJAAN BW.1 / BW.2 (BAHAGIAN II) 2026/OCT/01/JJK/JPA	JABATAN PERKHIDMATAN AWAM	15	38(A)	04 NOVEMBER 2026
4.	**JURUTEKNIK GIGI KANAN** JABATAN PERKHIDMATAN PERGIGIAN M.8 EB.9 (BAHAGIAN III) 2026/OCT/02/KKS/JKK	KEMENTERIAN KESIHATAN	01	38(B)	04 NOVEMBER 2026
5.	**NAZIR SEKOLAH-SEKOLAH UGAMA** JABATAN PENGAJIAN ISLAM G.9 (BAHAGIAN III) 2026/OCT/03/KHEU	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	01	38(B)	04 NOVEMBER 2026
6.	**JURUUKUR KANAN** JABATAN UKUR B.3 (BAHAGIAN II) 2026/OCT/02/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	03	38(B)	09 NOVEMBER 2026

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIIKLANKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

1. JPt / SH / 84 / 2026 - 2027
Kerja-Kerja Memotong Rumput dan Membersih Kawasan Bangunan Bengkel Wasan dan Stor, Banglo Wasan (Pejabat) dan Barek Blok G dan Jalan Masuk, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Daerah Brunei Muara Untuk Tempoh Satu (1) Tahun

2. JPt / SH / 85 / 2026 - 2027
Kerja-Kerja Pembaikan di Bangunan Cagehouse Unit Biji Benih Padi, Kg Wasan

3. JPt / SH / 86 / 2026 - 2027
Term Contract For Electrical Works and Maintenance Services For Buildings and Associated Premises Under The Department of Agriculture and Agrifood, Negara Brunei Darussalam For A Period of Two (2) Years

4. JPt / SH / 87 / 2026 - 2027
Supply, Delivery and Installation, Testing and Commissioning of Laboratory Equipment and Support Appliances For The Plant Entomology Unit In Support of ISO/IEC 17025:2017 Compliance

5. JPt / SH / 88 / 2026 - 2027
Pembangunan Panel Nutrisi Bagi Produk-Produk Agrimakanan

6. JPt / SH / 89 / 2026 - 2027
Three Years Term Contract For Supplies, Delivery, Installation and Maintenance of Multifunction Photocopier Machine and Associated Supplies For Department of Agriculture and Agrifood

7. JPt / SH / 90 / 2026 - 2027
Membekalkan dan Memasang Skrin LED Bagi Menaik Taraf dan Kemudahan di Dewan Simpur, Agribisnes Rimba Bagi Acara-Acara Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

8. JPt / SH / 91 / 2026 - 2027
Melaksanakan Penyelenggaraan Peralatan Bagi Makmal Kimia dan Makmal Residu Ubat-Ubatan

9. JPt / SH / 92 / 2026 - 2027
Planting and Related Crop Management Services For Hybrid Rice Breeding and Seed Production at Cagehouse, Wasan

Borang Sebut Harga:
BND7.00

Tarikh Tutup:
Khamis,
12 November 2026

JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI

Jemputan Untuk Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / JAN / 057 / 2026

Tajuk Tawaran:
Supply, Delivery Of Gas Turbine Air Inlet Filter Cartridges For Lumut Power Station

Tarikh Tutup:
Selasa, 24 November 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PSP / 004 / 2026

Tajuk Tawaran:
Supply, Delivery, Installation And Commissioning Of A 25 / 30MVA ONAN / ONAF 132 / 66 / 11KV Power Transformer At Setia Diraja Substation, Kuala Belait

Tarikh Tutup:
Selasa, 24 November 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1
Bangunan
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / KOP / 062/ 2026

Tajuk Tawaran:
Provision Of 2nd Level Customer Support Agents For DES Customer Services Center, Brunei Muara District For A Period Of 3 Years

Tarikh Tutup:
Selasa, 24 November 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Jabatan Perdana Menteri
Lobi Utama, Aras 1
Bangunan Jabatan Perdana Menteri
Jabatan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam

Prime Minister's Office Brunei Darussalam | Ministry of Economy, Trade and Industry Negara Brunei Darussalam | Ministry of Finance Brunei Darussalam

Apa yang perlu awda tahu mengenai

PENGEMASKINIAN TARIF ELEKTRIK B BAGI SEKTOR KOMERSIAL

Soalan Lazim & Sumber Utama



Perubahan ini hanya melibatkan **pelanggan yang berdaftar di bawah TARIF B - KOMERSIAL**

Tarif B yang sedia ada juga akan ditukar nama kepada **TARIF B - SEKTOR BUKAN PERUMAHAN**



Rumah kediaman **TIDAK TERJEJAS**. Tarif elektrik bagi perumahan telah dikemas kini pada tahun 2012.



Ia dirancang untuk dilaksanakan pada **APRIL 2028** berikutan **tempoh peralihan selama 18 bulan.**

Tempoh peralihanan disediakan bagi memberi masa yang mencukupi kepada pihak perniagaan untuk bersedia dan menyesuaikan diri dengan perubahan tersebut.

Prime Minister's Office Brunei Darussalam | Ministry of Economy, Trade and Industry Negara Brunei Darussalam | Ministry of Finance Brunei Darussalam

Apa yang perlu awda tahu mengenai

PENGEMASKINIAN TARIF ELEKTRIK B BAGI SEKTOR KOMERSIAL

Soalan Lazim & Sumber Utama

Struktur Tarif B Dikemaskini Mulai April 2028

KATEGORI PENGGUNAAN	BLOK UNIT	KADAR DIKEMASKINI (B$/kWh)
Rendah	1 kWh hingga 1,500 kWh	B$0.08
Sederhana	1,501 kWh hingga 4,500 kWh	B$0.12
Tinggi	4,501 kWh hingga 15,000 kWh	B$0.15
Intensif	15,001 kWh hingga 7,200,000 kWh	B$0.21
Lebih Intensif	7,200,001 kWh hingga 21,600,000 kWh	B$0.23
Ultra Intensif	21,600,001 kWh dan ke Atas	B$0.25

Caj kapasiti *sebanyak B$10/kW yang berasingan juga akan diperkenalkan bagi pengguna Voltan Tinggi (≥ 11kV) sebagai sebahagian daripada struktur tarif yang dikemas kini.*

Tarif yang dikemas kini hanya akan bermula pada ***April 2028*** *berikutan tempoh peralihan selama 18 bulan.*

SENDA GURAU, ADA HADNYA

جباتن حال احوال مسجد
JABATAN HAL EHWAL MASJID
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
19 JAMADILAWAL 1448 / 30 OKTOBER 2026

MAKSUD GURAUAN ATAU BERGURAU SENDA

Percakapan secara bermain-main, bersenda, berjenaka atau berkelakar.

ISLAM TIDAK MELARANG BERGURAU

Namun, yang perlu kita jaga:

- Bagaimana kita bergurau.
- Apakah kesannya terhadap orang lain.

BATASAN DALAM BERGURAU

Berguraulah secara berpada-pada agar tidak melampaui batas adab dan sopan santun.

Jadikanlah gurauan sebagai wasilah untuk merapatkan hubungan dan beramah mesra.

Gurauan hendaklah berdasarkan perkara yang benar dan bukanlah perkara yang dusta.

Elakkan gurauan yang mengandungi unsur menakut-nakutkan, memudaratkan atau mengejutkan orang lain secara keterlaluan.

Gurauan tidak boleh mengandungi unsur penghinaan, cercaan, ejekan atau sebarang perkataan yang menggores dan menyakitkan hati.

Jangan mempermainkan lafaz yang berkaitan dengan nikah, talak dan rujuk.

NIKAH TALAK RUJUK

BERWASPADA DENGAN SENDA GURAU YANG MELAMPAUI BATAS ATAU BERLEBIHAN, KESANNYA:

- Boleh menimbulkan kemarahan
- Menyebabkan terputusnya hubungan silaturahim dan persaudaraan sesama muslim

SILA IMBAS KOD QR UNTUK MENDAPATKAN KHUTBAH JUMAAT YANG LENGKAP DAN UNTUK MENGIKUTI CHANNEL WHATSAPP KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

KHUTBAH JUMAAT

CHANNEL WHATSAPP

UNIT KHUTBAH, BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN, JABATAN HAL EHWAL MASJID, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PELITA BRUNEI



Senda gurau, ada hadnya

BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Antara cara yang dapat melestarikan keharmonian dalam kehidupan berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara ialah dengan adab dan tingkah laku dalam pergaulan. Hal ini kerana ia merupakan salah satu cabang akhlak yang mulia dan cerminan keperibadian seseorang serta menjadi asas penting dalam memelihara hubungan sesama manusia.

Sesungguhnya menghiasi diri dengan akhlak yang baik dan mulia amat penting dalam memelihara hubungan yang harmoni sesama ahli keluarga, sahabat, jiran tetangga, rakan sekerja dan masyarakat keseluruhannya. Daripada Abu Hurairah Radiallahuaanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "*Orang Mukmin yang paling sempurna imannya adalah yang paling baik akhlaknya*". (Hadis Riwayat Imam Tirmizi)

Oleh itu, agama kita telah memberikan panduan untuk menjaga ukhuwah dan mahabbah sesama manusia, antaranya dengan sentiasa memelihara tutur kata dan tingkah laku. Ini termasuklah berkata-kata dengan sopan dan baik, menghindari kata-kata keji dan kesat serta tidak berlebihan dalam bergurau senda dan hal-hal seumpamanya.

Gurauan atau bergurau senda bermaksud percakapan secara bermain-main, bersenda, berjenaka atau berkelakar. Antara tujuannya adalah untuk menggembirakan hati, menghiburkan dan memeriahkan suasana.

Islam tidak melarang umatnya daripada bergurau. Walau bagaimanapun, agama kita melarang bergurau senda yang berlebihan atau bergurau terhadap perkara yang sia-sia kerana gurauan itu boleh membuatkan orang ketawa berlebihan dan menyebabkan hati menjadi keras serta melalaikan diri daripada berzikir mengingati Allah Subhanahu Wata'ala. Peringatan ini jelas disbutkan dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "*Janganlah kamu banyak ketawa kerana sesungguhnya banyak ketawa itu mematikan hati*". (Hadis Riwayat Imam Tirmizi)

Namun begitu, jangan pula kita menjadi terlalu serius hingga tidak pernah ketawa. Islam bukanlah agama yang mengajar umatnya untuk bermasam muka sehingga boleh menyinggung perasaan orang lain, malah senyuman, kemesraan dan gurauan yang baik juga mempunyai nilai yang murni.

Sesungguhnya ketawa dan gurauan merupakan perkara yang diharuskan dalam Islam selagi tidak melampaui batas dan ia adalah fitrah manusia. Namun, yang perlu kita jaga bukanlah semata-mata kita bergurau atau tidak tetapi bagaimana kita bergurau dan apakah kesannya terhadap orang lain.

Oleh itu, walaupun bergurau senda dibenarkan oleh syarak, terdapat batasan-batasan tertentu yang mesti dijaga agar tidak melampaui adab serta akhlak Islam. Antaranya batasan tersebut ialah :

Pertama : Berguraulah secara berpada-pada agar tidak melampaui batas adab dan sopan santun.

Kedua : Jadikanlah gurauan sebagai wasilah untuk merapatkan hubungan dan beramah mesra, bukan untuk menyakitkan hati atau menjatuhkan maruah orang lain. Jangan menjadikan seseorang bahan ketawa sehingga dia berasa dipermalukan.

Ketiga : Gurauan hendaklah berdasarkan perkara yang benar dan bukanlah perkara yang dusta.

Keempat : Elakkan gurauan yang mengandungi unsur menakut-nakutkan, memudaratkan atau mengejutkan orang lain secara keterlaluan.

Kelima : Gurauan tidak boleh mengandungi unsur penghinaan, cercaan, ejekan atau sebarang perkataan yang mengguris dan menyakitkan hati. Jangan menjadikan keadaan fizikal, kekurangan atau kesusahan orang lain sebagai bahan gurauan.

Keenam : Jangan mempermainkan lafaz yang berkaitan dengan nikah, talak dan rujuk.

Perkara ini mempunyai akibat hukum yang serius. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "*Tiga perkara yang apabila dilakukan secara bersungguh-sungguh dikira bersungguh-sungguh dan apabila ia dilakukan secara bergurau, juga dikira bersungguh-sungguh iaitu nikah, talak dan rujuk*". (Hadis Riwayat Abu Daud)

Oleh yang demikian, berwaspadalah dengan senda gurauan yang melampaui batas atau berlebihan kerana ia boleh menimbulkan kemarahan sehingga menyebabkan terputusnya hubungan silaturahim dan persaudaraan sesama Muslim dan ia adalah perbuatan yang sangat dilarang dalam agama kita.

Akhirnya, peliharalah kebenaran dan maruah dalam setiap gurauan. Jika gurauan kita menyakiti seseorang, hentikanlah dan mohonlah maaf. Ingatlah, meskipun gurauan kita mungkin mengundang senyum dan tawa, namun tidak mustahil ada hati yang terluka dan perasaan yang terguris. Maka, berhati-hatilah dalam bergurau kerana setiap tutur kata kita akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah Subhanahu Wata'ala.

Tafsirnya : "*Dan tiadalah kehidupan dunia ini melainkan hanyalah permainan dan senda gurau (semata-mata dan sesungguhnya negeri akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang bertakwa. Oleh itu tidakkah kamu mahu menggunakan akal (untuk berfikir)*?" (Surah Al-An'am, ayat 32)

Sel organisma penyebab air kemerah-merahan masih dikesan

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perikanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 Oktober. - Susulan daripada kenyataan media yang dikeluarkan pada 13 Jamadilawal 1448 Hijrah bersamaan 24 Oktober 2026 Masihi, Jabatan Perikanan, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Negara Brunei Darussalam (NBD), terus mempergiat usaha pemantauan terhadap keadaan air kemerah-merahan di perairan NBD.

Usaha ini dilaksanakan secara berterusan dengan kerjasama agensi-agensi berkepentingan, iaitu Polis Marin, Jabatan Gerakan, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Markas Angkatan Bersama (MAB), Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, serta berpandukan hasil analisis makmal yang dijalankan oleh Jabatan Perikanan.

Hasil daripada pemantauan dan laporan analisis makmal terkini yang telah dijalankan pada 25 Oktober hingga 29 Oktober 2026, telah mendapati bahawa organisma penyebab air kemerah-merahan iaitu Pyrodinium Bahamense masih dikesan di perairan pesisir pantai Daerah Belait, Daerah Tutong dan Daerah Brunei dan Muara.

Di samping itu, perkembangan pemantauan terkini turut mendapati kandungan sel organisma penyebab air kemerah-merahan terutama di perairan Teluk Brunei termasuk kawasan Tugu, Ujong Sapoh dan Pulau Kaingaran juga masih dikesan.

Memandangkan kejadian air kemerah-merahan masih melanda kawasan perairan di persisiran pantai dan Teluk Brunei, Jabatan Perikanan sekali lagi mengingatkan orang ramai supaya terus mematuhi nasihat dan arahan keselamatan yang telah dikeluarkan, serta tidak mengambil atau memakan ikan-ikan kecil seperti aur-aur, tamban, basong-basong, pusu dan kuasi serta bubuk dan semua jenis kerang-kerangan dan juga sebarang ikan yang dijumpai mati, terutamanya dari kawasan perairan NBD yang terjejas.

Ikan-ikan berkenaan berisiko dicemari toksin yang dihasilkan oleh organisma penyebab air kemerah-merahan, di mana pendedahan kepada toksin ini boleh menyebabkan keracunan manusia dengan gejala seperti cirit-birit, muntah-muntah, kebas dan kelumpuhan otot, serta dalam kes yang serius, boleh menyebabkan kematian.

Jabatan Perikanan juga memberikan amaran tegas kepada para nelayan untuk tidak menjalankan operasi penangkapan ikan di kawasan perairan yang terjejas. Para nelayan juga diingatkan untuk tidak menangkap atau menjual ikan-ikan kecil dan semua jenis kerang-kerangan seperti yang dinyatakan.

Penjualan melalui melalui platform dalam talian termasuk media sosial, seperti di aplikasi TikTok dan Instagram, adalah juga tidak dibenarkan dan tindakan penguatkuasaan akan diambil ke atas mana-mana pihak yang didapati masih menjual ikan-ikan berkenaan secara dalam talian.

Selain itu, orang ramai juga diingatkan supaya tidak membeli ikan-ikan kecil yang ditegah sama ada yang dijual di pasar, premis perniagaan atau melalui platform dalam talian termasuk media sosial.

Peringatan ini bertujuan untuk melindungi pengguna daripada risiko membeli dan memakan ikan yang mungkin tercemar akibat kejadian air kemerah-merahan. Di samping itu, orang ramai juga dinasihatkan untuk mengelakkan penggunaan air laut dari kawasan terjejas serta tidak melakukan sebarang aktiviti air, termasuk mandi atau berenang, di kawasan pesisir pantai berkenaan.

Langkah berjaga-jaga ini adalah untuk mengelakkan pendedahan kepada air yang terjejas dan boleh menyebabkan ruam kulit. Dalam masa yang sama, orang ramai dinasihatkan supaya tidak menyebarluaskan maklumat yang belum disahkan oleh pihak berkuasa bagi mengelakkan kekeliruan dan kebimbangan awam.

Orang ramai, khususnya para nelayan dan pengusaha sangkar ikan, juga digalakkan untuk melaporkan sebarang perubahan warna air atau penemuan ikan mati dalam jumlah yang banyak di kawasan perairan dan pesisir pantai NBD.



Sebarang laporan, pertanyaan ataupun maklumat berkenaan penjualan ikan-ikan yang ditegah, bolehlah disalurkan melalui talian +673 2770068 pada waktu bekerja, talian Hotline +673 8984526 atau e-mel *enquiry@fisheries.gov.bn*.

Jabatan Perikanan akan terus bekerjasama dengan agensi-agensi berkepentingan dalam memperkukuh pemantauan terhadap kejadian air kemerah-merahan serta memastikan maklumat rasmi dan perkembangan terkini disampaikan kepada orang ramai secara berterusan.

Sokongan dan kerjasama orang ramai dalam mematuhi nasihat yang dikeluarkan serta melaporkan sebarang kejadian amatlah penting bagi membantu usaha pemantauan dan memastikan kesihatan serta keselamatan awam sentiasa terpelihara.



Menerokai bidang perkhidmatan penjagaan profesional

Oleh : Nurdiyanah Rajami
Foto : Ihsan Awang Muhamad Zuhri Arif Haji Zakaria

DENGAN menggenggam misi ke arah memberikan perkhidmatan penjagaan profesional yang berkualiti yang berteraskan nilai ihsan bagi membantu klien atau pesakit menjalani kehidupan seharian dengan selesa, selamat dan prihatin dengan penuh empati, itulah kesungguhan yang disemai dalam jiwa raga 12 orang penjaga (*caregiver*) yang terdiri daripada golongan belia dan beliawanis tempatan yang berkelulusan bidang kejururawatan dalam menjalankan sebuah syarikat perkhidmatan penjagaan dan pendampingan secara holistik yang dikenali sebagai Ihsan Caregiver Services.

Ihsan Caregiver Services yang diluluskan pendaftarannya di Bahagian Pendaftaran Syarikat-syarikat dan Nama-nama Perniagaan (ROCBN) pada 16 September 2026 dan dilancarkan pada 1 Oktober 2026 ini memberi tumpuan kepada keperluan harian, keselesaan dan kesejahteraan klien atau pesakit, sama ada di hospital mahupun di kediaman klien atau pesakit sendiri.

Perkasa perkhidmatan penjagaan berteraskan nilai ihsan

Berkesempatan ditemu bual Pelita Brunei, Pengasas dan Pengurus Ihsan Caregiver Services, Awang Muhamad Zuhri Arif bin Haji Zakaria antaranya menjelaskan bahawa perkhidmatan yang mereka tawarkan termasuklah bantuan penjagaan diri, peringatan pengambilan ubat mengikut arahan yang ditetapkan, pemantauan tanda-tanda vital asas mengikut skop tugas dan latihan *caregiver*, sokongan moral serta pendampingan bagi klien atau pesakit yang memerlukan teman. Mereka juga menyediakan perkhidmatan membantu dan menemani klien atau pesakit menghadiri temu janji hospital.

Insan yang memiliki kelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejururawatan (BHSc of Nursing) di Universiti Brunei Darussalam (UBD) ini turut mengongsikan perkhidmatan penjagaan yang mereka tawarkan sememangnya berdasarkan keperluan klien atau pesakit (*on-demand basis*) dengan penyediaan perkhidmatan bergantung kepada permintaan yang diterima.

Bersatu mengorak langkah

Dengan penubuhan syarikat perkhidmatan penjagaan ini, Awang Muhamad Zuhri Arif turut meluahkan kesyukuran dengan adanya 11 orang rakan-rakan beliau yang memiliki semangat juang yang sama yang bukan hanya terdiri daripada golongan pemegang Ijazah Sarjana Muda Kejururawatan di UBD bahkan juga dari lepasan JPMC College of Health Sciences dan juga salah seorangnya berkelulusan Higher National Diploma in Nursing di Politeknik Brunei.

"Pastinya dengan tertubuhnya syarikat perkhidmatan ini, ia dihasrat untuk menyediakan platform pekerjaan untuk para graduan tempatan khususnya bidang kejururawatan, penjagaan dan bidang berkaitan bagi membuka peluang memulakan kerjaya serta mengaplikasikan ilmu dan kemahiran yang dipelajari selama ini. Selain itu, ia juga diharap dapat menyumbang kepada pembangunan sektor khidmat penjagaan di Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui penyediaan peluang pekerjaan dan perkhidmatan yang mampan serta dipercayai. Hal ini sekali gus untuk sama-sama membangunkan potensi dan kompetensi tenaga kerja melalui latihan, bimbingan dan pembangunan profesional secara berterusan dalam bidang penjagaan," tambah beliau lagi.

Tercetusnya ilham daripada pengalaman peribadi

Apabila diajukan persoalan bagaimana tercetusnya ilham untuk mengetengahkan syarikat perkhidmatan penjagaan berkenaan, Awang Muhamad Zuhri Arif berkata ilham untuk menubuhkan perkhidmatan ini tercetus daripada pengalaman mereka sendiri dalam menghadapi cabaran menjaga ahli keluarga. Pengalaman tersebut menyedarkan mereka bahawa terdapat keluarga lain yang mungkin turut berdepan dengan situasi yang sama dan memerlukan sokongan penjagaan.

"Pada masa yang sama, kami melihat peluang untuk meneroka bidang kesihatan dan penjagaan sebagai satu usaha keusahawanan yang bukan sahaja berpotensi untuk berkembang malah dapat memberikan manfaat kepada masyarakat dan meringankan beban keluarga yang memerlukan," ujarnya yang berusia 25 tahun.

Berbicara mengenai insan-insan yang banyak memberi dorongan atau sokongan sehingga tertubuhnya syarikat perkhidmatan penjagaan berkenaan, beliau dengan nada penuh tulus berkongsi individu yang benar-benar memberikan dorongan, sokongan serta inspirasi dalam penubuhan perkhidmatan ini ialah ibu beliau, di samping ahli keluarga yang lain, para pensyarah serta sahabat-sahabat yang sentiasa memberikan sokongan.

Keindahan di sebalik bidang perkhidmatan penjagaan

Dalam pada itu, Awang Muhamad Zuhri Arif juga meluahkan pandangan bahawa beliau melihat bidang perkhidmatan ini sebagai satu bidang yang mempunyai nilai kemanusiaan dan potensi yang besar, lebih-lebih lagi apabila keperluan terhadap penjagaan yang prihatin, berkualiti dan bermaruah semakin penting dalam masyarakat kita.

"Bagi saya, sifat ihsan bukan sekadar memberikan penjagaan, tetapi juga memahami, menghormati dan memelihara maruah setiap insan. Ada kepuasan tersendiri apabila kita tahu bahawa bantuan yang diberikan dapat meringankan beban keluarga dan membuatkan insan yang dijaga berasa lebih selesa, dihargai dan disayangi. Itulah keindahan sebenar bidang ini bagi saya," ujarnya.

Beliau turut mengongsikan kenangan manis yang tidak dapat dilupakan apabila salah seorang klien atau pesakit terawal berpuas hati serta sangat menghargai dengan kualiti penjagaan daripada Ihsan Caregiver Services. Klien atau pesakit tersebut juga sempat memberikan komen motivasi kepada mereka.

"Manakala cabaran yang pernah dihadapi adalah untuk memenuhi permintaan klien atau pesakit di daerah lain, terutama Daerah Belait dan beberapa kawasan di pedalaman Daerah Tutong. Memandangkan syarikat perkhidmatan ini masih baharu dan belum mempunyai ramai penjaga dan kemudahan seperti kenderaan khusus membawa pesakit menjadikan jenis perkhidmatan yang ditawarkan hanya terhad kepada penjagaan dan menemani pesakit," kongsinya.

Pupuk nilai positif budaya penjagaan sesama insan

Sebelum mengakhiri sesi temu bual, Awang Muhamad Zuhri Arif meluahkan harapan agar Ihsan Caregiver Services ini dapat berkembang menjadi penyedia perkhidmatan penjagaan yang dipercayai dan menjadi pilihan keluarga di NBD. Di samping itu, ianya juga dapat memberikan pengalaman serta mempertingkatkan kemahiran penjaga sama ada dalam bidang kejururawatan atau penjagaan biasa.

"Dari segi perancangan, saya berhasrat untuk memperluas perkhidmatan secara berperingkat serta menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan, berkualiti dan pembangunan kerjaya dalam bidang kejururawatan dan penjagaan. Dalam jangka masa panjang, saya berharap Ihsan Caregiver Services bukan sahaja dapat memenuhi keperluan penjagaan masyarakat tetapi juga budaya penjagaan yang berteraskan ihsan, kasih sayang, profesionalisme dan penghormatan terhadap maruah setiap insan," ucapnya tulus.



PELITA BRUNEI



Membina daya tahan pelabur

5 Panduan Utama untuk Pelaburan yang Lebih Bijak





Oleh : Brunei Darussalam Central Bank dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Ilustrasi : Muhammad Ike Iqrami Haji Suhaimi

MINGGU Pelabur Sedunia ataupun World Investor Week (WIW) merupakan kempen global selama seminggu yang dipromosikan oleh Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti atau International Organization of Securities Commissions (IOSCO).

Kempen ini meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pendidikan dan perlindungan pelabur, di samping mengetengahkan inisiatif pengawal selia sekuriti dalam kedua-dua bidang tersebut. Pada tahun ini, WIW bertemakan 'Daya Tahan Pelabur, Penipuan Digital dan Amaran Scam' (Investor Resilience, Digital Deception and Scam Alert).

Bersempena dengan WIW, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) mengongsikan panduan praktikal untuk membantu orang ramai membuat keputusan pelaburan yang lebih bermaklumat, mengenal pasti potensi risiko, dan melindungi wang mereka dengan lebih berkesan . Sebagai sebahagian daripada usaha ini, artikel ini memberi tumpuan kepada daya tahan pelabur dan bagaimana pelan pelaburan yang jelas dapat membantu awda membuat keputusan yang lebih teliti, khususnya ketika berhadapan dengan perubahan atau ketidaktentuan pasaran.

Bersedia menghadapi perubahan pasaran

Walaupun awda melabur melalui institusi kewangan yang berlesen, nilai pelaburan awda masih boleh turun naik bergantung pada keadaan pasaran dan perkembangan ekonomi.

Melihat nilai pelaburan awda meningkat dan menurun boleh menimbulkan rasa bimbang. Apabila keadaan pasaran tidak menentu, awda mungkin terdorong untuk menjual dengan segera, mengikut trend terkini atau kerap memeriksa harga.

Mempunyai perancangan yang jelas boleh membantu awda kekal fokus dan membuat keputusan yang bijak berdasarkan maklumat yang mencukupi, terutamanya apabila dipenuhi dengan emosi.

1. Hanya melabur wang yang mampu awda ketepikan

Sebelum melabur, semak perbelanjaan asas, hutang dan simpanan awda. Pastikan simpanan kecemasan mudah diakses supaya bil yang tidak dijangka atau kehilangan pendapatan tidak memaksa awda menjual pelaburan pada masa yang kurang sesuai. Elakkan daripada melaburkan wang yang mungkin diperlukan dalam masa terdekat.

2. Tetapkan tujuan bagi setiap pelaburan

Adakah awda melabur untuk pendidikan, persaraan atau matlamat jangka panjang yang lain? Matlamat dan tempoh masa awda akan mempengaruhi tahap risiko yang sanggup diambil. Sesuatu pelaburan yang sesuai untuk matlamat jangka panjang mungkin tidak sesuai untuk wang yang diperlukan dalam masa terdekat.



3. Jangkakan nilai pelaburan akan naik dan turun

Nilai pelaburan boleh berubah, dan prestasi masa lalu tidak menjamin pulangan pada masa hadapan. Penurunan nilai wajar diberi perhatian, tetapi tidak semestinya memerlukan tindakan segera.

Pertimbangkan sama ada pelaburan tersebut masih sesuai dengan matlamat, tempoh masa dan kemampuan awda untuk menanggung kerugian.



4. Elakkan meletakkan semua wang dalam satu pelaburan

Mempelbagaikan pelaburan dalam produk yang bersesuaian boleh membantu mengurus risiko, tetap bukan mengelakkan semua kerugian. Semak pelaburan awda dari semasa ke semasa, terutamanya apabila pendapatan, komitmen atau matlamat kewangan awda berubah.

Bersedia Menghadapi Perubahan Pasaran



5. Kekal tenang dalam membuat keputusan

Awda juga perlu mengenal pasti perkara yang mungkin mempengaruhi keputusan pelaburan. Perasaan takut terlepas peluang, terlalu teruja dengan keuntungan terkini atau cemas ketika pasaran menurun boleh mendorong kepada keputusan terburu-buru. Ambil masa untuk berhenti seketika dan menilai semula keadaan boleh membantu awda membuat keputusan berdasarkan pelan dan bukannya emosi.

DAYA tahan dalam pelaburan dibina melalui kesediaan kewangan, jangkaan yang realistik dan pelan yang jelas. Luangkan masa untuk memahami apa yang awda laburkan, mengapa awda melabur dan sama ada pelaburan tersebut masih menyokong matlamat kewangan awda.

Jika awda memerlukan panduan, dapatkan nasihat daripada profesional yang berlesen dan pastikan awda memahami nasihat serta sebarang yuran yang dikenakan.

MEMUPUK KESEDARAN MENGENAI KESELAMATAN KEBAKARAN

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



TAKLIMAT Keselamatan Kebakaran tersebut telah diadakan di Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jalan Landasan Lama, Berakas. Taklimat tersebut, antara yang lain, diisi dengan penerangan mengenai punca-punca kebakaran dan demonstrasi penggunaan alat pemadam api (kanan dan kiri).



BERAKAS, Khamis, 29 Oktober. - Bagi memberikan pendedahan dan pengetahuan asas mengenai keselamatan kebakaran, khususnya dalam aspek pencegahan serta tindakan yang perlu diambil ketika menghadapi situasi kecemasan, Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengadakan Program Life Saver menerusi Taklimat Keselamatan Kebakaran bagi Kelas Bimbingan Muslimah diadakan di Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Jalan Landasan Lama, Berakas, pagi tadi.

Program yang julung-julung kali diadakan ini merupakan inisiatif Bahagian Hal Ehwal Muslimah dengan kerjasama JBP, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Seramai 30 peserta yang terdiri daripada ketua-ketua Muslimah, tenaga pembimbing dan para peserta Kelas Bimbingan Muslimah dari masjid-masjid di Zon 4, Daerah Brunei dan Muara telah menyertai taklimat berkenaan. Taklimat tersebut disampaikan oleh pegawai-pegawai daripada JBP.

Antara pengisian program termasuklah penerangan mengenai punca - punca kebakaran, langkah - langkah pencegahan kebakaran di rumah, masjid dan persekitaran, serta kepentingan mengenal pasti laluan kecemasan dan tempat berkumpul yang telah ditetapkan sekiranya berlaku kecemasan.

Program ini turut disertakan dengan demonstrasi penggunaan alat pemadam api bagi memberikan pendedahan secara praktikal kepada para peserta mengenai kaedah penggunaan alat tersebut dengan betul dan selamat.


Melalui pelaksanaan program ini, para peserta diharap akan dapat meningkatkan pengetahuan dan kesedaran mengenai keselamatan kebakaran, di samping memupuk sikap prihatin dan bertanggungjawab terhadap keselamatan diri, keluarga dan masyarakat.

Selain itu, para peserta juga diharap dapat menyebarluaskan pengetahuan dan maklumat yang diperoleh kepada ahli keluarga serta masyarakat sekeliling.

Usaha ini diharap dapat membantu meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan pencegahan kebakaran dan persediaan menghadapi situasi kecemasan, sekali gus membentuk masyarakat yang lebih peka, bersedia dan berwaspada terhadap risiko kebakaran.

Kes pecah masuk, curi : 2 lelaki dipenjara, sebat

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



DUA lelaki tempatan telah disabitkan atas kesalahan berkaitan kecurian dan kerosakan harta benda di Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab (SMSUA), Kampung Lupak Luas.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 Oktober. - Dua lelaki tempatan, Hardi bin Juddin, 43 tahun dan Mohammad Noor Hilmi bin Awang Ahmad, 38 tahun, telah disabitkan atas kesalahan berkaitan kecurian dan kerosakan harta benda di Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab (SMSUA), Kampung Lupak Luas. Kedua-duanya telah dijatuhi hukuman penjara dan sebatan oleh mahkamah pada 26 Oktober 2026.

Hasil siasatan mendapati bahawa kedua-dua lelaki tersebut telah memasuki kawasan sekolah beberapa kali antara 9 hingga 16 Oktober 2026. Antara barang yang dicuri ialah sebuah komputer riba, dua buah pembesar suara mudah alih, dua unit kamera litar tertutup (CCTV) dan wang tunai.

Dalam salah satu kejadian, mereka menggunakan anak kunci yang diambil semasa kejadian terdahulu untuk memasuki sekolah. Pintu bilik pengetua serta pagar keselamatan jendela beberapa buah bilik turut dirosakkan.

Sebahagian barang yang dicuri, termasuk komputer riba berkenaan, telah berjaya diperoleh semula oleh pihak polis.

Kejadian pertama dikesan oleh penjaga malam sekolah, manakala rakaman CCTV turut membantu siasatan. Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan dan kakitangan SMSUA atas kerjasama yang diberikan dalam menyalurkan maklumat serta membantu siasatan.

Kedua-dua tertuduh telah dihadapkan dengan tujuh pertuduhan di bawah Seksyen 380 dan Seksyen 427 Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22).

Mahkamah telah menjatuhkan hukuman penjara selama 36 bulan dan dua sebatan terhadap Hardi bin Juddin, manakala Mohammad Noor Hilmi bin Awang Ahmad dijatuhi hukuman penjara selama 30 bulan dan dua sebatan. Hukuman penjara tersebut diperintahkan berjalan secara serentak, berkuat kuasa mulai 19 Oktober 2026.

PPDB mengingatkan orang ramai supaya sentiasa bekerjasama dengan pihak polis dengan menyalurkan maklumat berkaitan kegiatan jenayah melalui saluran rasmi PPDB.

BDCB terbitkan I-Bills siri ke-272

Siaran Akhbar dan Infografik : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 Oktober. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), sukacita mengumumkan penetapan kadar bagi terbitan BDCB I-Bills Ke-272.

Jumlah pengeluaran Sukuk Siri Ke-272 adalah sejumlah BND50 juta, iaitu tarikh pengeluaran pada 29 Oktober 2026, sementara tarikh matang adalah pada 12 November 2026 dalam jangka masa selama 14 hari pada kadar sewa 1.3700 peratus.

Dengan pengeluaran berkenaan, BDCB telah menerbitkan BDCB I-Bills jangka pendek bernilai keseluruhan BND8.18 bilion sejak tawaran pertama pada 22 Oktober 2020.

Jumlah pegangan dan baki tertunggak pegangan jumlah BDCB I-Bills yang masih belum matang setakat 29 Oktober 2026 berjumlah BND97.50 juta.

Series	Issuance Date	Maturity Date	Tenor	Amount offered	Bids Received	Rate
272	29 October 2026	12 November 2026	14 Days	BND50.00 million	BND65.00 million	1.3700%

Punca kematian 2 lelaki dalam siasatan

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 Oktober. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memaklumkan bahawa Balai Polis Limau Manis telah menerima laporan daripada orang awam berhubung kejadian seorang individu membuat kacau di hadapan sebuah kediaman di Kampung Limau Manis.

Hasil pemeriksaan di tempat kejadian mendapati dua orang lelaki telah disahkan meninggal dunia.

Siasatan awal mendapati kematian kedua-dua lelaki tersebut dipercayai berpunca daripada pergaduhan yang berlaku antara mereka. Beberapa barang bukti termasuk senjata yang dipercayai digunakan dalam kejadian tersebut turut dirampas bagi membantu siasatan.

Kedua-dua jasad si mati telah dibawa ke Bilik Mayat Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha untuk pemeriksaan bedah siasat. Punca sebenar kematian kedua-dua individu tersebut masih dalam siasatan dan tertakluk kepada hasil pemeriksaan bedah siasat.

PPDB turut mengambil maklum mengenai penularan gambar-gambar berkaitan kejadian ini di media sosial.

Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan agar tidak menyebarkan sebarang gambar atau video berkaitan kejadian demi menghormati privasi dan perasaan ahli keluarga si mati.

Orang ramai juga dinasihatkan supaya tidak membuat atau menyebarkan sebarang spekulasi yang boleh menjejaskan siasatan yang sedang dijalankan.

Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan kejadian ini adalah diminta untuk menghubungi Talian Kecemasan Polis 993 bagi membantu pihak polis dalam siasatan.

PELITA BRUNEI

BERITA GLOBAL

REPUBLIK RAKYAT CHINA GESA PERATURAN ANTARABANGSA DIGUNAKAN SECARA SAMA RATA, SERAGAM

NEW YORK, 29 Okt. - Republik Rakyat China menggesa Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) memastikan peraturan antarabangsa digunakan secara sama rata dan seragam.

Gesaan itu disuarakan Timbalan Wakil Tetap Republik Rakyat China ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Sun Lei ketika berucap pada sesi taklimat Presiden ICJ di Majlis Keselamatan PBB (UNSC) di sini, pada Rabu.

Tahun ini menandakan genap 80 tahun ICJ mula beroperasi.

Sun berkata ICJ dan UNSC perlu mengukuhkan komunikasi dan kerjasama untuk bersama-sama mempertahankan orde pascaperang serta mengekalkan keamanan dan keselamatan antarabangsa.

Beliau menzahirkan harapan agar ICJ terus melaksanakan mandatnya berpandukan Piagam PBB serta Statut ICJ, berpegang kepada prinsip persetujuan negara, menggunakan kuasa kehakiman secara berhemah serta mengekalkan pendirian objektif dan adil.

Sun turut menegaskan pendirian tegas Beijing yang menolak sebarang amalan dwistandard atau penggunaan peraturan antarabangsa secara terpilih.

Beliau berkata Republik Rakyat China akan terus menyokong usaha UNSC dan ICJ serta sedia bekerjasama dengan semua pihak untuk memelihara keamanan dunia dan menegakkan kedaulatan undang - undang antarabangsa. - ©BERNAMA

Portugal umum hingga 80 peratus subsidi EV untuk keluarga berpendapatan rendah

LISBON, 29 Okt. - Kerajaan Portugal mengumumkan pakej baharu subsidi kenderaan elektrik (EV) pada Rabu, termasuk skim khusus untuk isi rumah berpendapatan rendah buat kali pertama, kata Menteri Alam Sekitar Maria da Graca Carvalho kepada parlimen, lapor Xinhua.

Skim itu akan menyokong pembelian sehingga 20,000 kenderaan untuk keluarga berpendapatan rendah, meliputi sehingga 80 peratus daripada nilai setiap kenderaan.

Skim berasingan untuk penduduk umum, dengan peraturan yang serupa dengan program sebelumnya, akan memperuntukkan belanjawan kira-kira 50 juta (US$56 juta).

Kerajaan juga akan menyokong pembelian sehingga 9,000 EV oleh perusahaan mikro dan menggalakkan pemerolehan kenderaan berat yang lebih mampan, di samping pelaburan dalam infrastruktur pengecasan.

Bas elektrik untuk kawasan berkepadatan rendah, bertujuan untuk mengangkut pekerja dan pelajar, juga akan menerima pembiayaan bersama.

Program subsidi EV sebelum ini mempunyai anggaran keseluruhan 10 juta (US$11.2 juta). Ia menawarkan insentif sehingga 4,000 (US$4,480) untuk EV baharu berharga sehingga 38,500 (US$43,120), atau 55,000 (US$61,600) untuk model lebih lima tempat duduk.

Carvalho mengaitkan pengumuman itu dengan krisis tenaga yang sedang berlaku di Portugal, dengan mengatakan bahawa "membebaskan Portugal daripada pergantungan pada bahan api fosil bukanlah perkara ilusi, ia syarat penting untuk masa depan yang lebih baik dan kurang bergantung pada pihak ketiga". - ©BERNAMA

Republik Indonesia : Gempa bumi magnitud 6.2 landa laut banda, gegaran dirasai di Maluku, Papua

JAKARTA, 29 Okt. - Gempa bumi bermagnitud 6.2 melanda Laut Banda di timur Republik Indonesia pada awal pagi Khamis, dengan gegaran dirasai di beberapa kawasan di Maluku dan Papua.

Pengarah Gempa Bumi dan Tsunami Badan Meteorologi, Klimatologi dan Geofizik (BMKG) Wijayanto berkata gempa bumi itu berlaku pada 5.06 pagi waktu tempatan (6.06 pagi waktu Malaysia), dengan pusat gempa terletak kira-kira 203 kilometer (km) ke barat laut Kepulauan Tanimbar di wilayah Maluku.

Wijayanto berkata kekuatan gempa bumi itu pada awalnya dilaporkan pada magnitud 6.4, namun kemudian disemak semula selepas analisis lanjut, dengan kedalamannya dikemas kini kepada 164km.

"Berdasarkan hasil pemodelan tsunami, gempa bumi ini tidak berpotensi mencetuskan tsunami," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Wijayanto berkata gegaran direkodkan pada intensiti III mengikut skala Modified Mercalli Intensity (MMI), yang menunjukkan gegaran ringan dirasai di dalam bangunan di Banda Naira dan Tanimbar di Maluku, Kaimana di Papua Barat serta Sorong di Papua Barat Daya.

Beliau berkata tiada kejutan lanjur dikesan setakat 5.30 pagi waktu tempatan. BMKG akan terus memantau aktiviti seismik dan memberikan maklumat terkini.

Beliau menggesa penduduk supaya kekal tenang, menjauhi bangunan yang rosak akibat gempa bumi dan hanya merujuk maklumat yang disahkan menerusi saluran rasmi BMKG. - ©BERNAMA

Rangka dinosaur Nanotyrannus dilelong pada harga USD47.3 juta di New York

NEW YORK, 28 Okt. - Rangka fosil dinosaur Nanotyrannus yang jarang ditemukan berjaya dilelong pada harga USD47.3 juta di New York, menurut laporan Associated Press pada Selasa, lapor Sputnik/RIA Novosti.

Harga jualan itu jauh mengatasi anggaran awal Sotheby's antara USD6 juta hingga USD9 juta sebelum lelongan berlangsung.

Menurut laporan itu, rangka dinosaur yang diberi nama jolokan 'Jodi' berkenaan kini menjadi fosil dinosaur kedua termahal pernah dijual dalam lelongan.

Identiti pembeli dirahsiakan atas permintaannya, manakala proses bidaan berlangsung kira-kira 12 minit dengan pembida berjaya mengatasi lima pesaing lain yang menyertai lelongan menerusi telefon dan dalam talian.

Pada pertengahan Julai lalu, Sotheby's turut melelong fosil dinosaur Tyrannosaurus rex yang diberi nama jolokan 'Gus' di New York pada harga rekod USD50.1 juta.

Jualan itu menjadikan 'Gus' fosil dinosaur termahal pernah dilelong, sekali gus mengatasi anggaran harga awal antara USD20 juta hingga USD30 juta. - ©BERNAMA

Republik Korea adakan mesyuarat tergempar susulan serangan siber terhadap sektor kewangan

SEOUL, 28 Okt. - Pejabat Presiden Republik Korea dijadual mengadakan mesyuarat tergempar pada Rabu bagi membincangkan langkah menangani beberapa serangan penggodam terhadap syarikat kewangan yang mengakibatkan kebocoran data pelanggan, lapor Agensi Berita Yonhap.

Menurut Pejabat Presiden, mesyuarat itu akan dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pejabat Keselamatan Negara Cheong Wa Dae, Song Ki-ho, dengan penyertaan pegawai Suruhanjaya Perkhidmatan Kewangan.

Tiga syarikat, iaitu Mirae Asset Global Investments, platform pertukaran mata wang kripto Bithumb dan Daishin Securities, melaporkan kebocoran data pelanggan pada awal Rabu susulan beberapa serangan penggodam yang berasingan baru-baru ini.

Mesyuarat tergempar itu dijangka meneliti tahap keseluruhan kerosakan akibat serangan siber berkenaan serta langkah bagi mencegah kerosakan lanjut. - ©BERNAMA

Operasi selamatkan 4 juruteknik penerbangan: El Salvador kerah lebih 2,000 tentera di Haiti

WASHINGTON, 29 Okt. - El Salvador akan mengerahkan lebih 2,000 tentera di Haiti sebagai sebahagian operasi besar-besaran menyelamatkan empat juruteknik penerbangan tentera Salvador, menurut Kementerian Luar negara itu pada Rabu, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Menurut kementerian itu dalam satu kenyataan, Presiden Nayib Bukele membincangkan operasi tersebut dengan Perdana Menteri Haiti Alix Didier Fils-Aime dalam panggilan telefon, serta kehadiran berterusan misi El Salvador di negara Caribbean itu.

Bukele menekankan sifat agresif operasi bagi menyelamatkan empat anggota tentera berkenaan dan mengesahkan kesediaan El Salvador untuk terus menyokong usaha memerangi kumpulan samseng di Haiti, menurut kenyataan itu.

Presiden Salvador itu juga berterima kasih kepada penduduk dan pihak berkuasa Haiti, termasuk pasukan keselamatan tempatan, atas sokongan dan kerjasama mereka.

Empat juruteknik penerbangan tentera itu hilang minggu lepas berikutan serangan hendap di kawasan yang dikawal kumpulan samseng di timur ibu negara Haiti, Port-au-Prince.

Haiti berdepan keganasan kumpulan samseng dan pergolakan politik selama bertahun-tahun, yang meningkat selepas pembunuhan Presiden Jovenel Moise pada 2021. - ©BERNAMA

Malaysia cadang pulihkan 2 klinik kesihatan di Sudan bantu keluarga hilang tempat tinggal

KUALA LUMPUR, 29 Okt. - Malaysia mencadangkan pemulihan dua klinik penjagaan kesihatan primer sedia ada di Sudan bagi menyediakan perkhidmatan perubatan kepada keluarga yang kehilangan tempat tinggal menerusi program bantuan kesihatan bergerak, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad.

Beliau berkata klinik berkenaan akan dijadikan pangkalan operasi bagi perkhidmatan bantuan kesihatan bergerak sebagai sebahagian daripada usaha membantu memulihkan perkhidmatan asas di negara yang dilanda peperangan itu.

Dalam ucaptamanya pada Persidangan Malaysia-Sudan mengenai Pendidikan dan Pemulihan Kemanusiaan di sini pada Khamis, Dzulkefly berkata Malaysia juga komited untuk menyokong pemberian elaun operasi kepada petugas kesihatan barisan hadapan.

Malaysia juga merancang untuk melibatkan universiti dan fakulti perubatannya untuk memulakan latihan klinikal serta program pementoran jarak jauh bagi membantu mengekalkan dan memperkukuh tenaga profesional serta institusi kesihatan Sudan, katanya.

"Penjagaan kesihatan primer, kelangsungan hidup ibu dan anak serta rawatan tanpa gangguan mesti menjadi keutamaan tertinggi.

"Tragedi sebenar krisis kesihatan Sudan bukan sekadar kerosakan infrastruktur fizikal, tetapi hakikat bahawa lebih 70 peratus tenaga kerja kesihatannya terpaksa berpindah," katanya.

Dzulkefly berkata usaha memperkukuh penyelarasan, tadbir urus dan daya tahan rantaian bekalan juga perlu diberi keutamaan bagi memastikan ketelusan.

Beliau berkata bantuan projek Malaysia akan diselaraskan di bawah Op Ihsan dan diuruskan oleh Malaysian Humanitarian Aid and Relief (MAHAR), dengan pelaksanaan audit bebas.

"Di tengah-tengah ketegangan serantau yang meningkatkan kos penghantaran, Malaysia bersedia meneroka laluan bekalan alternatif dan pengaturan logistik luar jangka bagi memastikan ubat-ubatan serta peralatan penting sampai kepada pesakit tanpa sebarang kelewatan," katanya.

Persidangan selama dua hari yang berlangsung dari 28 hingga 29 Oktober itu dianjurkan bersama oleh International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) dan Kedutaan Sudan di Malaysia. - ©BERNAMA

SIDANG KEMUNCAK RUSIA-AFRIKA TERIMA PAKAI DEKLARASI SOKONG DUNIA MULTIPOLAR

MOSCOW, 30 Okt. - Sidang Kemuncak Rusia-Afrika ketiga pada Khamis menerima pakai deklarasi yang menggesa pembentukan tatanan dunia lebih multipolar, peningkatan perwakilan Afrika dalam tadbir urus global serta peluasan kerjasama dalam bidang perdagangan, tenaga, keselamatan dan teknologi, menurut Kremlin, lapor Xinhua.

Deklarasi itu menekankan kepentingan kedaulatan negara, prinsip tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman serta penghormatan terhadap Piagam Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu (PBB).

Ia turut menggesa pembaharuan institusi antarabangsa termasuk meningkatkan perwakilan Afrika dalam Majlis Keselamatan PBB, selain menentang langkah paksaan unilateral dan rampasan aset negara berdaulat secara tidak sah.

Mengenai hubungan ekonomi, deklarasi itu menggesa kepelbagaian perdagangan, pengurangan halangan perdagangan serta peningkatan pelaburan dan perindustrian di Afrika.

Ia turut menekankan kerjasama dalam sektor tenaga termasuk tenaga nuklear dan gas asli, selain pertanian, bekalan baja, pemprosesan mineral kritikal serta infrastruktur pengangkutan.

Deklarasi itu juga menggesa kerjasama keselamatan lebih erat bagi memerangi keganasan, ekstremisme ganas dan kegiatan lanun di laut.

Ia mencadangkan penubuhan mekanisme dialog tetap peringkat tinggi antara Persekutuan Rusia dan Afrika mengenai usaha memerangi keganasan, keterjaminan makanan dan keselamatan maklumat.

Keutamaan lain termasuk kerjasama dalam bidang Kecerdasan Buatan (AI), teknologi digital, sains, pendidikan, penjagaan kesihatan serta pertukaran budaya.

Deklarasi itu turut menggesa pengiktirafan lebih meluas terhadap kesan berpanjangan penjajahan, usaha memperjuangkan keadilan sejarah serta pemulangan harta warisan budaya.

Sidang kemuncak yang berlangsung di Moscow pada 28 hingga 29 Oktober itu menghimpunkan wakil dari 48 negara Afrika termasuk 22 negara yang diwakili ketua negara masing-masing, menurut Kremlin. - ©BERNAMA

Kanada lancar strategi keselamatan negara pertama dalam tempoh lebih 20 tahun

HAMILTON, 30 Okt. - Perdana Menteri Kanada Mark Carney pada Khamis melancarkan "The Plan for a Stronger Canada", strategi keselamatan negara pertama negara itu dalam tempoh lebih dua dekad, menurut kenyataan pejabatnya, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Pelan itu mencerminkan "perubahan besar dalam realiti global", termasuk kelemahan sistem antarabangsa berasaskan peraturan dan ancaman baharu terhadap kedaulatan Kanada seperti serangan siber serta penggunaan perjanjian perdagangan sebagai senjata, menurut kenyataan itu.

Pelan berkenaan menggariskan lima keutamaan iaitu memperkukuh keselamatan dan daya tahan ekonomi, melaksanakan "dasar luar yang berdisiplin" dengan mempelbagaikan kerjasama, membina semula Angkatan Tentera Kanada, melindungi rakyat daripada ancaman jenayah dan keselamatan negara serta memodenkan keupayaan perisikan.

Dalam aspek pertahanan, kerajaan memaklumkan bahawa Kanada akan memperkukuh industri pertahanan domestik, mempercepat proses perolehan dan meningkatkan keselamatan di Artik, di samping menyumbang kepada kestabilan di Indo-Pasifik, Asia Barat dan rantau lain.

Pelan itu turut menggariskan komitmen untuk mempergiat usaha menangani campur tangan asing, pengintipan, ekstremisme ganas dan jenayah terancang rentas negara termasuk sabotaj, pemerasan, pengubahan wang haram serta tindakan mengelak sekatan.

Kanada juga berikrar memperkukuh keupayaan perisikan negara secara bebas, mempererat kerjasama perisikan dengan rakan antarabangsa serta mengemas kini peruntukan undang-undang berkaitan "sambil melindungi hak rakyat Kanada".

"Dalam dunia yang berubah dengan pantas, semakin berbahaya dan semakin berpecah-belah, Kanada mesti mempunyai keupayaan untuk mempertahankan kedaulatan, daya tahan menghadapi ancaman baharu serta keazaman menentukan masa depan sendiri," kata Carney.

Menteri Pertahanan David McGuinty berkata strategi itu bertujuan membina Kanada yang "mampu berdikari, bertindak dengan yakin serta kekal sebagai sekutu dan rakan kerjasama yang berkeupayaan serta boleh dipercayai".

Sementara itu, Menteri Luar Anita Anand berkata keselamatan dan kemakmuran Kanada "semakin dipengaruhi oleh perkembangan di luar sempadan negara". - ©BERNAMA

Lima diselamatkan, seorang hilang selepas kapal tunda terbakar di Jepun

TOKYO, 30 Okt. - Lima orang diselamatkan manakala seorang lagi masih hilang selepas sebuah kapal tunda terbakar di perairan Pulau Miyako, wilayah Okinawa di selatan Jepun pada Jumaat, lapor Xinhua yang memetik laporan media tempatan.

Pejabat Pengawal Pantai Miyakojima menerima laporan mengenai kebakaran itu kira-kira 8.15 pagi waktu tempatan.

Sebuah pesawat Pengawal Pantai Jepun kemudian menemukan lima daripada enam anak kapal warga Jepun di atas rakit penyelamat berhampiran lokasi kejadian.

Tiada seorang pun daripada mereka mengalami kecederaan yang mengancam nyawa.

Operasi mencari seorang lagi anak kapal yang masih hilang sedang dijalankan. - ©BERNAMA

Pertambahan pekerja di Republik Singapura lebih dua kali ganda pada suku ketiga 2026

REPUBLIK SINGAPURA, 30 Okt. - Pasaran buruh Republik Singapura terus berkembang pada suku ketiga 2026 apabila jumlah pekerja bertambah sebanyak 27,700 orang, lebih dua kali ganda berbanding pertambahan 11,400 orang pada suku sebelumnya, menurut data awal Kementerian Tenaga Manusia (MOM).

Dalam kenyataan pada Jumaat, MOM memaklumkan bahawa pertambahan pekerja dalam kalangan penduduk dan bukan pemastautin meningkat dengan ketara pada suku ketiga berbanding suku sebelumnya.

"Pertumbuhan pekerjaan dalam kalangan penduduk terus disokong terutamanya oleh sektor perkhidmatan penting dan awam, manakala pertumbuhan dalam sektor berorientasikan pasaran luar kekal perlahan berikutan ketidaktentuan ekonomi global.

"Pertambahan pekerja bukan pemastautin pula terus menyumbang sebahagian besar kepada keseluruhan pertumbuhan pekerjaan, khususnya dalam sektor pembinaan dan pembuatan," menurut kementerian itu.

Bagaimanapun, jumlah pemberhentian pekerja meningkat sedikit daripada 4,620 pada suku kedua kepada 4,800 pada suku ketiga, dengan angka itu kekal tinggi dalam beberapa sektor berorientasikan pasaran luar. "Kadar pengangguran keseluruhan kekal tidak berubah pada 2.0 peratus pada September 2026," menurut MOM.

Mengenai prospek pasaran buruh, kementerian itu berkata syarikat perlu terus menyesuaikan diri dan melabur dalam pembangunan tenaga kerja, manakala pekerja perlu memastikan kemahiran mereka kekal relevan dalam menghadapi prospek ekonomi global yang semakin tidak menentu serta perubahan teknologi pesat. - ©BERNAMA

New York lulus undang-undang lindungi kanak-kanak daripada risiko *chatbot* AI

NEW YORK, 30 Okt. - Gabenor New York Kathy Hochul menandatangani undang-undang bagi melindungi golongan bawah umur daripada risiko penggunaan *chatbot* Kecerdasan Buatan (AI) yang semakin meningkat, menurut pejabat gabenor itu, lapor Xinhua.

Undang-undang baharu yang ditandatangani Hochul pada Rabu itu melarang syarikat menawarkan pelbagai ciri *chatbot* kepada pengguna bawah usia 18 tahun termasuk menyamar sebagai manusia, mewujudkan kebergantungan emosi, menggalakkan perbuatan mencederakan diri sendiri atau terlibat dalam perbualan berunsur seksual secara terang-terangan.

Di bawah undang-undang baharu itu, pelanggaran boleh dikenakan penalti sivil sehingga US$25,000 melalui tindakan yang diambil oleh Peguam Negara New York.

Rang undang-undang itu turut memperuntukkan penubuhan laman sesawang awam bagi membolehkan penduduk New York mengemukakan aduan terhadap syarikat chatbot yang disyaki melanggar peraturan berkenaan.

Beberapa negeri di Amerika Syarikat (AS) telah meluluskan undang-undang bagi mengehadkan penggunaan *chatbot* dalam kalangan kanak-kanak serta mengenakan syarat keselamatan yang lebih ketat terhadap syarikat AI.

Pada September, Gabenor California Gavin Newsom menandatangani undang-undang yang mewajibkan pembangun *chatbot* menjalankan dan menerbitkan penilaian risiko keselamatan kanak-kanak setiap tahun, selain memastikan produk mereka menjalani audit bebas.

Newsom turut menandatangani undang-undang yang melarang platform media sosial daripada menggunakan ciri yang boleh menyebabkan ketagihan dalam kalangan pengguna bawah usia 16 tahun. - ©BERNAMA

Gunung Berapi Mayon meletus di utara Republik Filipina

MANILA, 30 Okt. - Gunung Berapi Mayon di wilayah Albay, utara Republik Filipina meletus pada Jumaat, menurut Institut Vulkanologi dan Seismologi Filipina, lapor Xinhua.

Institut itu menaikkan tahap amaran daripada Tahap Dua kepada Tahap Tiga, dengan Tahap Lima merupakan tahap amaran tertinggi.

Gunung berapi berkenaan terletak kira-kira 500 kilometer di tenggara Manila. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI

SUKAN

ePaper Pelita Brunei

PENYERAHAN BENDERA KEPADA KONTINJEN SKBD DAERAH TEMBURONG



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyerahan bendera Kontinjen Daerah Temburong kepada Ketua Kontinjen (atas kanan dan atas kiri).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Temburong

TEMBURONG, Rabu, 28 Oktober. - Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) Ke-V, 2026 bagi Daerah Temburong telah diadakan baru-baru ini bertempat di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat dan kemudiannya menyempurnakan penyerahan bendera tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan daripada Pemangku Pegawai Daerah Temburong.

Acara diteruskan dengan penyerahan bendera Kontinjen Daerah Temburong kepada Ketua Kontinjen, Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Suhaili serta penyerahan tajaan sebagai tanda sokongan terhadap penyertaan kontinjen dalam kejohanan sukan berkenaan.

Kontinjen Daerah Temburong akan menyertai kesemua 10 acara di SKBD Ke-V 2026 iaitu akuatik, badminton, bola sepak, futsal, karate, olahraga, bola jaring, pencak silat, sepak takraw dan tarik kalat.

Penyertaan ini mencerminkan komitmen Daerah Temburong dalam menggalakkan penglibatan dalam bidang sukan, di samping memupuk semangat kesukanan, disiplin, perpaduan dan kerjasama berpasukan dalam kalangan para atlet.

Kontinjen NBD selamat tiba di Dakar, Senegal

DAKAR, SENEGAL, Khamis, 29 Oktober. - Rombongan kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) yang akan menyertai Sukan Belia Olimpik Ke-4 2026 selamat tiba di Dakar, Senegal.

Rombongan diketuai oleh Pengiran Siti Amal Jariah binti Pengiran Haji Matjinen, selaku Chef De Mission, beserta dua orang atlet renang dan wusyu, dua orang jurulatih serta Ketua Urus Setia.

Setibanya di Youth Olympic Village (YOV), Mesyuarat Pendaftaran Akhir Delegasi (Final Delegation Registration Meeting) berjalan dengan lancar dan atlet serta pegawai telah menerima kad akreditasi serta kunci bilik masing-masing.

Berita dan Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Belia Olimpik Ke-4 2026

Manakala, rombongan kedua bagi pasukan Olahraga dijangka bertolak dari NBD pada 3 November 2026 ini.



ROMBONGAN kontinjen Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Pengiran Siti Amal Jariah binti Pengiran Haji Matjinen, selaku Chef De Mission selamat tiba di Dakar, Senegal bagi Sukan Belia Olimpik Ke-4 2026.

TAHUKAH AWDA

TIADA sebarang Hiburan Awam boleh diadakan kecuali di suatu tempat yang dibenarkan atau menurut surat lesen yang dikeluarkan oleh Pegawai Melesen. Mana-mana orang yang mengadakan atau membantu mengadakan sebarang Hiburan Awam yang dikawal di bawah Perintah Darurat (Hiburan Awam) 1997 tanpa mendapat kebenaran pihak berkuasa Melesen Hiburan Awam jika sabit kesalahan, boleh dikenakan denda tidak melebihi BND10,000 bagi kesalahan pertama dan bagi kesalahan-kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan dua kali hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu dan hukuman penjara tidak melebihi dari dua tahun penjara.

SUMBER : *www.moha.gov.bn*